PANDUAN AMALAN HARIAN
بداية الهداية
Bidayatul Hidayah
(PERMULAAN JALAN HIDAYAH)
Al Imam Hujjatul Islam Al Ghazali r.a

PANDUAN AMALAN HARIAN DALAM KEHIDUPAN SEORANG MUSLIM

BIDAYATUL HIDAYAH

(PERMULAAN JALAN HIDAYAH)

KARANGAN

AL IMAM HUJJATUL ISLAM ABU HAMID AL GHAZALI

(Meninggal pada tahun 505 hijrah)

DITERJEMAHKAN OLEH

ABU ALI AL BANJARI AN NADWI

(Ahmad Fahmi Zamzam)

Khazanah Banjariah

No. 3, Jalan Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari
Maahad Tarbiyah Islamiah, Derang, Pokok Sena, Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7143712

BIDAYATUL HIDAYAH

KARANGAN
AL IMAM HUJJATUL ISLAM ABU HAMID AL GHAZALI
(meninggal pada tahun 505 hijrah)

DITERJEMAH OLEH
ABU ALI AL BANJARI AN NADWI
(Ahmad Fahmi Zamzam)

PENERBIT ASAL

Khazanah Banjariah
Maahad Tarbiyah Islamiah
Derang, Pokok Sena Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7143712

Edisi Rumi Februari 1994
Cetakan Kedua 1995

DITERBITKAN OLEH:
PUSTAKA DARUSSALAM SDN. BHD.
KOMPLEKS PERUDA, JALAN SULTAN BADLISHAH
ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN
TELEFON : 04-7335724

AL JAME' AL UMAWI (MASJID BANI UMAIYAH)
DI DAMASCUS SYRIA

Di sudut belakang sebelah kanan masjid ini terdapat "*Zawiyah Ghazaliyah*" iaitu sebuah bilik yang telah dijadikan oleh Imam Ghazali Rahimahullahu Taala sebagai tempat beribadat dan mengarang kitab.

Alhamdulillah, terjemahan kitab "*Bidayatul Hidayah*" ini dapat diselesaikan di "*Zawiyah Ghazaliyah*" tersebut pada hari Khamis, 16 Rabiul Awwal 1414H bersamaan dengan 3 September 1993M, jam 11.30 pagi.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيدنا محمد
وعلى آله وصحبه اجمعين.

Adalah didoakan semoga terjemahan ini menjadi

SIMPANAN BERHARGA

Untuk;

DIRIKU

IBUBAPAKU

ISTERIKU

ANAK-ANAKKU

KELUARGAKU

DAN SELURUH MUSLIMIN DAN MUSLIMAT

Dan adalah diharapkan,
Semoga kitab ini menjadi panduan dalam menuju kebahagiaan yang abadi.

Di dalam Kaedah Agama kita ada disebutkan:

مَا لاَ يُدْرَكُ كُلُّهُ لاَ يُتْرَكُ كُلُّهُ

"Apa yang tidak dapat dibuat semua, maka jangan ditinggalkan semua."

"Oleh kerana itu, jadikanlah kitab ini sebagai panduan dalam usaha meningkatkan ketakwaan. Kita tidak dicela kerana tidak sampai ke tingkatan takwa yang paling tinggi, tetapi kita dicela kerana tidak membuat usaha, sedangkan kita masih berkemampuan."

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR PENTERJEMAH

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. yang telah memberikan limpahan taufik dan hidayah serta inayahNya sehingga terjemahan kitab "***Bidayatul Hidayah***" ini dapat diselesaikan.

Kitab "***Bidayatul Hidayah***" adalah di antara kitab karangan ***Imam Hujjatul Islam Al Ghazali Rahimahullahu Taala*** yang banyak diberi berkat oleh Allah Taala. Dan kitab ini telah banyak memberi faedah dan bimbingan bagi setiap orang yang mentelaahnya dengan niat yang ikhlas untuk mengamalkan isi dan kandungannya. Faedah dan manfaatnya sudah jelas dan tidak dapat diragui lagi.

Apabila kita pelajari kitab ini dengan teliti, kita akan dapat merasakan bahawa Imam Ghazali Rahimahullahu Taala telah bercakap kepada muridnya atau kepada sesiapa sahaja yang mempelajari kitabnya dengan hati yang penuh kasih sayang dan belas kasihan. Beliau bercakap dari hati ke hati, dari hati nurani seorang murabbi (pendidik) yang alim dan banyak berpengalaman di bidang pembentukan rohani dan penyucian jiwa sehingga ternampak di celah-celah ungkapan yang beliau ucapkan, hakikat dunia yang fana ini dan hakikat akhirat yang merupakan tempat kembali kita yang kekal abadi.

Di dalam kitab ini Imam Ghazali Rahimahullahu Taala menggariskan amalan-amalan harian yang mesti kita lakukan setiap hari dan adab-adab untuk melaksanakan amal ibadat, supaya ibadat tersebut dapat dilakukan dengan baik, penuh erti dan memberikan kesan yang mendalam. Begitu pula Imam Ghazali Rahimahullahu Taala menunjukkan kepada kita

bagaimana jalan yang mesti kita ikuti supaya kita dapat meninggalkan segala dosa dan maksiat sama ada zahir ataupun batin. Setelah itu beliau menyebut adab-adab pergaulan seseorang dengan Allah sebagai penciptanya dan dengan semua lapisan makhluk yang ada di permukaan bumi ini.

Oleh itu, kitab ini sangat penting dan *sangat sesuai untuk dijadikan panduan amalan harian bagi kehidupan seorang Muslim* yang mahu menjadikan negeri akhirat, masuk ke dalam syurga dan mendapatkan keredhaan Allah Taala sebagai matlamat hidupnya.

Sebenarnya kitab "***Bidayatul Hidayah***" ini telah pun diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh ***Al 'Alimul 'Allamah As Syeikh Abdul Samad Al Falimbani*** Rahimahullahu Taala (meninggal dunia sekitar tahun 1203 Hijrah) dan beliau namakan terjemahan tersebut dengan "***Hidayatus Salikin Fi Suluki Maslakil Muttaqin***" iaitu kitab yang tersangat masyhur di Asia Tenggara ini dan sangat banyak berkatnya. Ia mempunyai gaya bahasa yang tinggi dan huraian yang lengkap serta tambahan yang sangat besar faedahnya. *Dan tujuan kita menterjemahkan semula kitab ini hanyalah untuk menampilkan satu terjemahan baru yang lebih ringkas dan lebih sesuai bagi meraikan kemampuan generasi yang ada sekarang ini.*

Mudah-mudahan terjemahan ini diterima di sisi Allah Taala dan diberikan keberkatan. Dan adalah diharapkan semoga terjemahan ini dapat menyinari jalan bagi sesiapa yang berusaha untuk mencapai kebahagiaan yang abadi di negeri akhirat kelak.

Al Faqir Ilallah
Abu Ali Al Banjari An Nadwi
(AHMAD FAHMI ZAMZAM)
Maahad Tarbiyah Islamiyah,
Derang, Pokok Sena, Kedah Darul Aman

2 Rabiul Akhir 1414 H
20hb Ogos 1993 M

BEBERAPA PERHATIAN DALAM TERJEMAHAN INI

(PERTAMA)

Di dalam menterjemahkan kitab Bidayatul Hidayah karangan Imam Ghazali Rahimahullahu Taala ini ada beberapa naskhah yang kami jadikan bahan perbandingan, iaitu :

1. Bidayatul Hidayah cetakan Maktabatul Ghazali, Damsyik, Syria.
2. Bidayatul Hidayah yang di tahkiq oleh Syeikh Mohammad Hajjar Al Halabi, cetakan Darul Turasul Arabi, Kaherah, Mesir. Cetakan kelima 1406 H/1986 M.
3. Bidayatul Hidayah cetakan Dar Hafiz, Jeddah, Saudi Arabia Cetakan tahun1412 H/1992 M.
4. Bidayatul Hidayah di tepi kitab Minhajul Abidin, Cetakan Maktabatul Maarif, Pulau Pinang, Malaysia.

(KEDUA)

Kitab-kitab lain yang dijadikan rujukan dalam terjemahan ini ialah;

1. Syarah Maraqi al Ubudiah 'Ala Matni Bidayatil Hidayah, Syarah kitab Bidayatul Hidayah karangan Al Allamah As Syeikh Nawawi Al Jawi Al Bantani, cetakan Maktabah Darus Saqqaf, Surabaya, Indonesia.
2. Hidayatus Salikin fi Suluki masalik al Muttaqin, karangan Al Alimul Allamah As Syeikh Abdul Samad Al Falimbani Rahimahullahu Taala dalam tiga macam naskhah;
   i. *Naskhah cetakan Maktabatul Ma'arif, Pulau Pinang, Malaysia (Tulisannya besar dan bertulis tangan)*

ii. *Naskhah cetakan Maktabatul Ma'arif, Pulau Pinang, Malaysia (Cetakan yang disalin daripada cetakan Al Mathba'atul Misriyah, Mesir) dan dicap di tepinya Kitab Ad Durrun Nafis.*

iii. *Naskhah yang ditahqiqkan oleh Ustaz Syamsuddin Sidek, cetakan Nahdi, Pulau Pinang, Malaysia.*

(KETIGA)

Dalam membuat "***kandungan***", ada sedikit dibuat perubahan untuk memudahkan kita memahami maksud pembahagian kitab.

(KEEMPAT)

Simbol-simbol yang digunakan ialah;

1. (.........) menunjukkan "***Syarah***" iaitu perkataan yang menerangkan maksud muallif.
2. {..........} menunjukkan "***Ziyadah***" iaitu perkataan tambahan daripada penterjemah untuk menerangkan lagi maksud kitab asal atau menambahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan masalah yang sedang dibicarakan.

MUQADDIMAH

Dengan nama Allah yang sangat pemurah lagi sangat mengasihi. Segala puji bagi Allah sebenar-benar pujian. Selawat dan salam tercurah kepada sebaik-baik makhlukNya, penghulu kita Nabi Muhammad S.A.W. dan juga kepada keluarga dan para sahabatnya dan pengikut-pengikutnya.

Ketahuilah ~ Wahai saudaraku yang sangat berminat dan mempunyai perhatian dalam mencari ilmu, yang telah menunjukkan cita-cita yang tinggi dan rasa sangat dahaga terhadap ilmu pengetahuan ~ Seandainya engkau berniat dengan mencari ilmu ini untuk berlumba-lumba dan mendapatkan kemegahan dan terkemuka di kalangan kawan-kawan dan untuk menarik perhatian orang ramai terhadap dirimu dan menghimpunkan akan kekayaan dunia, maka sebenarnya engkau telah berusaha menghancurkan agamamu dan membinasakan dirimu sendiri dan menjual akhiratmu untuk mendapatkan harta dunia, maka penjualanmu adalah rugi dan perniagaanmu porak-peranda dan guru yang mengajarmu adalah dikira menolongmu dalam membuat maksiat dan ia juga akan merasakan kerugian. Ketika ini guru yang mengajarmu itu laksana seorang yang menjual pedang kepada perompak seperti sabda Rasulullah S.A.W.:

مَنْ أَعَانَ عَلَى مَعْصِيَةٍ وَلَوْ بِشَطْرِ كَلِمَةٍ كَانَ شَرِيْكًالَهُ فِيْهَا.

Ertinya : "Siapa yang menolong orang lain melakukan sesuatu maksiat walaupun hanya dengan setengah kalimat maka orang itu dikira berkongsi di dalam melakukan maksiat tersebut."

Dan jikalau niatmu di dalam mencari ilmu itu untuk mencari keredhaan Allah dan mencari hidayah, bukan semata-mata untuk pandai bercakap maka hendaklah engkau bergembira, kerana para malaikat telah mengembangkan sayapnya apabila engkau berjalan dan ikan yang ada di dalam laut semuanya meminta ampun bagimu apabila engkau berjalan. Tetapi sebelum itu hendaklah engkau ketahui bahawa hidayah itu adalah buah daripada ilmu dan bagi hidayah itu ada "*bidayah*" (permulaan) dan ada pula "*nihayah*" (kesudahan) dan ada "*zahir*" dan ada pula "*batinnya*" dan engkau tidak akan sampai kepada "*nihayatul hidayah*" dan engkau tidak akan dapat menyelami "batin hidayah" kecuali setelah engkau selesai daripada memyempurnakan segala urusan yang berkenaan dengan "*zahir hidayah*" itu.

Di dalam kitab ini saya akan sebutkan "*Bidayatul Hidayah*" (permulaan jalan menuju hidayah) supaya engkau cuba mengamalkannya pada dirimu dan supaya engkau dapat menguji hatimu. Seandainya engkau dapati hatimu cenderung kepadanya

(1) Di dalam Sunan Ibnu Majah disebutkan seumpama hadis ini dengan lafaz:

من أعان على قتل مؤمن بشطر كلمة لقى الله عز وجل مكتوبا بين عينيه آيس من رحمة الله. (ابن ماجه كتاب الديات).

dan nafsumu mahu mengikuti arahannya dan dia dapat memberikan perhatian yang sewajarnya, maka nanti engkau akan sampai kepada "*nihayatul hidayah*" hingga engkau mampu mengharungi lautan ilmu yang luas itu. Tetapi jikalau engkau mendapati hatimu tidak memberi perhatian kepadanya dan nafsumu suka berlambat-lambat dalam melaksanakan perintahnya maka ketahuilah bahawa kecenderunganmu dalam menuntut ilmu sebenarnya hanya tunduk kepada perintah syaitan yang terkutuk yang mahu menipu engkau dengan bermacam-macam tipu helahnya. Sehingga engkau akan terjerumus ke dalam jurang kecelakaan.

Syaitan sebenarnya bermaksud supaya engkau melakukan kejahatan pada hal engkau mengira bahawa engkau telah berbuat kebaikan. Maka dengan itu syaitan telah berjaya memperdayakan engkau dan ia telah berjaya mengumpulkan engkau bersama-sama dengan golongan yang disebutkan di dalam ayat yang berbunyi:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا
الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا

Maksudnya : "Katakanlah ~ Wahai Muhammad! Mahukah kamu aku khabarkan dengan orang yang sebenarnya mendapat kerugian di dalam usaha mereka. Iaitu orang yang telah mensia-siakan perbuatan mereka dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah berbuat baik."

(Surah Al Kahfi, ayat 103 - 104)

Ketika itu syaitan sangat pandai mengajar engkau akan kele-

bihan ilmu dan darjat para ulama dan ia mengajar engkau beberapa kelebihan mencari ilmu yang telah disebut di dalam hadis dan juga perkataan para ulama, sedangkan syaitan dengan sengaja melupakan engkau daripada seumpama sabdaan Rasulullah S.A.W. yang berbunyi:

مَنِ ازْدَادَ عِلْمًا وَلَمْ يَزْدَدْ هُدًى لَمْ يَزْدَدْ مِنَ اللهِ الاَّ بُعْدًا

Ertinya : "Siapa yang bertambah ilmunya sedangkan hidayahnya (amalannya) tidak bertambah, maka ia hanya bertambah jauh daripada rahmat Allah."

(Hadis riwayat Abu Mansor Ad Dilami dalam Musnad Al Firdaus dengan sanad yang dhaif. Al Ihya 1/95)

Dan syaitan juga melupakan engkau daripada sabdaan baginda yang berbunyi:

أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَالِمٌ لَمْ يَنْفَعْهُ اللهُ بِعِلْمِهِ

Ertinya : "Orang yang paling dahsyat siksaannya pada hari kiamat nanti ialah orang yang alim yang tidak memberi manfaat akan dia oleh Allah dengan ilmunya."

(Hadis riwayat At Tabrani fil soghir daripada Abu Hurairah)

Pada hal Rasulullah S.A.W. selalu berdoa {mengajarkan kepada umatnya} :

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ، وَقَلْبٍ لاَ يَخْشَعُ، وَعَمَلٍ لاَ يُرْفَعُ، وَدُعَاءٍ لاَ يُسْمَعُ

Ertinya : "Ya Allah aku berlindung dengan engkau daripada ilmu yang tidak memberi manfaat dan daripada hati yang tidak khusyuk dan daripada amalan yang tidak diangkat (tidak diterima) dan daripada doa yang tidak didengar (tidak dimakbulkan)."

(Hadis riwayat Ahmad daripada Anas, tetapi tidak di sebut وقلب لا يخشع *)*

Dan Syaitan juga melupakan engkau daripada sabda Rasulullah S.A.W. yang berbunyi:

مَرَرْتُ لَيْلَةَ أُسْرِيَ بِي بِأَقْوَامٍ تُقْرَضُ شِفَاهُهُمْ بِمَقَارِيْضَ مِنْ نَارٍ، فَقُلْتُ: مَنْ أَنْتُمْ؟ قَالُوْا: كُنَّا نَأْمُرُ بِالْخَيْرِ وَلاَ نَأْتِيْهِ، وَنَنْهَى عَنِ الشَّرِّ وَنَأْتِيْهِ.

Ertinya : "Aku melalui pada malam aku diisrakkan dengan kaum yang dipotong lidah mereka dengan gunting daripada api. Maka aku bertanya : Siapakah kamu ini? Mereka menjawab : Kami adalah orang yang suka menyuruh orang lain berbuat kebaikan tetapi kami tidak melakukannya dan kami suka melarang orang lain meninggalkan kejahatan tetapi kami mengerjakannya."

(Hadis riwayat Ibnu Hiban daripada Anas R.A)

Maka berhati-hatilah engkau wahai saudaraku daripada tipu muslihat syaitan dan janganlah engkau tunduk kepada tipuannya. Syaitan sangat pandai memerangkap engkau {dengan menyetujui engkau mencari ilmu} pada hal sebenarnya ia telah memperdayai engkau {dengan memesongkan niatmu} maka celaka bagi si jahil sekali celaka kerana ia tidak mahu belajar dan celaka bagi si alim seribu kali celaka apabila ia tidak mengamalkan ilmunya.

Dan ketahuilah bahawa manusia di dalam menuntut ilmu ini terbahagi kepada tiga keadaan:

Pertama : Orang yang mencari ilmu untuk menjadikannya sebagai bekalan ke negeri akhirat maka dia tidak berniat dengan mencari ilmu kecuali hanya mendapat keredhaan Allah dan negeri akhirat. Maka orang ini termasuk di dalam golongan orang yang beruntung.

Kedua : Orang yang mencari ilmu untuk mendapatkan keuntungan yang segera (dunia) dan mendapatkan kemuliaan, pangkat dan harta benda, sedangkan dia sendiri menyedari hal ini dan merasakan di dalam hatinya akan kejahatan keadaan yang sedang dialaminya dan kehinaan maksudnya. Maka orang ini adalah berada di dalam golongan yang berbahaya. Jikalau dia mati sebelum sempat bertaubat, maka dibimbangi ia akan mati dalam keadaan "*su-ul khatimah*" kemudian urusannya terserahlah kepada kehendak Allah (kalau mahu dimaafkan atau diseksa). Tetapi kalau dia mendapat taufik sebelum matinya lalu dia bertaubat dan sempat mengamalkan ilmu yang telah dituntutnya dan sempat pula membuat pembetulan terhadap apa yang tercedera dan tercuai. Maka bolehlah dia dikumpulkannya bersama golongan yang beruntung, kerana orang yang bertaubat daripada dosanya sama seperti orang yang tidak berdosa.

Ketiga : Orang yang telah dikuasai oleh syaitan maka ia menjadikan ilmu yang dituntutnya itu sebagai alat untuk menghimpunkan harta benda dan bermegah-megah dengan kedudukkan dan merasa bangga dengan ramai pengikutnya. Dia menggunakan ilmu yang dituntut itu untuk mencapai segala hajatnya dan untuk mengaut keuntungan dunia. Walaupun demikian, dia masih terpedaya lagi dengan sangkaannya bahawa dia mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah kerana dia masih lagi pada zahirnya menyerupai para ulama. Dia bercakap

seperti percakapan ulama dan berpakaian seperti pakaian ulama, pada hal zahir dan batinnya penuh dengan tamak dan haloba dalam menghimpun kekayaan dunia. Orang yang seperti ini termasuk dalam golongan orang yang binasa, jahil dan tertipu dengan helah syaitan dan sangat tipis harapan untuk ia bertaubat kepada Allah kerana dia telah menyangka bahawa dirinya termasuk di dalam golongan orang yang baik, pada hal ia telah lupa akan firman Allah Taala :

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya : "Wahai orang yang beriman, kenapa kamu memperkatakan barang yang tidak kamu amalkan ?"

(Surah Al Shaf, ayat 2)

Dan orang ini sebenarnya termasuk dalam golongan yang dimaksudkan oleh Rasulullah S.A.W. dalam sabdanya :

أَنَا مِنْ غَيْرِ الدَّجَّالِ أَخْوَفُ عَلَيْكُمْ مِنَ الدَّجَّالِ، فَقِيْلَ: مَا هُوَ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ فَقَالَ: عُلَمَاءُ السُّوْءُ.

Ertinya : "Selain daripada Dajjal ada satu perkara yang sangat aku bimbangkan lebih daripada Dajjal ?. Lalu ada orang yang bertanya: Apakah itu wahai Rasulullah ? Nabi S.A.W. menjawab : Mereka ialah Ulama Su' yakni ulama yang jahat."

---

1. Hadis riwayat Ahmad daripada Abu Zhar R.A dengan sanad yang jaid. Lihat Takhrij Al'Iraqi Alal Ihya 1/95. Di dalam riwayat Ahmad disebutkan : من الأئمة المضلين. Ertinya : Pemimpin-pemimpin yang menyesatkan.

Dajjal itu tujuannya sudah jelas untuk menyesatkan manusia tetapi ulama Su' ini walaupun lidahnya pandai memalingkan orang lain daripada cinta dunia, namun amal dan perbuatan mereka adalah mengajak orang lain membuat kejahatan kerana amalan seseorang itu lebih berkesan daripada percakapannya. Dan orang ramai lebih mudah tertarik dengan perbuatan ulama Su' daripada perkataan mereka. Maka apa yang dapat dirosakkan oleh ulama Su' ini dengan perbuatan mereka adalah lebih banyak daripada apa yang dapat dibaikkan oleh lidah mereka. Orang yang jahil sebenarnya belum berani menghimpun dunia banyak-banyak kecuali setelah mereka melihat keberanian ulama Su' ini. Maka ilmu yang ada pada mereka menjadi sebab keberanian orang ramai membuat berbagai maksiat. Maka inilah yang sangat dibimbangkan oleh Nabi S.A.W.

Namun demikian, nafsu ammarah ulama Su' ini selalu membisikkan di telinga mereka bermacam-macam angan-angan dan membisikkan kepadanya bahawa dia telah banyak menabur jasa di kalangan manusia sehingga dia layak untuk menerima bermacam-macam anugerah daripada Allah. Nafsunya juga mengkhayalkan kepadanya bahawa dia adalah lebih baik daripada hamba-hamba Allah yang lain.

Wahai para penuntut - Maka jadikanlah dirimu bersama dengan golongan yang pertama dan hati-hatilah supaya engkau tidak termasuk di dalam golongan yang kedua kerana banyak sekali orang yang lalai yang telah diragut oleh kematian sebelum dia sempat bertaubat lalu rugilah dia. Dan jangan sama sekali engkau termasuk ke dalam golongan yang ketiga maka engkau akan terjerumus ke jurang kebinasaan yang tidak diharapkan

dapat diselamatkan atau diperbaiki lagi.

Maka apabila engkau bertanya: Apakah itu, "*Bidayatul Hidayah*" (Permulaan jalan menuju hidayah) untuk dapat aku mencubanya bagi diriku maka ketahuilah bahawa permulaan jalan hidayah itu ialah "taqwa yang zahir" dan "*Nihayatul Hidayah*" (kesudahan jalan hidayah) itu ialah "taqwa yang batin" dan syurga itu tidak akan dicapai kecuali dengan taqwa. Dan tidak ada petunjuk kecuali bagi orang yang menyediakan dirinya untuk bertakqwa. Dan taqwa itu terbahagi kepada dua:

Pertama : Menjunjung segala perintah Allah Taala (melaksanakan ketaatan)

Kedua : Menjauhi segala larangan Allah Taala (meninggalkan kemaksiatan)

Maka di dalam kitab ini akan saya sebutkan kedua-dua bahagian ini dengan serba ringkasnya.

BAHAGIAN PERTAMA

ADAB-ADAB MELAKSANAKAN KETAATAN

Ketahuilah olehmu bahawa perintah Allah itu ada yang fardhu (wajib) dan ada yang sunnat. Yang fardhu ialah modal iaitu asas perniagaan. Dan dengan modal ini kita akan selamat, sedangkan yang sunnat itu ialah keuntungan dan dengan keuntungan itu kita akan mendapat beberapa darjat kelebihan. Rasulullah S.A.W. bersabda :

يَقُوْلُ الله تَبَارَكَ وَتَعَالَى: مَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ الْمُتَقَرِّبُوْنَ بِمِثْلِ أَدَاءِ مَا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِمْ، وَلاَ يَزَالُ الْعَبْدُ يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذى يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَلِسَانَهُ الَّذِيْ يَنْطِقُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتى يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتى يَمْشِيْ بِهَا.

Ertinya : "Allah Taala telah berfirman (di dalam hadis qudsi) tidak ada suatu cara yang lebih sesuai untuk hambaKu menghampirkan dirinya kepadaKu dengan seumpama mereka melakukan ibadat yang Aku fardukan ke atas mereka. Dan sentiasa seorang hamba menghampirkan diri kepada Aku dengan menambah amalan yang sunat-sunat (setelah mereka melakukan yang fardhu-fardhu) sehingga Aku mencintainya, maka apabila Aku telah mencintainya maka Akulah pendengaran yang ia mendengar dengannya dan Akulah penglihatan yang ia melihat dengannya dan Akulah lidahnya yang ia bercakap

dengannya dan Akulah tangannya yang ia menyentuh dengannya dan Akulah kakinya yang ia berjalan dengannya."

(Hadis riwayat Bukhari daripada Abu Hurairah)

Dan engkau, wahai penuntut - tidak dapat melaksanakan segala perintah Allah Taala kecuali dengan menguasai hati dan seluruh anggotamu pada sekalian masa dan nafasmu, bermula dari pagi sampai ke petang.

Dan ketahuilah bahawa Allah Taala itu mengetahui segala yang ada di dalam hatimu dan Dia menilik segala yang ada pada zahir dan batinmu. Dan Dia mengetahui segala masamu, lintasan hatimu dan segala langkah-langkahmu dan segala diammu dan gerakmu. Dan sama ada engkau bergaul dengan orang ramai atau engkau duduk bersendirian, sebenarnya engkau sentiasa di dalam perhatian Tuhanmu. Maka tidak diam sesuatu yang diam di alam "Mulk" (alam yang nampak oleh manusia) dan alam "Malakut" (alam yang tidak nampak oleh manusia) dan tidak bergerak segala bergerak kecuali Tuhan yang menguasai sekalian langit dan bumi itu melihat dan megetahuinya seperti firmanNya:

يَعۡلَمُ خَآئِنَةَ ٱلۡأَعۡيُنِ وَمَا تُخۡفِي ٱلصُّدُورُ

Ertinya : "Dia (Allah) mengetahui pandangan mata yang khianat dan apa yang disembunyikan oleh hati."

(Surah Al Mukmin, ayat 19)

Dan FirmanNya lagi:

فَإِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخْفَى

Maksudnya : "Allah mengetahui rahsia dan yang lebih tersembunyi lagi."

(Surah Thaha, ayat 7)

Maka jagalah adab-adabmu di hadapan Tuhanmu, baik zahir ataupun batin seperti beradabnya seseorang hamba yang hina yang banyak membuat kesalahan di hadapan seorang raja yang gagah perkasa. Dan bersungguh-sungguhlah engkau menjalani adab sehingga Tuhanmu tidak melihat engkau di tempat yang dia larang dan jangan sampai engkau tidak ada di tempat yang dikehendakiNya kehadiranmu. Dan engkau tidak akan mampu berbuat demikian kecuali bila engkau aturkan masamu baik-baik dan engkau susunkan wiridmu (bacaanmu) daripada waktu pagi hingga ke petang. Maka dengarlah baik-baik, kerana aku akan menyebutkan segala yang disuruh oleh Tuhanmu bermula dari engkau bangun tidur (di waktu pagi) sampai kepada engkau kembali semula ke tempat tidurmu pada hari yang berikutnya.

1- ADAB-ADAB BANGUN DARI TIDUR

Hendaklah engkau berusaha supaya dapat bangun dari tidur sebelum terbit fajar dan hendaklah zikrullah yang mendahului segala sesuatu, baik di hatimu atau di lidahmu. Dan bacalah doa ketika itu.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى أَحْيَانَا
بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُوْرُ،
أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلّٰهِ،
وَالْعَظَمَةُ وَالسُّلْطَانُ لِلّٰهِ، وَالْعِزَّةُ
وَالْقُدْرَةُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ،
أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْاِسْلَامِ
وَعَلَى كَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ وَعَلَى
دِيْنِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ ﷺ ، وَعَلَى
مِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيْمَ حَنِيْفًا مُسْلِمًا،
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ.

Ertinya : Segala puji bagi Allah, Tuhan yang menghidupkan kami setelah mematikan kami dan kepadaNya kami akan kembali. Telah berpagi-pagi kami dan telah berpagi-pagi (telah jadi) segala kerajaan itu bagi Allah. Segala keagungan dan kerajaan itu bagi Allah. Segala kemegahan dan segala kekuasaan hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam. Telah berpagi-pagi kami atas keadaan fitrah Islam dan kalimat keikhlasan dan di atas agama Nabi kami Muhammad S.A.W. dan atas Millah Nabi Ibrahim A.S. yang selalu dalam keadaan cenderung kepada Islam dan membenci agama yang lain. Dan bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang yang musyrik.

اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَبْعَثَنَا فِى هٰذَا الْيَوْمِ إِلَى كُلِّ خَيْرٍ، وَنَعُوْذُ بِكَ أَنْ نَجْتَرِحَ فِيْهِ سُوْءًا، أَوْ نَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ. اَللّٰهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوْتُ، وَإِلَيْكَ النُّشُوْرُ، وَنَسْأَلُكَ خَيْرَ هٰذَا الْيَوْمِ، وَخَيْرَ مَا فِيْهِ وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ شَرِّ هٰذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا فِيْهِ.

Ya Allah! Kami meminta kepadaMu supaya Engkau bangunkan kami pada hari ini untuk dapat melakukan segala kebaikan dan kami berlindung denganMu daripada melakukan sebarang kejahatan atau mengenakannya kepada orang Islam yang lain. Ya Allah! DenganMu kami berpagi-pagi dan denganMu kami berpetang-petang dan denganMu kami hidup dan denganMu kami mati. Dan kepadaMu kami akan dikembalikan. Kami memohon kepa-daMu akan kebaikan hari ini dan segala kebaikan yang ada di dalamnya kami berlindung de-nganMu daripada kejahatan hari ini dan segala kejahatan yang ada di dalamnya."

Apabila engkau memakai pakaianmu maka hendaklah engkau niatkan dengannya menjunjung perintah Allah pada menutup auratmu dan janganlah engkau berniat dengan berpakaian itu untuk menunjuk-nunjuk kepada makhluk. Kalau begitu, engkau akan mendapat kerugian.

2- ADAB-ADAB MASUK KE DALAM TANDAS

Apabila engkau mahu masuk ke dalam tandas untuk menunaikan hajatmu maka dahulukanlah kakimu yang kiri, dan ketika engkau keluar daripadanya maka dahulukan kakimu yang kanan. Dan janganlah engkau membawa sesuatu yang ada padanya tulisan nama Allah dan Rasul-RasulNya dan jangan pula engkau masuk ke dalam tandas dengan keadaan tidak menutup kepala atau tidak berkasut. Dan baca olehmu ketika hendak masuk ke dalam tandas itu akan doa :

بِسْمِ اللّٰهِ، اَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الرِّجْسِ النَّجِسِ، الْخَبِيْثِ الْمُخْبِثِ، الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ.

Ertinya : "Dengan nama Allah. Aku berlindung dengan Allah daripada kekotoran najis yang keji yang jahat lagi suka menyuruh orang lain membuat kejahatan, iaitu syaitan yang terkutuk."

Dan ketika engkau keluar dari tandas hendaklah engkau baca:

غُفْرَانَكَ، اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِىْ اَذْهَبَ عَنِّى مَايُؤْذِيْنِىْ وَاَبْقَى عَلَىَّ مَايَنْفَعُنِىْ

Ertinya : "Ya Allah berikan keampunan kepadaku. Segala puji bagi Allah yang menghilangkan daripadaku barang yang menyakiti aku dan mengekalkan di dalan badanku barang yang memberi manfaat akan daku."

Dan sebaiknya hendaklah engkau siapkan segala yang

engkau perlukan untuk beristinjak itu sebelum engkau qada' hajat. Dan jangan engkau beristinjak dengan air di tempat qada' hajat dan hendaklah engkau beristibrak (melawaskan) daripada air kencing dengan cara engkau berdehem-dehem dan melalukan jari di bawah kemaluanmu tiga kali. Dan jika engkau mahu beristinjak sedangkan engkau berada di tengah padang maka hendaklah engkau mencari tempat yang jauh daripada pandangan orang ramai {supaya tidak tercium baunya dan tidak didengar bunyinya} dan hendaklah engkau menghadap kepada suatu yang dapat engkau jadikan dinding di hadapanmu dan janganlah engkau membuka auratmu sebelum engkau sampai ke tempat duduk dan jangan engkau menghadap ke arah qiblat, matahari dan bulan. Dan janganlah pula engkau membelakangkan yang demikian itu. Dan janganlah engkau qada' hajat di dalam air yang tenang atau di bawah pokok yang berbuah dan jangan pula di dalam lubang dan jauhilah daripada kencing di atas tanah yang keras atau di tempat bertiup angin kerana ditakuti bahawa engkau akan terkena percikannya seperti sabda Rasulullah S.A.W.

اِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْهُ

Ertinya : "Sesungguhnya kebanyakan seksa kubur adalah berpunca daripadanya" (yakni dari sebab tidak berhati-hati dalam bersuci daripada najis).

(Hadis riwayat Ad Daraquthni daripada Anas R.A)

Dan hendaklah engkau duduk ketika qada' hajat itu dengan memberatkan sebelah kakimu yang kiri {supaya lebih mudah keluar najis} dan janganlah engkau kencing di dalam keadaan berdiri kecuali ketika darurat dan himpunkanlah di dalam

istinjak itu antara menggunakan batu {boleh diganti dengan kertas tisu} dan air. Dan jikalau engkau hanya mahu menggunakan salah satu di antara dua perkara ini maka hendaklah engkau memilih untuk menggunakan air kerana itu lebih afdhal. Dan apabila engkau mahu menggunakan batu sahaja maka carilah tiga biji batu yang suci yang dapat menyerapkan (menyuci dan mengeringkan) najis maka engkau sapu dengan batu itu akan tempat keluar najis sekiranya tidak menyebabkan najis itu merebak ke tempat lain dan begitu pula hendaklah engkau sapukan kemaluanmu dengan tiga kali sapu daripada sebiji batu.[1] Dan jikalau belum hasil bersih dengan tiga biji batu maka hendaklah engkau sempurnakan istinjakmu dengan lima biji batu atau tujuh biji sehingga jadi suci tempat keluar najis itu. Dan bilangan batu itu di-sunatkan ganjil. Dan menyucikan tempat keluar najis itu hukumnya wajib. Dan janganlah engkau beristinjak dengan tangan kanan. Dan hendaklah engkau membaca doa setelah selesai istinjak itu dengan katamu:

اَللّٰهُمَّ طَهِّرْ قَلْبِى مِنَ النِّفَاقِ، وَحَصِّنْ فَرْجِى مِنَ الْفَوَاحِشِ.

Ertinya : "Ya Allah! Sucikanlah hatiku daripada sifat munafik, dan peliharakanlah kemaluanku daripada kejahatan (seperti zina)."

Dan hendaklah engkau mengosokkan tanganmu dengan tanah atau dinding {atau dengan sabun} setelah selesai daripada istinjak. Kemudian lalu engkau membasuh akan tanganmu itu.

---

(1) Maksudnya menggunakan sebiji batu yang agak besar yang boleh digunakan tiga penjuru daripadanya tetapi kalau batu itu kecil maka perlu kepada tiga biji batu

3- ADAB-ADAB BERWUDHUK (MENGAMBIL AIR SEMBAHYANG)

Apabila engkau selesai daripada istinjak maka janganlah engkau meninggalkan bersiwak kerana bersiwak itu,

مَطْهَرَةٌ لِلْفَمِ، وَمَرْضَاةٌ لِلرَّبِّ وَمَسْخَطَةٌ لِلشَّيْطَانِ

Ertinya : "Bersiwak itu menyucikan mulut dan menyebabkan keredhaan Tuhan dan membencikan bagi syaitan."
(Hadis riwayat An Nasai dan Ibnu Majah daripada Aisyah R.A)

Dan lagi di antara kelebihan siwak itu:

صَلاَةٌ بِسِوَاكٍ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِيْنَ صَلاَةً بِلاَ سِوَاكٍ

Ertinya : "Sekali sembahyang dengan bersiwak adalah afdal daripada tujuh puluh kali sembahyang dengan tiada bersiwak."
(Hadis riwayat Ahmad dan AlBazzar daripada Aisyah R.A)

Dan diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W. bersabda:

لَوْ لاَ أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِى لأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ فِى كُلِّ صَلاَةٍ.

Ertinya : "Jikalau aku tidak menyusahkan ke atas umatku pasti

aku wajibkan mereka bersiwak pada setiap kali sembahyang."
(Hadis riwayat Bukhari daripada Abu Hurairah R.A)

Dan sabda baginda lagi,

أُمِرْتُ بِالسِّوَاكِ حَتَّى خَشِيْتُ أَنْ يُكْتَبَ عَلَيَّ.

Ertinya : "Aku selalu diperintahkan bersiwak (Allah selalu memerintahkan aku bersiwak) sehingga aku bimbang siwak itu akan diwajibkan ke atasku."
(Hadis riwayat Ahmad daripada Wasilah bin Al Asqa' R.A)

Kemudian hendaklah engkau duduk menghadap kiblat di atas tempat yang sedikit tinggi supaya engkau tidak terkena percikan air dan baca olehmu ketika itu akan doa :

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ، رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِيْنِ وَأَعُوْذُبِكَ رَبِّ أَنْ يَحْضُرُوْنِ.

Ertinya : "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ya Allah! aku berlindung denganMu daripada gangguan syaitan dan aku berlindung denganMu daripada kehadiran mereka di sisiku."

Kemudian basuhlah kedua tanganmu tiga kali sebelum engkau memasukkannya ke dalam bejana dan baca olehmu doa :

اَللّهُمَّ إِنِّى أَسْأَلُكَ الْيُمْنَ وَالْبَرَكَةَ، وَأَعُوْذُبِكَ مِنَ الشُّؤْمِ وَالْهَلَكَةِ.

Ertinya : "Ya Allah! aku meminta akan Engkau akan tuah dan berkat, dan aku berlindung denganMu daripada sial dan kebinasaan."[1]

Kemudian hendaklah engkau berniat untuk mengangkatkan (menghilangkan) hadas atau engkau berniat "*Istibahatus solah*" {Ertinya : Membuat sesuatu yang mengharuskan sembahyang} dan hendaklah niatmu itu tidak hilang sebelum engkau membasuh muka, supaya sah wudhukmu.

Kemudian ambil air satu cebuk dan berkumur-kumurlah engkau dengannya tiga kali dan bersungguh-sungguh engkau memutarkan air itu {di dalam mulut} sehingga sampai ke hujung halkum {bahagian atas kerongkong} kecuali jika engkau puasa maka engkau perlahankan berkumur-kumur itu. Dan baca olehmu ketika itu doa :

اَللّٰهُمَّ أَعِنِّى عَلَى تِلاَوَةِ كِتَابِكَ وَكَثْرَةِ الذِّكْرِلَكَ، وَثَبِّتْنِى بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِى الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِى الآخِرَةِ.

Ertinya : "Ya Allah! Permudahkan aku untuk membaca kitab-Mu (Al-Quran) dan untuk memperbanyak berzikir kepadaMu dan kukuhkanlah aku dengan perkataan yang kukuh (La Ilaha illallah) di dunia dan di akhirat {maksudnya jadikanlah hidup dan matiku di dalam keadaan beriman}."

Kemudian ambil pula satu cebuk air yang lain untuk engkau

(1) Doa-doa yang dibaca ketika membasuh anggota wudhuk ini telah menyebutkan akan dia oleh Imam Al Rafei. Dan menurut pendapat Imam Nawawi tidak ada nas yang menyebutkannya. Wallahu 'aklam. lihat Kifayatul Akyar 1/16)

memasukkannya ke dalam hidungmu, maka hendaklah engkau beristinsyak (memasukkan air ke hidung) tiga kali dan baca olehmu akan doa :

اَللّٰهُمَّ أَرِحْنِى رَائِحَةَ الجَنَّةِ، وَأَنْتَ عَنِّى رَاضٍ

Ertinya : "Ya Allah! Ciumkanlah akan hidungku ini akan bau wangi syurga sedangkan engkau redha daripadaku."

Dan ketika engkau menghembuskan air daripada hidungmu hendaklah engkau baca doa :

اَللّٰهُمَّ إِنِّى اَعُوْذُبِكَ مِنْ رَوَائِحِ النَّارِ وَسُوْءِ الدَّارِ

Ertinya : "Ya Allah ! Aku berlindung denganmu daripada bau busuk api neraka dan daripada kejahatan tempat kediamanku."

Kemudian ambil pula satu cebuk air yang lain untuk engkau membasuh muka maka basuhlah mukamu mulai daripada tempat yang mula mendatar daripada dahi sampai ke hujung bahagian hadapan daripada dagu. Ini dari segi bujurnya dan dari segi lebarnya pula ialah jarak antara kedua telinga. Dan sampaikanlah air itu ke tempat *"Tahzif"* iaitu tempat yang telah beradat kaum wanita membuang rambut yang ada di situ, iaitulah tempat yang ada di antara bahagian atas telinga sampai ke tepi pelipis yakni tempat yang ada di tepi dahi dan sampaikanlah ketika membasuh muka itu ke tempat tumbuh empat macam bulu : bulu kening, bulu misai, bulu mata, bulu azar, iaitu bulu yang tumbuh daripada tempat permulaan janggut sampai membetuli kedua telinga. Dan wajib menyampaikan air ke tempat tumbuh janggut yang tipis dan tidak wajib menyampaikan air ke tempat tumbuh janggut yang tebal. Dan baca olehmu ketika

membasuh muka itu:

اَللّٰهُمَّ بَيِّضْ وَجْهِي بِنُوْرِكَ يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوْهُ أَوْلِيَاءِكَ، وَلاَ تُسَوِّدْ وَجْهِي بِظُلُمَاتِكَ يَوْمَ تَسْوَدُّ وُجُوْهُ أَعْدَائِكَ

Ertinya :"Ya Allah! Putihkanlah mukaku dengan nurMu pada hari yang menjadikan putih muka para AuliaMu {iaitu pada hari kiamat} dan jangan Engkau hitamkan mukaku dengan kegelapanMu pada hari menjadi hitam muka musuh-musuhMu."

Dan jangan engkau tingggalkan menyelat-nyelat janggut yang tebal.

Kemudian basuhlah tanganmu yang kanan dan ikuti pula dengan membasuh tangan kiri. Basuhlah tanganmu bersama dengan kedua siku sampai ke tempat pertengahan lenganmu. kerana perhiasan di dalam syurga itu sampai ke tempat basuhan wudhuk. Dan baca olehmu ketika membasuh tangan kanan akan doa :

اَللّٰهُمَّ أَعْطِنِيْ كِتَابِيْ بِيَمِيْنِيْ، وَحَاسِبْنِيْ حِسَابًا يَسِيْرًا

Ertinya : "Ya Allah! Berikanlah kepadaku catitan amalanku {pada hari kiamat nanti} di tangan kananku dan hisablah aku dengan hisab yang mudah."

Dan baca olehmu ketika membasuh tangan kiri akan doa :

اَللّٰهُمَّ اِنِّى اَعُوْذُبِكَ أَنْ تُعْطِيَنِيْ كِتَابِيْ بِشِمَالِيْ أَوْ مِنْ وَرَاءِ ظَهْرِيْ

Ertinya : "Ya Allah! Aku berlindung denganMu daripada bahawa Engkau berikan kepadaku akan catitan amalanku di tangan kiriku, atau Engkau berikan kepadaku daripada sebelah belakangku."

Kemudian sapulah kepalamu dan ratakanlah seluruh bahagian kepala dengan sapuan. Iaitu dengan membasahkan kedua tanganmu lalu engkau temukan hujung jari-jari kedua tanganmu dan engkau letakkan keduanya pada bahagian hadapan kepala, kemudian engkau lalukan kedua tanganmu itu kebahagian belakang daripada kepalamu. Setelah itu engkau kembalikan semula kedua tanganmu itu kehadapan. Ini baru dikira satu kali sapuan. Maka engkau buat seperti ini tiga kali. Dan baca olehmu ketika menyapu kepala itu:

اَللّٰهُمَّ غَشِّنِيْ بِرَحْمَتِكَ، وَأَنْزِلْ عَلَيَّ مِنْ بَرَكَاتِكَ، وَأَظِلَّنِي تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِكَ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ اِلاَّ ظِلُّكَ، اَللّٰهُمَّ حَرِّمْ شَعْرِي وَبَشَرِيْ عَلَى النَّارِ.

Ertinya : "Ya Allah! Liputilah aku dengan rahmatMu dan turunkanlah kepadaku berkatMu, dan naungilah aku di bawah naungan 'arasyMu di hari yang tidak ada naungan kecuali hanya naunganMu. Ya Allah! Haramkanlah rambutku dan kulitku daripada sentuhan api neraka."

Kemudian engkau sapu kedua telingamu, luar dan dalam dengan air yang baru {bukan air yang berbaki di tangan selepas menyapu kepala} dan masukkanlah kedua telunjukmu ke dalam dua lubang telingamu maka engkau sapukan bahagian luar dengan ibu jari dan baca olehmu ketika itu :

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِىْ مِنَ الَّذِيْنَ يَسْتَمِعُوْنَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُوْنَ اَحْسَنَهُ، اَللّٰهُمَّ اَسْمِعْنِىْ مُنَادِىَ الْجَنَّةِ مَعَ الاَبْرَارِ.

Ertinya : Ya Allah! Jadikanlah aku daripada hambaMu yang mendengar sesuatu perkataan lalu mereka mengikuti yang baik-baik daripadanya. Ya Allah! Perdengarkanlah akan aku akan suara pemanggil syurga di dalam syurga bersama dengan orang yang baik.

Kemudian sapulah tengkokmu dan baca olehmu:

اَللّٰهُمَّ فُكَّ رَقَبَتِىْ مِنَ النَّارِ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنَ السَّلاَسِلِ وَالاَغْلاَلِ.

Ertinya : Ya Allah! Merdekakanlah (bebaskanlah) tengkokku ini daripada api neraka dan aku berlindung denganMu daripada segala rantai dan belenggu {di dalam api neraka}.

Kemudian basuhlah kakimu yang kanan dan diiringi dengan kaki kiri dengan menyempurnakan basuhan sampai kepada dua buku lali dan diselatilah celah-celah jari kakimu dengan kelingking tanganmu yang kiri. Engkau mulakan yang demikian itu dengan menyelati kelingking kakimu yang kanan sehingga engkau sudahi dengan kelingking kakimu yang kiri. Engkau masukkan kelingking tanganmu yang kiri itu dari sebelah bawah dan baca oleh ketika membasuh kakimu yang kanan :

اَللّٰهُمَّ ثَبِّتْ قَدَمَىَّ عَلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيْمِ، مَعَ اَقْدَامِ عِبَادِكَ الصَّالِحِيْنَ.

Ertinya : Ya Allah! Tetapkanlah kedua kakiku di atas titian Siratul Mustaqim bersama dengan kaki-kaki hambaMu yang soleh.

Dan baca olehmu ketika membasuh kakimu yang kiri:

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَعُوْذُبِكَ اَنْ تَزِلَّ قَدَمَىَّ عَلَى الصِّرَاطِ فِى النَّارِ، يَوْمَ تَزِلُّ اَقْدَامُ الْمُنَافِقِيْنَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

Ertinya : Ya Allah! Aku berlindung denganMu daripada tergelincir kakiku ke dalam jurang api neraka ketika aku melalui di atas titian Siratul Mustaqim. Di mana pada hari itu akan tergelincir kaki-kaki orang yang munafik dan musyrik.

Dan basuhlah kakimu sehingga sampai kepertengahan betismu dan hendaklah engkau mempastikan bahawa semua anggota wudukmu itu engkau basuh atau engkau sapu tiga kali.

Apabila engkau telah selesai daripada berwuduk maka angkatlah penglihatanmu ke langit dan baca olehmu :

اَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلٰهَ اِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ، سُبْحَانَكَ

Ertinya : Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah yang satu, tidak ada syirik bagiNya. Dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba Allah dan RasulNya. Maha suci

اَللّٰهُمَّ بِحَمْدِكَ، اَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلٰهَ اِلاَّ اَنْتَ، عَمِلْتُ سُوْءًا وَظَلَمْتُ نَفْسِي، اَسْتَغْفِرُكَ وَاَتُوْبُ اِلَيْكَ، فَاغْفِرْلِيْ وَتُبْ عَلَيَّ اِنَّكَ اَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِيْ مِنَ التَّوَّابِيْنَ، وَاجْعَلْنِيْ مِنَ الْمُتَطَهِّرِيْنَ، وَاجْعَلْنِيْ مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِيْنَ، وَاجْعَلْنِيْ صَبُوْرًا شَكُوْرًا، وَاجْعَلْنِيْ اَذْكُرُكَ ذِكْرًا كَثِيْرًا، وَاُسَبِّحُكَ بُكْرَةً وَاَصِيْلاً.

Engkau wahai Tuhan dan disertai dengan segala pujian bagimu. Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan kecuali Engkau. Aku telah berbuat kesalahan dan aku bertaubat kepadaMu maka ampunilah daku dan terimalah taubatku. Sesungguhnya Engkau Tuhan yang menerima taubat hambaMu dan Engkau sangat kasih sayang kepada mereka. Ya Allah! Jadikanlah aku di dalam golongan orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah aku di dalam golongan orang-orang yang soleh dan jadikanlah aku orang yang banyak bersabar dan banyak bersyukur dan jadikanlah aku orang yang selalu menyebut namamu dengan sebanyak-banyaknya dan bertasbih kepadaMu di waktu pagi dan petang.

Maka sesiapa yang membaca doa ini selepas ia berwudhuk, pasti akan keluar segala dosanya daripada segala anggotanya, dan dicop ke atas wudhuknya dengan cop {maksudnya diterima di sisi Allah} lalu diangkat dan diletakkan di bawah aras. Maka sentiasalah wudhuk tadi bertasbih kepada Allah dan ditulis baginya pahala wudhuk itu sampai ke hari kiamat.

Dan hendaklah engkau meninggalkan tujuh perkara di bawah ini ketika berwudhuk :

1- Mengibaskan tangan untuk memercikkan air (selepas berwuduk)
2- Menamparkan air ke muka dan kepala.
3- Bercakap-cakap.
4- Membasuh anggota wudhuk lebih dari tiga kali.
5- Menggunakan air tanpa ada hajat, tetapi hanya semata-mata was-was. Dan syaitan yang mengganggu orang yang sedang berwudhuk ini namanya *Walhan.*
6- Berwudhuk dengan air musyammas {air yang terkena panas matahari dan dan di negeri yang panas pula}
7- Berwuduk dengan menggunakan bekas-bekas daripada tembaga.

Maka yang tujuh perkara ini hukumnya makruh ketika berwuduk.

Dan disebut pula di dalam hadis:

اِنَّ مَنْ ذَكَرَ اللّٰهَ عِنْدَ وُضُوْئِهِ طَهَّرَ اللّٰهُ جَسَدَهُ كُلَّهُ، وَمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اللّٰهَ لَمْ يَطْهُرْ مِنْهُ اِلاَّ مَا اَصَابَهُ الْمَاءُ.

Ertinya : "Sesungguhnya sesiapa yang menyebut nama Allah ketika berwuduk maka Allah menyucikan jasadnya semuanya, tetapi sesiapa yang tidak menyebut nama Allah {di dalam wuduk} maka tidak suci daripada jasadnya kecuali hanya anggota yang terkena air sahaja."

4- ADAB-ADAB MANDI

Apabila engkau junub, sama ada kerana bermimpi atau jimak maka bawalah sebekas air ke bilik mandi dan mulakan dengan membasuh kedua tanganmu tiga kali dan tanggalkan segala kotoran daripada badanmu kemudian hendaklah engkau berwudhuk seperti wudhuk yang engkau buat untuk sembahyang beserta dengan segala doa-doanya dan kemudiankan membasuh kedua kakimu supaya air tidak jadi sia-sia.

Apabila engkau sudah selesai daripada berwudhuk maka tuangkanlah air ke atas kepalamu tiga kali dan engkau berniat mengangkatkan (menghilangkan) hadas junub kemudian tuangkanlah air ke sebelah badanmu yang kanan dan ikutilah dengan sebelah kiri dan gosoklah bahagian hadapan dan belakang daripada badanmu dan selat selati rambut di kepala dan juga janggutmu dan sampaikan air ke tempat-tempat yang berlipat-lipat daripada badanmu dan tempat tumbuh rambut, baik yang tipis mahupun yang tebal dan jangan sekali-kali engkau menyentuh kemaluanmu selepas berwudhuk tadi dan jikalau tersentuh tanganmu dengannya maka ulangi wudhukmu sekali lagi.

Dan perkara-perkara yang wajib dalam mandi ini ialah :

1- Niat

2- Menghilangkan najis dari badan (jika ada)

3- Meratakan air ke seluruh anggota badan

Dan perkara yang wajib dalam wudhuk ialah:

1- Niat

2- Membasuh muka sekali

3- Membasuh kedua tangan sampai ke dua siku juga sekali

4- Menyapu sebahagian daripada kepala sekali

5- Membasuh kedua kaki sampai ke buku lali sekali

6- Tertib.

Dan yang lain daripada itu hukumnya adalah sunat muakkad dan kelebihannya sangat banyak, pahalanya sangat besar dan orang yang tidak mengambil berat dengan yang sunat ini adalah rugi bahkan boleh membawa yang wajib kepada bahaya, kerana perkara-perkara yang sunat merupakan penampung kepada kekurangan yang ada pada yang wajib.

5- ADAB-ADAB BERTAYAMMUM

Apabila engkau tidak dapat menggunakan air kerana,

(1) Ketiadaannya sesudah berusaha mencarinya.

(2) Atau sebab uzur sakit.

(3) Atau ada halangan daripada sampai mencapai air disebabkan adanya binatang buas atau sebab ditahan di dalam penjara.

(4) Atau kerana air itu sedikit yang hanya mencukupi untuk menghilangkan dahagamu atau dahaga kawanmu.

(5) Atau kerana air itu milik orang lain yang dia tidak mahu menjualnya kecuali dengan harga yang lebih mahal daripada harga biasa.

(6) Atau kerana ada luka dan sakit di badanmu yang engkau bimbang atas kemudaratan dirimu apabila engkau menggunakan air.

Maka dalam keadaan-keadaan ini hendaklah engkau menunggu sehingga masuk waktu sembahyang fardhu kemudian ca-rilah tanah yang baik dan berdebu dan tidak bercampur dengan benda yang lain. Tanah itu suci dan lembut maka engkau pukulkan kedua tapak tangan ke atas tanah tadi sambil merapatkan jari-jarimu dan berniat olehmu akan "*istibahatus solah*" maksudnya membuat sesuatu yang membolehkan sembahyang fardhu, lalu engkau sapukan kedua tanganmu tadi ke mukamu sekali dan janganlah engkau bersusah-susah untuk memastikan debu itu sampai ke tempat tumbuh rambut sama ada tebal atau

tipis kemudian tanggalkanlah cincinmu (jika ada).

Kemudian engkau pukulkan pula kedua tanganmu ke atas tanah sambil merenggangkan di antara jari-jarimu dan sapulah akan kedua tanganmu sehingga sampai pada ke dua sikumu. Jikalau dua pukulan ini masih belum mencukupi maka pukulkan pula tanganmu ke atas tanah sehingga dapat engkau menyapu tanganmu dengan sempurna kemudian sapukanlah satu tapak tangan dengan tapak tangan yang lain dan selangkan jari-jari tanganmu untuk menyapu celah-celah jarimu.

Dan sembahyanglah engkau dengan sekali tayammum ini akan sekali sembahyang yang fardhu dan beberapa sahaja yang engkau sukai daripada sembahyang sunat dan apabila engkau berkehendak pula membuat sembahyang fardhu yang lain maka perbuatkanlah olehmu tayammum yang baru.

6- ADAB ADAB PERGI KE MASJID

Apabila engkau telah selesai daripada bersuci maka sembahyanglah di rumahmu dua rakaat sunat subuh jikalau fajar telah terbit seperti apa yang telah dibuat oleh Rasulullah S.A.W. kemudian pergilah ke masjid dan jangan sekali-kali engkau meninggalkan sembahyang berjamaah apakan lagi sembahyang subuh kerana sembahyang berjamaah itu melebihi daripada sembahyang sendirian duapuluh tujuh darjat. Jikalau engkau mempermudahkan perkara seperti ini dan tidak mahu merebut keuntungan yang besar ini maka apalah faedahnya engkau bersusah-payah mencari ilmu kerana tujuan mencari ilmu itu hanyalah untuk diamalkan.

Apabila engkau berjalan ke masjid maka berjalanlah dalam keadaan yang tenang dan tenteram dan jangan terburu-buru dan hendaklah engkau sambil membaca :

اَللّٰهُمَّ بِحَقِّ السَّائِلِيْنَ
عَلَيْكَ، وَبِحَقِّ الرَّاغِبِيْنَ اِلَيْكَ،
وَبِحَقِّ مَمْشَايَ هٰذَا اِلَيْكَ، فَاِنِّى
لَمْ اَخْرُجْ اَشَرًا وَلاَ بَطَرًا وَلاَ

Ertinya : Ya Allah! Aku memohon kepadaMu dengan berkat hamba-hambaMu yang selalu meminta kepadaMu dan dengan berkat hamba-hambaMu yang selalu mengharapkan kurniaMu dan dengan berkat perjalananku ini, sesungguhnya aku tidak pergi {kemasjid} kerana bongkak atau sombong dan bukan kerana riak atau sum'ah tetapi aku per-

رِيَاءً وَلاَسُمْعَةً، بَلْ خَرَجْتُ اتِّقَاءَ
سَخَطِكَ وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِكَ،
فَاَسْئَلُكَ اَنْ تُنْقِذَنِى مِنَ النَّارِ،
وَاَنْ تَغْفِرَلِى ذُنُوْبِى، فَاِنَّهُ لاَ
يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلاَّ اَنْتَ.

gi adalah semata-mata hendak menjauhi kemurkaanMu dan hendak menuntut keredhaanMu. Maka aku memohon kepadaMu supaya Engkau lepaskan aku daripada siksaan api neraka dan Engkau ampunkanlah segala dosa-dosaku. Sesungguhnya tidak ada yang mengampuni segala dosa kecuali hanya Engkau.

7- ADAB-ADAB MASUK KE DALAM MASJID

Apabila engkau hendak masuk ke dalam masjid maka dahulukanlah kakimu yang kanan dan baca olehmu :

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْلِيْ ذُنُوْبِيْ، وَافْتَحْ لِيْ اَبْوَابَ رَحْمَتِكَ.

Ertinya : Ya Allah! Berikanlah rahmatMu dan salam sejahtera kepada penghulu kami Nabi Muhammad S.A.W. dan kepada keluarga serta sahabat baginda. Ya Allah! Ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah bagiku pintu rahmatMu.

Apabila engkau melihat di dalam masjid orang yang menjual sesuatu maka kata olehmu : "Mudah-mudahan Allah tidak memberi keuntungan kepada perniagaanmu." Dan apabila engkau melihat orang yang mencari sesuatu harta yang hilang maka kata olehmu: "Mudah-mudahan Allah tidak mengembalikan kepadamu harta yang hilang itu." Begitulah kita disuruh oleh Rasulullah S.A.W.

Apabila engkau masuk ke dalam masjid maka jangan engkau duduk sehingga engkau sembahyang dahulu dua rakaat *tahiyyatul masjid.* Dan jikalau engkau bukan dalam keadaan suci daripada hadas kecil atau engkau tidak bermaksud mengerjakan sembahyang *tahiyyatul masjid* itu {oleh kerana ada majlis ilmu yang sedang berjalan misalnya} maka cukuplah engkau membaca *al baqiyatus shalihat*

tiga kali. Dan mengikut pendapat sebahagian ulama empat kali.

Dan ada pula yang berpendapat hendaklah dibaca tiga kali bagi orang yang tidak ada air sembahyang dan sekali sahaja bagi orang yang ada air sembahyang. Dan apabila engkau belum lagi sembahyang sunat (qabliyah) subuh maka buatlah dan memadailah sembahyang sunat Subuh itu untuk menjadi sembahyang *tahiyyatul masjid* dan apabila engkau selesai daripada yang demikian itu, maka hendaklah engkau berniat *iktikaf* di dalam masjid dan bacalah doa yang selalu dibaca oleh Rasulullah S.A.W. selepas sembahyang sunat Subuh, iaitu :

اَللّٰهُمَّ إِنِّىْ اَسْأَلُكَ رَحْمَةً
مِنْ عِنْدِكَ تَهْدِىْ بِهَا قَلْبِيْ،
وَتَجْمَعُ بِهَا شَمْلِيْ، وَتَلُمُّ بِهَا
شَعَثِيْ، وَتَرُدُّ بِهَا اُلْفَتِيْ،
وَتُصْلِحُ بِهَا دِيْنِيْ، وَتَحْفَظُ بِهَا
غَائِبِيْ، وَتَرْفَعُ بِهَا شَاهِدِيْ،
وَتُزَكِّيْ بِهَا عَمَلِيْ،

Ertinya : Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu akan rahmat yang turun dari sisiMu yang dengannya Engkau memberi hidayah di dalam hatiku, dan dengannya Engkau himpunkan yang bercerai-cerai daripada segala urusanku, dan dengannya Engkau kumpulkan yang bercabang-cabang daripada segala pemikiranku, dan dengannya Engkau pulangkan segala yang menjinakkan hatiku, dan dengannya Engkau perbaikkan akan agamaku, dan dengannya Engkau peliharakan segala sesuatu yang ghaib daripada pandanganku, dan dengannya Engkau terima syahadahku (persaksianku) dan dengannya Eng-

وَتُبَيِّضُ بِهَا وَجْهِي، وَتُلْهِمُنِي
بِهَا رُشْدِي، وَتَقْضِي لِي بِهَا
حَاجَتِي، وَتَعْصِمُنِي بِهَا مِنْ كُلِّ
سُوْءٍ.

kau bersihkan segala amalanku dan dengannya Engkau putihkan akan mukaku dan dengannya Engkau ilhamkan kepadaku akan pertunjukku dan dengannya Engkau tunaikan segala hajatku dan dengannya pula Engkau peliharakan aku daripada segala kejahatan.

اَللّٰهُمَّ إِنِّي اَسْأَلُكَ اِيْمَانًا
خَالِصًا يُبَاشِرُ قَلْبِي، وَاَسْأَلُكَ
يَقِيْنًا صَادِقًا حَتَّى اَعْلَمَ اَنَّهُ لَنْ
يُصِيْبَنِي اِلاَّ مَا كَتَبْتَهُ عَلَيَّ،
وَالرِّضَا بِمَا قَسَمْتَهُ لِي.

Ya Allah! Aku meminta kepadaMu akan iman yang murni, yang memenuhi lembaran hatiku dan meminta kepadaMu akan yakin yang sebenar sehingga aku menyedari bahawa tidak ada sesuatu yang berlaku terhadap diriku kecuali apa-apa yang telah Engkau putuskan ke atasku dan aku meminta supaya aku redha dengan segala pemberian yang Engkau bahagikan kepadaku.

اَللّٰهُمَّ إِنِّي اَسْأَلُكَ اِيْمَانًا
صَادِقًا، وَيَقِيْنًا لَيْسَ بَعْدَهُ كُفْرٌ،
وَاَسْأَلُكَ رَحْمَةً أَنَالُ بِهَا شَرَفَ
كَرَامَتِكَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.

Ya Allah! Sesungguhnya aku meminta kepadaMu akan iman yang benar dan yakin yang tidak ada kufur lagi selepasnya dan aku meminta akan rahmatMu yang dengan rahmat itu aku akan mendapat kemuliaan di dunia ini dan akhirat kelak.

اَللّٰهُمَّ إِنِّي اَسْأَلُكَ الصَّبْرَ
عِنْدَ الْقَضَاءِ، وَالْفَوْزَ عِنْدَ
اللِّقَاءِ، وَمَنَازِلَ الشُّهَدَاءِ،
وَعَيْشَ السُّعَدَاءِ، وَالنَّصْرَ عَلَى
الأَعْدَاءِ، وَمُرَافَقَةَ الأَنْبِيَاءِ.

Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu akan keredhaan untuk menerima keputusanmu dan keuntungan ketika aku berjumpa denganMu. Dan aku memohon supaya diberikan kepadaku kedudukan para syuhada dan kehidupan orang-orang yang bahagia dan aku memohon kemenangan terhadap segala musuh-musuh dan memohon supaya aku dikumpulkan bersama-sama dengan para Anbia (pada hari kiamat nanti)

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أُنْزِلُ بِكَ
حَاجَتِي، وَإِنْ ضَعُفَ رَأْيِي
وَقَصُرَ عَمَلِي، وَافْتَقَرْتُ إِلَى
رَحْمَتِكَ، فَأَسْأَلُكَ يَاقَاضِيَ
الأُمُوْرِ، وَيَاشَافِيَ الصُّدُوْرِ، كَمَا
تُجِيْرُ بَيْنَ الْبُحُوْرِ أَنْ تُجِيْرَنِي
مِنْ عَذَابِ السَّعِيْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ
الْقُبُوْرِ وَمِنْ دَعْوَةِ الثُّبُوْرِ.

Ya Allah! Hanya kepadaMu aku persembahkan segala hajatku walaupun lemah pemikiranku dan kurang amalanku. Aku sangat berharap kepada limpahan rahmatMu maka aku meminta kepadaMu wahai Tuhan yang memutuskan segala perkara dan yang menyembuhkan segala penyakit yang ada di dalam dada. Ya Allah! Seperti mana Engkau pisahkan di antara segala lautan maka engkau pisahkan aku daripada seksaan neraka Sair dan daripada seksaan kubur dan daripada laungan penyesalan.

اَللّٰهُمَّ وَمَا ضَعُفَ عَنْهُ رَأْيِى، وَقَصُرَ عَنْهُ عَمَلِىْ، وَلَمْ تَبْلُغْهُ نِيَّتِىْ وَأُمْنِيَّتِيْ مِنْ خَيْرٍ وَعَدْتَهُ أَحَدًا مِنْ عِبَادِكَ، أَوْ خَيْرٍ أَنْتَ مُعْطِيْهِ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، فَإِنِّىْ أَرْغَبُ إِلَيْكَ فِيْهِ، وَأَسْأَلُكَ إِيَّاهُ يَارَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah! Apa jua kebaikan yang lemah fikiranku daripada mencapainya dan kurang daripadanya amalanku dan tidak sampai kepadanya niatku dan cita-citaku sama ada daripada kebaikan yang pernah Engkau janjikan untuk memberikannya kepada sesiapa sahaja daripada hambaMu atau daripada kebaikan yang telah Engkau kurniakan kepada sesiapa sahaja daripada hambaMu, maka sebenarnya Ya Allah! Aku sangat berharap supaya engkau mengurniakan kebaikan yang seperti itu kepadaku dan aku sangat memohonnya bagi diriku wahai Tuhan sekalian alam.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنَا هَادِيْنَ مُهْتَدِيْنَ، غَيْرَ ضَالِّيْنَ وَلاَ مُضِلِّيْنَ، حَرْبًا لأَعْدَائِكَ، وَسِلْمًا لأَوْلِيَاءِكَ، نُحِبُّ بِحُبِّكَ النَّاسَ، وَنُعَادِىْ بِعَدَاوَتِكَ مَنْ خَالَفَكَ مِنْ خَلْقِكَ.

Ya Allah! Jadikanlah kami ini daripada golongan hambaMu yang mendapat pertunjuk dan memberi pertunjuk kepada orang lain, bukan daripada golongan yang sesat dan bukan pula daripada mereka yang menyesatkan orang lain. Jadikanlah kami memusuhi akan orang yang memusuhi Engkau dan berdamai dengan seluruh penolongMu.

Jadikanlah kami mencintai manusia dengan kecintaanMu dan memusuhi dengan permusuhanMu siapa sahaja yang engkar kepadaMu daripada makhlukMu.

اَللّٰهُمَّ هٰذَا الدُّعَاءُ، وَعَلَيْكَ الإِجَابَةُ، وَهٰذَا الْجَهْدُ، وَعَلَيْكَ التُّكْلاَنُ، وَإِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Ya Allah! Inilah doa kami dan kepadaMu diharapkan untuk terima dan hanya sekadar ini sahaja usaha kami dan kepadaMu kami berserah diri. Dan sesungguhnya kami datang daripadaMu dan kepadaMu kami akan dikembalikan dan tidak ada daya dan upaya kecuali hanya dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

اَللّٰهُمَّ ذَا الْحَبْلِ الشَّدِيْدِ، وَالأَمْرِ الرَّشِيْدِ، أَسْأَلُكَ الأَمْنَ يَوْمَ الْوَعِيْدِ، وَالْجَنَّةَ يَوْمَ الْخُلُوْدِ، مَعَ الْمُقَرَّبِيْنَ الشُّهُوْدِ، اَلرُّكَّعِ السُّجُوْدِ، اَلْمُوْفِيْنَ لَكَ

Ya Allah! Tuhan yang memiliki tali (agama) yang kukuh dan perintah yang bijak. Aku memohon keamanan di hari pembalasan dan memohon syurga di hari yang kekal, bersama-sama dengan hambaMu yang muqarrabin yang akan melihat kepada wajahMu, di mana mereka sentiasa ruku' dan sujud kepadaMu dan menunaikan segala janji mereka kepadaMu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang

بِالْعُهُوْدِ، إِنَّكَ رَحِيْمٌ وَدُوْدٌ، وَأَنْتَ تَفْعَلُ مَا تُرِيْدُ،

Maha Mengasihani dan Maha Pemurah dan Engkau dapat berbuat apa sahaja yang Engkau kehendaki.

سُبْحَانَ مَنِ اتَّصَفَ بِالْعِزِّ وَقَالَ بِهِ، سُبْحَانَ مَنْ لَبِسَ الْمَجْدَ وَتَكَرَّمَ بِهِ، سُبْحَانَ مَنْ لاَ يَنْبَغِي التَّسْبِيْحُ اِلاَّ لَهُ، سُبْحَانَ ذِي الْفَضْلِ وَالنِّعَمِ، سُبْحَانَ ذِي الْقُدْرَةِ وَالْكَرَمِ، سُبْحَانَ الَّذِي أَحْصَى كُلَّ شَيْئٍ بِعِلْمِهِ.

Maha suci Tuhan yang bersifat dengan kemuliaan dan berkata dengannya, Maha suci Tuhan yang memakai segala keagungan dan bermurah dengannya. Maha suci Tuhan yang tidak layak dipersembahkan tasbih kecuali hanya bagiNya, Maha suci Tuhan yang memiliki kekuasaan dan kemurahan. Maha suci Tuhan yang menghinggakan segala sesuatu dengan ilmuNya.

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ لِيْ نُوْرًا فِيْ قَلْبِيْ. وَنُوْرًا فِيْ قَبْرِيْ، وَنُوْرًا فِيْ سَمْعِيْ، وَنُوْرًا فِيْ بَصَرِيْ، وَنُوْرًا فِيْ شَعْرِيْ، وَنُوْرًا فِيْ بَشَرِيْ، وَنُوْرًا فِيْ لَحْمِيْ، وَنُوْرًا فِيْ دَمِيْ، وَنُوْرًا فِيْ عِظَامِيْ، وَنُوْرًا مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ، وَنُوْرًا مِنْ خَلْفِيْ، وَنُوْرًا عَنْ يَمِيْنِيْ، وَنُوْرًا عَنْ شِمَالِيْ، وَنُوْرًا مِنْ فَوْقِيْ، وَنُوْرًا مِنْ تَحْتِيْ. اللّٰهُمَّ زِدْنِيْ نُوْرًا، وَأَعْطِنِيْ نُوْرًا أَعْظَمَ نُوْرٍ، وَاجْعَلْ لِيْ نُوْرًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Jadikanlah bagiku nur (cahaya) di dalam hatiku dan nur di kuburku dan nur pada pendengaranku dan nur pada penglihatanku dan nur di rambutku dan nur pada kulitku dan nur pada dagingku dan nur pada darahku dan nur pada tulangku dan nur di hadapanku dan nur di belakangku dan nur di kananku dan nur di kiriku dan nur di atasku dan nur di bawahku. Ya Allah! tambahkanlah aku nur dan berikanlah kepadaku sebesar-besar nur dan jadikanlah bagiku nur dengan kemurahanMu Ya Allah! Yang Maha Pemurah daripada segala yang pemurah.

Apabila engkau selesai mambaca doa maka janganlah engkau sibuk kecuali hanya dengan menunaikan sembahyang yang fardhu atau berzikir atau bertasbih atau membaca Al Quran dan apabila engkau mendengar panggilan azan di ketika itu maka berhentilah dan berikanlah penumpuanmu untuk menjawab azan.

Apabila muazzin berkata "*Allahu akbar*" maka jawab olehmu seperti perkataannnya juga. Dan begitulah seterusnya engkau jawab kalimah azan itu, kecuali kalimat " حى على الصلاة " dan " حى على الفلاح " maka hendaklah engkau jawab dengan perkataan " لاحول ولا قوة إلا بالله العلى العظيم " Dan apabila muazzin melaungkan " الصلاة خير من النوم " {di dalam azan sembahyang Subuh} maka hendaklah engkau jawab dengan perkataan :

صَدَقْتَ وَبَرَرْتَ وَأَنَا عَلَى ذٰلِكَ مِنَ الشَّاهِدِيْنَ

Ertinya : Engkau benar dan engkau telah berbuat baik dan sesungguhnya aku bersaksi atas yang demikian itu.

Dan apabila engkau mendengar iqamat maka jawablah dengan seumpama yang diucapkan oleh muazzin kecuali pada perkataan " " (Ertinya : *Telah didirikan sem-*

bahyang) maka jawab olehmu dengan perkataan:

أَقَامَهَا اللّٰهُ وَأَدَامَهَا مَادَامَتِ السَّمٰوَاتُ وَالأَرْضُ

Ertinya : Mudah-mudahan Allah mendirikannya (sembahyang) dan mengekalkannya selama masih kekal lagi segala langit dan bumi.

Apabila engkau selesai menjawab azan {azan Subuh} maka baca olehmu akan doa ini:

اَللّٰهُمَّ إِنِّىْ أَسْأَلُكَ عِنْدَ حُضُوْرِ صَلاَتِكَ وَأَصْوَاتِ دُعَاتِكَ، وَإِدْبَارِ لَيْلِكَ، وَإِقْبَالِ نَهَارِكَ أَنْ تُؤْتِىَ مُحَمَّدًا الْوَسِيْلَةَ وَالْفَضِيْلَةَ وَالدَّرَجَةَ الرَّفِيْعَةَ وَابْعَثْهُ الْمَقَامَ الْمَحْمُوْدَ الَّذِىْ وَعَدْتَهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ertinya : Ya Allah! Aku memohon kepadaMu ketika hadir waktu solatMu ini dan ketika {terdengar} suara pemanggilMu dan ketika lenyapnya malam dan datangnya siang supaya engkau memberikan kepada penghulu kami Nabi Muhammad S.A.W. akan wasilah (jalan kebaikan) dan kelebihan serta darjat yang tinggi dan Engkau kurniakan kepada baginda maqam (tempat) yang terpuji yang telah engkau janjikan kepadanya, wahai Tuhan yang Maha pemurah daripada segala yang pemurah

Apabila engkau mendengar azan sedangkan engkau di dalam keadaan sembahyang maka sempurnakanlah sembahyangmu kemudian jawablah azan seperti susunannya yang termaklum tadi.

Apabila Imam mulai *takbiratul ihram* dalam sembahyang fardhu (Subuh) maka jangan engkau melakukan sesuatu kecuali mengikut perbuatannya sahaja dan sembahyanglah engkau seperti yang akan diterangkan kaifiat dan adab-adabnya sekejap lagi.

Apabila engkau selesai sembahyang maka baca olehmu:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَسَلِّمْ. اَللّٰهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ، وَإِلَيْكَ يَعُوْدُ السَّلاَمُ، فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلاَمِ، وَأَدْخِلْنَا دَارَكَ دَارَ السَّلاَمِ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ.

Ertinya : Ya Allah berikanlah rahmat dan salam sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad S.A.W. dan ke atas keluarga baginda. Ya Allah, Engkau sejahtera dan daripada Engkau datang kesejahteraan dan masukkanlah kami ke dalam negaraMu syurga Darus Salam. Bertambah-tambah berkatMu Ya Allah! Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kemuliaan.

سُبْحَانَ رَبِّىَ الْعَلِيِّ الأَعْلَى. لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيْتُ، وَهُوَ حَيٌّ لاَيَمُوْتُ، بِيَدِهِ الْخَيْرُ، وَهُوَ عَلَى

Maha suci Tuhanku yang Maha Agung dan Maha Tinggi. Tidak ada Tuhan yang disembah melainkan hanya Allah, tiada sekutu baginya, bagi Allah seluruh pemerintahan dan baginya pula segala puji-pujian. Dia yang menghidupkan dan Dia yang mematikan dan Dia yang hidup tiada mati dan Dialah yang

كُلِّ شَيْئٍ قَدِيْرٌ.

amat menguasai segala sesuatu.

لاَ اِلٰهَ اِلاَّ اللّٰهُ اَهْلُ النِّعَمِ وَالْفَضْلِ وَالثَّنَاءِ الْحَسَنِ، لاَ اِلٰهَ اِلاَّ اللّٰهُ، وَلاَ نَعْبُدُ اِلاَّ اِيَّاهُ، مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ.

Tiada Tuhan yang patut disembah dengan sebenarnya melainkan hanya Allah, Tuhan yang sangat banyak nikmat dan kelebihan, yang memiliki segala puji-pujian yang baik, tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan hanya Allah dan kami tidak menyembah kecuali akan Dia. Dengan ikhlas kami beragama bagiNya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir.

Selepas ini hendaklah engkau membaca doa yang singkat tetapi penuh makna. Iaitu doa yang diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada Siti Aisyah R.A. iaitu:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْاَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ اَعْلَمْ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ اَعْلَمْ.

Ertinya : Ya Allah! Aku memohon kepadaMu akan segala kebaikan di negeri dunia dan negeri akhirat, sama ada yang aku ketahui mahupun yang tidak aku ketahui. Dan aku berlindung denganMu daripada segala kejahatan di dunia ini dan di akhirat, sama ada yang aku ketahui mahupun yang tidak aku ketahui.

وَاَسْئَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا يُقَرِّبُ اِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ. وَاَعُوْذُبِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا يُقَرِّبُ اِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ، وَاَسْاَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَاسَاَلَكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَرَسُوْلُكَ مُحَمَّدٌ ﷺ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّمَا اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَرَسُوْلُكَ مُحَمَّدٌ ﷺ، اَللّٰهُمَّ وَمَا قَضَيْتَ لَنَا مِنْ اَمْرٍ فَاجْعَلْ عَاقِبَتَهُ رَشَدًا.

Dan aku memohon kepadaMu akan syurga dan segala amalan yang dapat menghampirkan aku kepadanya, baik perkataan, perbuatan, niat dan i'tiqad. Dan aku berlindung denganMu daripada api neraka dan segala amalan yang dapat menghampirkan aku ke dalam api neraka, baik perkataan, perbuatan, niat dan i'tiqad. Aku memohon kepadaMu akan segala kebaikan yang telah dipohon oleh hambaMu dan RasulMu Muhammad S.A.W. dan aku berlindung denganMu daripada segala kejahatan yang telah berlindung daripadanya oleh hambaMu dan RasulMu Muhammad S.A.W. Ya Allah! Apa jua keputusan yang engkau berikan kepadaku daripada segala urusanku, maka jadikanlah akibatnya membawa aku mendapat petunjuk.

Kemudian hendaklah engkau baca doa yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada anakandanya Siti Fatimah R.A., iaitu :

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ،

Ertinya : Wahai Tuhan yang hidup lagi berdiri sendiri, yang

يَاذَاالْجَلاَلِ وَالاِكْرَامِ، لاَ اِلَهَ اِلاَّ اَنْتَ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ، وَمِنْ عَذَابِكَ اَسْتَجِيْرُ، لاَ تَكِلْنِى اِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ، وَاَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ بِمَا اَصْلَحْتَ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِيْنَ.

mempunyai kebesaran dan kemuliaan, tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya kecuali hanya Engkau. Dengan rahmatMu aku meminta tolong, dan daripada seksaanMu aku berlindung, janganlah Engkau serahkan aku kepada diriku (nafsuku) walaupun hanya sekejap di mata. Dan perbaikkanlah segala urusanku seperti mana engkau perbaiki urusan hamba-hambaMu yang soleh.

Kemudian baca olehmu akan doa Nabi Isa A.S. iaitu:

اَللَّهُمَّ اِنِّي اَصْبَحْتُ لاَ اَسْتَطِيْعُ دَفْعَ مَا اَكْرَهُ، وَلاَ اَمْلِكُ نَفْعَ مَا اَرْجُو، وَاَصْبَحَ الاَمْرُ بِيَدِكَ لاَ بِيَدِ غَيْرِكَ، وَاَصْبَحْتُ مُرْتَهِنًا بِعَمَلِي، فَلاَ فَقِيْرَ اَفْقَرُ مِنِّى اِلَيْكَ وَلاَ غَنِيَّ اَغْنَى مِنْكَ عَنِّى. اَللَّهُمَّ لاَ تُشْمِتْ بِى

Ertinya : Ya Allah! Sesungguhnya jadilah aku tidak dapat menolak apa-apa yang aku membenci akan dia dan aku tidak memiliki kemanfaatan daripada apa yang aku harapkan. Dan jadilah segala urusanku di tanganmu, bukan di tangan orang lain dan jadilah aku terikat dengan amalanku sendiri. Maka tidak ada orang yang fakir yang lebih fakir daripada aku. Dan tidak ada orang yang kaya yang lebih kaya daripada Engkau. Ya Allah! Janganlah Engkau sukakan akan

عَدُوِّى، وَلاَ تَسُؤْ بِى صَدِيْقِى، وَلاَ تَجْعَلْ مُصِيْبَتِى فِى دِيْنِي، وَلاَ تَجْعَلِ الدُّنْيَا اَكْبَرَ هَمِّى وَلاَ مَبْلَغَ عِلْمِي، وَلاَ تُسَلِّطْ عَلَى بِذَنْبِى مَنْ لاَ يَرْحَمُنِى.

musuhku dan janganlah Engkau jahatkan akan kawanku dan janganlah Engkau jadikan musibahku pada agamaku dan jangan Engkau jadikan dunia ini sebesar-besar cita-citaku dan jangan pula Engkau jadikan dunia ini kesudahan daripada ilmuku dan jangan Engkau kuasakan ke atasku dengan sebab dosaku akan orang yang tidak menaruh belas kasihan kepadaku.

Kemudian setelah itu hendaklah engkau berdoa dengan apa sahaja doa yang engkau kehendaki daripada segala doa yang masyhur dan hendaklah engkau hafaz (hafal) doa yang telah kami tuliskan di dalam fasal "*Al Daawat*" di dalam kitab Ihya Ulumiddin.

Dan hendaklah engkau bahagikan masamu dari selepas sembahyang Subuh tadi sampai kepada masa terbit matahari kepada empat bahagian:

Pertama : Berdoa.

Kedua : berzikir dan bertasbih dan hendaklah engkau bilangkan zikirmu itu dengan seutas tasbih.

Ketiga : Membaca Al Quran.

Keempat : Bertaffakur.

Maka hendaklah engkau memikirkan betapa banyak dosa-dosa dan ketaksiranmu di dalam berbuat ibadat terhadap Tuhanmu dan engkau fikirkan pula betapa engkau berani mendedahkan dirimu menghadapi seksaan Tuhanmu yang pedih dan kemurkaanNya yang sangat besar.

Dan hendaklah pula engkau fikirkan susunan waktumu dengan menentukan wirid yang akan engkau baca di sepanjang hari nanti supaya engkau dapat menyempurnakan wirid-wirid yang luput dari sebab ketaksiranmu dan hendaklah engkau fikirkan bagaimana engkau boleh menjaga diri di sepanjang hari dan hendaklah pula engkau berniat untuk membuat sebarang kebaikan kepada orang-orang Islam dan hendaklah engkau berazam bahawa engkau di sepanjang hari nanti tidak akan membuat sesuatu kecuali hanya taat kepada Allah dan hendaklah engkau niatkan membuat ketaatan yang termampu engkau membuatnya dan hendaklah engkau pilih yang terlebih afdal di antara segala ketaatan dan hendaklah engkau fikirkan dengan teliti bagaimana cara mempersiapkan kemudahan pelaksanaan ketaatan tersebut dan jangan lupa engkau memikirkan bahawa ajalmu itu sangat dekat kepadamu dan bahawa kematian itu bila-bila masa boleh datang memutuskan segala rancanganmu dan bahawa kematian itu di luar daripada ikhtiarmu dan engkau fikirkan juga betapa besarnya kerugian dan penyesalan bagi seseorang yang tidak membuat persiapan untuk matinya.

Dan hendaklah tasbih dan zikirmu itu dibahagikan kepada sepuluh bahagian.

Pertama:

لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Ertinya : Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya kecuali hanya Allah yang bersendirian. Tidak ada sekutu bagiNya. Di tanganNya segala kebaikan dan Dia berkuasa atas segala sesuatu.

Kedua : لاَ اِلَه اِلاَّ اللّٰهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِيْنُ.

Ertinya : Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya kecuali hanya Allah yang memiliki segala kerajaan dan kebenaran dan yang menampakkan {jalan yang lurus}.

Ketiga :

لاَ اِلَهَ اِلاَّ اِللّٰهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ، رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالاَرْضِ وَمَا بَيْنَهَا الْعَزِيْزُ الْغَفَّارُ.

Ertinya : Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya kecuali hanya Allah yang Maha Esa, lagi Maha Gagah, Tuhan yang memiliki segala langit dan bumi dan barang yang antara keduanya, Tuhan yang Maha Gagah lagi Mengampuni.

Keempat:

سُبْحَانَ اَللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَلاَ اِلَهَ اِلاَّ اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ اِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Ertinya : Maha suci Allah dan segala pujian bagi Allah dan tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya kecuali hanya Allah dan Allah Maha Besar dan tidak ada daya dan upaya kecuali hanya dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Kelima : سُبُّوْحٌ قُدُّوْسٌ رَبُّ الْمَلاَئِكَةِ وَالرُّوْحِ.

Ertinya : Maha Suci Allah lagi Maha Bersih {Tuhan kami} dan Tuhan Malaikat dan Jibril

Keenam: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيْمِ

Ertinya : Maha Suci Allah dengan segala pujian, Maha Suci Allah yang Maha Agung.

Ketujuh:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ الَّذِىْ لاَ اِلٰهَ اِلاَّ هُوَ الْحَىُّ
الْقَيُّوْمَ وَاَسْأَلُهُ التَّوْبَةَ وَالْمَغْفِرَةَ.

Ertinya : Aku meminta ampun akan Allah yang Maha Agung, yang tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya kecuali hanya Dia, iaitu Tuhan yang hidup yang berdiri sendiri. Aku memohon kepadaNya akan taubat dan keampunan dosa.

Kelapan :

اَللّٰهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا اَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِىَ لِمَا مَنَعْتَ،
وَلاَ رَادَّ لِمَا قَضَيْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَاالْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

Ertinya : Ya Allah! Tidak ada yang menghalang bagi apa yang

Engkau berikan kurnia dan tidak ada yang memberi kurnia bagi apa yang Engkau halangkan dan tidak ada yang dapat menolak bagi apa sahaja yang Engkau putuskan dan tidak memberi manfaat akan sesuatu kekayaan di sisimu oleh orang yang kaya.

Kesembilan :

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Ertinya : Ya Allah! Cucurilah rahmat dan salam sejahtera kepada junjungan kami Nabi Muhammad dan kepada keluarganya dan para sahabatnya.

Kesepuluh :

بِسْمِ اللهِ الَّذِىْ لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْئٌ فِى
الاَرْضِ وَلاَ فِى السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

Ertinya : Dengan nama Allah yang tidak dapat memberi mudarat dengan berkat disebut namaNya oleh sesuatu yang ada di bumi ataupun di langit dan Dialah Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Maka hendaklah engkau baca setiap bahagian daripada zikir ini seratus kali atau tujuh puluh kali atau sepuluh kali. Dan sepuluh kali adalah bilangan yang paling sedikit supaya semuanya berjumlah tidak kurang daripada seratus zikir dan hendaklah engkau lazimkan (mengekali) akan zikir ini. Dan jangan engkau bercakap-cakap sebelum terbit matahari kerana disebutkan di dalam hadis bahawa amalan seperti ini {iaitu berzikir selepas sembahyang Subuh sampai terbit matahari dengan tidak di celah oleh sebarang percakapan} adalah lebih afdal daripada memerdekakan lapan orang hamba daripada keturunan Nabi

Ismail A.S.[1]

(1) Sebenarnya tidak ada hamba daripada keturunan Nabi Ismail, kerana mereka adalah keturunan yang mulia. Hadis ini hanya menunjukkan kelebihan yang sangat besar bagi amalan tersebut).

8- ADAB-ADAB SELEPAS TERBIT MATAHARI SAMPAI KE WAKTU GELINCIR MATAHARI

Apabila matahari telah terbit sekadar satu galah maka sembahyanglah engkau dua rakaat, engkau lakukan sembahyang ini selepas habis waktu yang dimakruhkan sembahyang, iaitu masa yang antara selepas sembahyang subuh sampai naik matahari sekadar satu galah.

Apabila matahari telah naik sampai ke waktu *dhuha* iaitu apabila telah berlalu lebih kurang satu perempat siang maka hendaklah engkau mengerjakan sembahyang sunat *dhuha* {dua rakaat} atau empat, atau enam, atau lapan rakaat. Engkau buat sembahyang ini dua rakaat, dua rakaat {dua rakaat sekali salam} seperti apa yang telah diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W. dan sebenarnya sembahyang ini sangat baik dan sangat besar pahalanya oleh itu terserahlah kepada seseorang apakah dia hendak memperbanyakannya atau mengurangkannya.

Dan tidak ada di antara masa terbit matahari sampai masa tergelincirnya kecuali hanya sembahyang ini sahaja {sembahyang sunat *Isyraq* dan sembahyang sunat *Dhuha*} maka waktumu yang selebihnya hendaklah engkau isikan dengan salah satu di antara empat perkara di bawah ini.

Pertama : Yang terlebih afdal bahawa engkau habiskan waktumu itu dengan mencari ilmu yang bermanfaat bukan ilmu yang sia-sia yang sangat diminati orang sekarang ini yang mereka menamakannya ilmu manfaat (pada hal ia bukan ilmu yang bermanfaat). Ilmu yang bermanfaat itu ialah ilmu yang

menambah takut dirimu kepada Allah dan menambah penglihatanmu terhadap aib dirimu dan menambah makrifatmu dalam engkau beribadat akan Tuhan dan menyedikitkan kegemaranmu terhadap negeri dunia dan menambah kegemaranmu terhadap negeri akhirat dan membukakan pintu hatimu untuk mengenali bermacam-macam penyakit amalanmu sehingga engkau dapat menjauhinya.

Dan ilmu yang bermanfaat itu ialah ilmu yang menambah pengetahuanmu terhadap tipu helah syaitan dan penipuannya sehingga engkau arif dengan kehalusan penipuan syaitan ketika ia mengoda ulama Su' dan berjaya menjadikan mereka sebagai sasaran kemurkaan Allah dan kemarahanNya, kerana mereka telah membeli dunia dengan agama dan menjadikan ilmu sebagai alat yang digunakan untuk mengambil harta sultan, memakan harta wakaf, harta anak yatim, harta orang miskin dan harta orang Islam. Di sepanjang hari mereka hanya menghabiskan masa untuk mencari pangkat dan kedudukan di hati manusia. Untuk itu mereka sanggup menunjukkan segala kebolehan di hadapan orang ramai dan mempelihatkan kefasihan lidah mereka dalam berbahas dan berbincang.

Semua ilmu yang bermanfaat itu telah kami sebutkan di dalam kitab Ihya Ulumiddin maka jika engkau tergolong daripada ahlinya maka hasilkanlah olehmu akan dia dan amalkan dengan isi dan kandungannya. Kemudian setelah itu engkau ajarkan pula kepada orang lain dan engkau ajak mereka untuk menuntutnya maka sesiapa yang mencari ilmu yang bermanfaat lalu ia mengamalkan dengannya kemudian ia mengajak orang lain untuk mencari ilmu tersebut maka orang itu akan dipanggil *'Azim* (orang yang besar) di alam Malakut seperti apa yang telah

diperkatakan oleh Nabi Isa A.S.

Apabila engkau selesai daripada mencari ilmu yang bermanfaat dan selesai daripada memperbaiki dirimu pada zahir dan batin dan masih lagi ada baki daripada waktumu maka tidak mengapa waktu yang baki itu engkau gunakan untuk menuntut ilmu mazhab {Ilmu Masail Khilafiah} supaya engkau juga mengenali cabang-cabang ilmu fekah dan permasalahannya yang juga terkadang timbul di waktu engkau berbuat ibadat dan supaya engkau mengetahui jalan tengah di antara segala permasalahan yang diperselisihkan oleh orang ramai ketika mereka sedang dikuasai oleh hawa nafsu di dalam pertengkaran mereka. Ini pun dengan syarat adanya kelapangan masa selepas engkau menuntut ilmu yang fardhu kifayah. Tetapi jika nafsumu selalu mendorongmu meninggalkan membaca wirid dan zikir yang telah kami sebutkan dan merasa berat untuk melaksanakannya {dan ia sangat cenderung untuk menghabiskan masa menuntut ilmu Masail Khilafiah tadi} maka ketahuilah bahawa sebenarnya syaitan telah berjaya mempermainkan engkau dan ia telah berjaya menanamkan suatu penyakit yang sangat berbahaya di dalam hatimu iaitulah cinta pangkat dan hartabenda. Oleh itu hendaklah engkau berhati-hati supaya engkau tidak tertipu dengan godaan syaitan lalu nantinya engkau akan menjadi alat tertawan syaitan maka ia membinasakan akan dikau dan akan mengolok-olok engkau.

Apabila engkau telah mencuba mengamalkan wirid-wirid dan ibadat {yang telah kami sebutkan} dan engkau dapati akan dirimu tidak merasakan sebarang keberatan dan tidak merasa malas melaksanakannya, bahkan nampak pada dirimu minat yang sangat mendorong engkau untuk mencari lagi ilmu yang

bermanfaat dan engkau tidak menghendaki dengan mencari ilmu itu kecuali hanya keredhaan Allah dan negeri akhirat, maka menuntut ilmu ketika itu lebih afdal daripada ibadat-ibadat sunat. Dan yang paling penting hendaklah engkau memastikan keikhlasan niatmu {kerana niatlah yang menentukan nilai amalan-mu}. Dan apabila niatmu tidak ikhlas maka di sinilah tempat terpedayanya orang-orang yang jahil dan di sini pula tempat tergelincirnya kaki orang-orang yang cerdik pandai.

Kedua : Bahawa engkau tidak berkuasa menghasilkan ilmu yang bermanfaat tetapi engkau kuasa berbuat ibadat seperti berzikir, membaca Al Quran, bertasbih dan sembahyang maka ini adalah darjat orang yang Abid dan cara hidup orang yang soleh. Dengan cara ini juga engkau dapat tergolong di dalam kumpulan orang yang beruntung.

Ketiga : Bahawa engkau membuat sebarang pekerjaan yang dapat memberi kebaikan kepada orang-orang Islam dan dapat menggembirakan hati orang-orang yang beriman atau engkau menolong orang yang soleh di dalam pekerjaan mereka seperti berkhidmat kepada para ulama dan ahli Sufi dan ahli-ahli agama dan berulang alik di dalam menunaikan hajat-hajat mereka atau berusaha untuk'memberi makanan kepada fakir dan miskin atau menziarahi orang sakit atau menghantar jenazah, maka semuanya ini adalah lebih afdal daripada semata-mata ibadat sunat sahaja kerana amalan yang seperti ini, selain sebagai satu ibadat, juga ia merupakan pertolongan kepada orang yang lain.

Keempat : Jikalau engkau tidak dapat membuat salah satu daripada tiga perkara yang tersebut tadi maka berusahalah untuk menunaikan hajatmu sendiri dan mencari nafkah bagi dirimu

dan keluargamu sedangkan orang ramai selamat daripada sebarang gangguanmu dan mereka juga selamat daripada bahaya lidah dan tanganmu. Dan agamamu pula selamat, iaitu apabila engkau tidak terlibat dengan sebarang kemaksiatan maka dengan itu engkau akan dapat mencapai darjat *Ash-habul Yamin* sekiranya engkau tidak dapat mencapai darjat *As Sabiqin.*

Maka empat perkara inilah segala darjat di dalam agamamu. Selain daripada empat darjat ini hanyalah tempat permainan syaitan iaitu bahawa engkau mengerjakan sesuatu yang dapat meruntuhkan agamamu - Wal Iyazubillah -, atau menyakiti hamba daripada hamba-hamba Allah maka ini adalah perbuatan golongan yang binasa dan hendaklah engkau menghindarkan diri daripada mereka.

Dan ketahuilah bahawasanya seorang hamba itu dipandang dari sudut agama terbahagi kepada tiga darjat:

Pertama : "*Salim*" ertinya orang yang selamat iaitu orang yang hanya menunaikan yang fardhu dan meninggalkan maksiat.

Kedua : "*Rabih*" Ertinya : orang yang beruntung iaitu orang yang menunaikan yang fardhu dan meninggalkan maksiat dan menambah pula dengan membuat bermacam-macam ketaatan yang sunat.

Ketiga : "*Khasir*" Ertinya : orang yang rugi iaitu orang yang taksir atau cuai daripada membuat sesuatu yang fardhu.

Maka jikalau engkau tidak dapat menjadi orang yang "*rabih*" maka berusahalah supaya menjadi orang yang "*salim*" dan janganlah sekali-kali menjadi orang yang "*khasir*".

Dan seorang hamba itu dipandang dari sudut pergaulan dengan orang lain terbahagi kepada tiga darjat pula.

Pertama : Laksana Malaikat yang mulia yang suka berbuat baik kepada orang lain iaitu seseorang yang berusaha menunaikan hajat orang lain dengan cara yang penuh kasih sayang dan lemah lembut dan sentiasa melakukan perkara yang dapat menggembirakan hati mereka.

Kedua : Laksana binatang dan benda keras iaitu seseorang yang tidak memberi kebaikan kepada orang lain dan tidak pula menolak sebarang perkara yang menyakiti mereka.

Ketiga : Laksana kala jengking, ular dan binatang buas iaitu seseorang yang tidak diharapkan kebaikannya dan dijauhi kejahatannya.

Oleh kerana itu, apabila engkau tidak mampu mencapai ketinggian darjat Malaikat maka janganlah engkau menjadi lebih rendah daripada darjat binatang dan benda-benda yang keras iaitu turun kepada darjat kala jengking, ular dan binatang buas yang suka menyakitkan orang lain. Jadi jikalau engkau redha bagi dirimu untuk berada di bawah daripada darjat "*A'la Illiyyin*" (darjat yang paling tinggi daripada segala yang tinggi)

maka janganlah engkau redha bagi dirimu dengan darjat "*Asfala safilin*" (Darjat yang lebih rendah daripada segala yang rendah) dan jikalau engkau tidak mampu membuat perkara yang dapat me-nguntungkan, maka janganlah engkau membuat perkara yang merugikan.

Di sepanjang hari janganlah engkau melakukan sesuatu kecuali perkara yang dapat memberi manfaat bagi akhiratmu atau sekurang-kurangnya melakukan perkara yang bermanfaat bagi kehidupanmu di dunia ini yang engkau tidak dapat lari daripadanya dan engkau berhajat kepada menggunakan manfaat dunia ini untuk mencari pahala akhirat.

Apabila engkau tidak mampu melaksanakan kewajipanmu terhadap agamamu ketika engkau bergaul dengan manusia atau engkau tidak selamat daripada membuat maksiat maka hendaklah engkau *beruzlah* (iaitu mengasingkan diri daripada orang ramai) dan itu adalah yang terlebih baik bagimu, maka di situlah letaknya keselamatanmu. Dan apabila was-was selalu datang menarik hatimu untuk membuat perkara-perkara yang tidak diredhai oleh Allah ketika engkau beruzlah maka hendaklah engkau tidur dan inilah sebaik-baik keadaanmu kerana sudah menjadi pegangan kita di dalam kehidupan ini, apabila kita tidak mampu mendapatkan keuntungan dan kemenangan maka biarlah kita redha dengan lari dalam mencari keselamatan. Maka alangkah hinanya orang yang dapat menyelamatkan agamanya dengan menganggurkan dirinya kerana tidur adalah saudara mati yang bermakna pengangguran hidup dan mencontohi benda-benda yang *jamid* (yang tidak bergerak).

9- ADAB-ADAB MEMPERSIAPKAN DIRI UNTUK SEMBAHYANG

Sebaiknya hendaklah engkau bersiap-siap untuk sembahyang Zuhur sebelum gelincir matahari, maka hendaklah engkau "*tidur qailulah*" (tidur atau berehat-berehat sekejap sebelum gelincir matahari) jikalau ada bagimu adat sembahyang *tahajjud* atau berjaga malam untuk membuat kebaikan kerana tidur sekejap sebelum gelincir matahari itu adalah sangat membantu engkau berjaga di waktu malam, sama halnya dengan makan sahur yang dapat membantu orang yang berpuasa di waktu siang. Tetapi *qailulah* tanpa ibadat di waktu malam sama halnya dengan makan sahur tanpa puasa. Apabila engkau tidur *qailulah* maka hendaklah engkau bangun sebelum gelincir matahari kemudian terus engkau berwudhuk dan pergi ke masjid dan sembahyang sunat *tahiyyatul masjid* dan engkau menantikan azan Zuhur. Dan apabila engkau mendengar panggilan azan Zuhur maka engkau menjawab perkataan muazzin {seperti cara yang telah diterangkan} kemudian hendaklah engkau sembahyang qabliyah Zuhur empat rakaat {dengan dua kali salam atau sekali salam} dan adalah Rasulullah S.A.W. memanjangkan sembahyang ini dan baginda juga bersabda : *"Inilah waktu dibukakan pintu-pintu langit maka aku mahu supaya diangkatkan amalanku yang soleh pada ketika ini"*. Dan empat rakaat sebelum Zuhur ini hukumnya sunat muakkad dan disebutkan akan kelebihannya dalam sebuah hadis yang bermaksud:

"Barang siapa mengerjakannya dalam keadaan ia membaikkan akan ruku'nya dan sujudnya maka akan bersembahyang bersama dengannya tujuh puluh ribu malaikat dan mereka memintakan ampun baginya sampai datang waktu malam."

Setelah itu kerjakanlah sembahyang Zuhur berjamaah dan engkau kerjakan pula selepas itu sembahyang ba'diyah Zuhur dua rakaat. Dan jangan engkau sibuk selepas itu sehingga masuk waktu Asar melainkan dengan belajar ilmu atau menolong orang lain atau membaca Al Quran atau mencari sara hidup yang engkau gunakan untuk keperluan ibadatmu. Sebelum sembahyang Asar hendaklah engkau kerjakan sunat qabliyah asar empat rakaat {dengan dua kali salam atau sekali salam} dan sembahyang ini juga termasuk sembahyang sunat muakkad {dan mengikut pendapat sebahagian ulama, empat rakaat sunat qabliyah Asar ini hanyalah sunat biasa bukan sunat muakkad} maka telah bersabda Rasulullah S.A.W. :

رَحِمَ اللّٰهُ امْرَأً صَلَّى قَبْلَ الْعَصْرِ أَرْبَعًا

Ertinya : "Semoga Allah mencucuri rahmat kepada seseorang yang sembahyang sunat qabliyah Asar sebanyak empat rakaat."
(Hadis riwayat At Tirmizi daripada Ibnu Umar R.A)

Maka bersungguh-sungguhlah engkau untuk mencapai yang demikian itu supaya engkau termasuk di dalam orang yang didoakan oleh Rasulullah S.A.W. untuk mencapai rahmat daripada Allah Taala.

Dan jangan engkau sibuk selepas sembahyang Asar kecuali dengan seumpama pekerjaan yang telah kami sebutkan sebelum ini dan sangat tidak patut bagi seseorang itu mensia-siakan masa dengan ia mengisi waktunya dengan apa sahaja pekerjaan yang kebetulan datang kepadanya atau menyibukkan dirinya dengan cara apa sahaja yang dia sukai. Sepatutnya hendaklah engkau

menghitung dirimu dan merancang segala pekerjaanmu dan menyusun wiridmu pada waktu siang dan malam maka engkau tentukan bagi setiap waktu itu akan sesuatu pekerjaan yang tertentu yang tidak melebihi masa yang telah dihadkan dan janganlah engkau mendahulukan sebarang pekerjaan yang lain daripada pekerjaan yang telah engkau tentukan. Apabila engkau merancang pekerjaanmu dan menyusun waktumu pasti engkau akan melihat keberkatan daripada setiap waktumu yang sangat berharga itu.

Tetapi jikalau engkau biarkan dirimu dengan tidak teratur atau kosong daripada sebarang pekerjaan yang berfaedah seperti halnya binatang dan engkau tidak tahu apakah yang mesti engkau buat pada setiap waktu, nescaya engkau akan menyesal dan waktumu akan berlalu dengan sia-sia, sedangkan waktumu itu adalah umurmu. Dan umurmu itu adalah modal. Dan dengan modal inilah engkau mencari keuntungan. Hanya dengan umurmu sahaja engkau dapat mencapai kebahagiaan yang sebenarnya di negeri yang kekal abadi di sisi Allah Taala. Maka setiap nafas daripada nafasmu adalah laksana batu permata yang tak ternilai harganya kerana ia tidak dapat diganti walau dengan apa sekalipun dan apabila ia telah luput, ia tidak akan kembali buat selama-lamanya. Maka janganlah engkau menjadi seperti orang yang bodoh yang tertipu di dalam kehidupannya, di mana setiap hari mereka bersuka-suka dengan bertambah banyak harta benda mereka sedangkan umur mereka semakin berkurangan. Apalah faedahnya harta yang bertambah apabila umur jadi berkurangan. Oleh itu janganlah engkau bergembira kecuali dengan tambahan ilmu atau amal soleh kerana keduanya adalah sahabatmu yang menjadi temanmu yang setia di dalam kubur ketika keluarga, harta, anak dan kawan-kawanmu semuanya

meninggalkan engkau.

Apabila cahaya matahari sudah berubah menjadi kuning (sudah hampir waktu Maghrib) maka bersegeralah engkau pergi ke masjid sebelum tenggelamnya matahari dan penuhkan masamu dengan bermacam-macam *tasbih* dan *istighfar* kerana kelebihan masa ini sama dengan kelebihan masa selepas sembahyang subuh sehingga terbit matahari. Allah berfirman :

وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ ٱلشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا

Maksudnya: "Dan bertasbihlah kamu memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum tenggelamnya."

(Surah Taha, ayat 130)

Dan baca olehmu sebelum tenggelamnya matahari itu akan surah *Was syamsi wadhuhaha, wal laili iza yaghsya, surah Al Falaq, surah An Nas* dan biarlah matahari tenggelam sedangkan engkau sentiasa sibuk di dalam *zikir* dan *istighfar.*

Apabila engkau mendengar azan Maghrib maka jawablah (seperti jawapan yang telah disebutkan) dan selepas habis menjawab azan hendaklah engkau membaca doa :

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْأَلُكَ عِنْدَ اِقْبَالِ لَيْلِكَ، وَاِدْبَارِ نَهَارِكَ، وَحُضُوْرِ صَلَاتِكَ وَاَصْوَاتِ

Ertinya : Ya Allah! Aku memohon kepadaMu ketika datangnya malam dan hilangnya siang dan ketika hadirnya waktu sembahyang dan ketika kedengaran suara pemanggilMu, bahawa

Engkau berikan kepada penghulu kami Nabi Muhammad S.A.W. akan wasilah (jalan kebaikan), kelebihan, kemuliaan dan darjat yang tinggi, dan berikanlah kepada baginda tempat yang terpuji yang telah Engkau janjikan kepadanya, sesungguhnya engkau tidak akan menyalahi janji.

دُعَاتِكَ، اَنْ تُؤْتِيَ مُحَمَّدًا نِ الْوَسِيْلَةَ وَالْفَضِيْلَةَ وَالشَّرَفَ وَالدَّرَجَةَ الرَّفِيْعَةَ، وَابْعَثْهُ الْمَقَامَ الْمَحْمُوْدَ الَّذِيْ وَعَدْتَهُ، اِنَّكَ لاَ تُخْلِفُ الْمِيْعَادَ.

Setelah itu kerjakanlah sembahyang fardhu Maghrib dan selepas sembahyang Maghrib kerjakanlah dua rakaat ba'diyah Maghrib sebelum engkau bercakap-cakap, dan jikalau engkau tambahkan selepas dua rakaat itu empat rakaat yang lain maka itu satu perbuatan yang sunat (*sunat awwabin*) dan jikalau engkau kuasa beri'tikaf di dalam masjid antara Maghrib dan Isyak maka itu terlebih baik dan hendaklah engkau penuhkan masa itu dengan sembahyang dan doa, maka itu terlebih afdal dan sangat banyak kelebihannya. Dan masa antara Maghrib dan Isyak inilah yang dikatakan "*nasyiatul laili*" (permulaan malam) kerana pada masa itu permulaan kembangnya malam. Dan *nasyiatul laili* {yang disebutkan kelebihannya dalam Al Quran itu} ialah mengisi waktu permulaan malam dengan sembahyang.[1]

Dan telah ditanyai Rasulullah S.A.W. daripada maksud

(1) Laitu firman Allah Taala : إن ناشئة اليل هي اشدّ وَطْأً واقوَمُ قِيْلاً

(Surah Al Muzzammil, ayat 6) Maksudnya : "Sesungguhnya ibadah yang dikerjakan pada awal malam itu lebih kuat kesannya dan lebih mantap bacaannya." Dan mengikut pendapat sebahagian ulama *nasyiatallaili* itu bermaksud bangun beribadat di waktu keheningan malam (qiamullail).

firman Allah :

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya: "Jadi renggang lambung mereka daripada tempat tidur. Mereka bangkit berdoa akan Tuhan mereka kerana takut {akan seksa} dan tamak {akan pahala}."

(Surah As Sajdah, ayat 16)

Lalu Nabi S.A.W. menjawab : Itulah sembahyang di antara Maghrib dan Isyak kerana sembahyang pada ketika itu menghilangkan dosa pekerjaan yang sia-sia dipermulaan siang dan membersihkan {sebarang dosa} pada bahagian akhirnya.

Apabila masuk waktu Isyak{dan sudah selesai azan dan doanya} maka kerjakanlah sembahyang qabliyah Isyak empat rakaat untuk menghidupkan masa di antara azan dengan iqamat. Maka kelebihannya sangat banyak. Di antaranya disebutkan di dalam sebuah hadis:

اِنَّ الدُّعَاءَ بَيْنَ الاَذَانِ وَالإِقَامَةِ لاَ يُرَدُّ

Ertinya : "Bahawasanya doa di antara azan dan iqamat itu tidak akan ditolak."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Kemudian hendaklah engkau mengerjakan sembahyang fardhu Isyak dan sembahyang ba'diyah Isyak dua rakaat dan baca olehmu pada rakaat pertama akan surah *As Sajdah* atau surah *Yaasin.* Dan baca pada rakaat yang kedua akan surah *Al Mulk* atau surah *Ad Dukhan*. Maka membaca surah-surah ini telah *warid* (stabit) daripada Rasulullah S.A.W. dan selepas itu

hendaklah engkau tambahkan empat rakaat {dengan dua kali salam) maka telah diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W. akan kelebihannya yang sangat besar.[1]

Selepas itu hendaklah engkau kerjakan sembahyang sunat witir tiga rakaat dengan dua kali salam dan adalah Rasulullah S.A.W. membaca ;

{pada rakaat yang pertama}	akan surah *Sabbihis ma rabbikal a'la*
{dan pada rakaat yang kedua}	akan surah *Al Kafirun*
{dan pada rakaat yang ketiga}	bacalah surah *Al Ikhlas, Al Falaq* dan surah *An Nas.*

Dan jikalau engkau berazam untuk bangkit sembahyang malam (sembahyang tahajjud) maka akhirkan sembahyang witir ini kerana sembahyang witir itu lebih baik dibuat di akhir malam.

Kemudian selepas itu hendaklah engkau mengisi masa dengan banyak bermuzakarah ilmu atau muthalaah kitab dan janganlah engkau suka membuang masa dengan bermain-main bahkan berusahalah supaya engkau dapat menjadikan amalan kebaikan yang menyudahi segala pekerjaanmu pada hari itu kerana segala amalan itu dinilai mengikut yang akhir sekali.

(1) Sembahyang yang empat rakaat ini ialah sembahyang sunat Muthlaq ataupun Shalatul lail.

10- ADAB-ADAB TIDUR

Apabila engkau hendak tidur maka hamparlah hamparanmu dalam keadaan menghadap qiblat dan tidurlah dalam keadaan mengiringkan badan ke sebelah kanan seperti berbaring orang yang mati di liang lahat dan ketahuilah bahawasanya tidur itu seumpama mati dan bangkit daripada tidur itu seumpama bangkit daripada kubur pada hari kiamat nanti. Siapa tahu, barang kali rohmu dicabut oleh Allah S.W.T. ketika engkau tidur pada suatu malam. Oleh kerana itu bersedialah engkau untuk menemui Tuhanmu dengan engkau tidur dalam keadaan suci dan wasiatmu ada tersimpan di bawah bantalmu.

Hendaklah engkau tidur di dalam keadaan bertaubat kepada Allah daripada segala dosa dan meminta ampun daripada segala kesalahan dan dalam keadaan engkau berazam bahawa engkau tidak akan mengulangi lagi sebarang maksiat yang pernah engkau kerjakan dan berazamlah untuk membuat kebaikan kepada seluruh orang Islam jikalau Allah membangkitkan engkau pada pagi esok.

Hendaklah engkau ingat bahawasanya pada suatu masa nanti jasadmu akan terbujur sejuk di liang lahat. Engkau akan tinggal di sana bersendirian, tiada siapa yang mahu bersamamu kecuali hanya amalanmu dan tiada yang berfaedah di kala itu kecuali hanya usahamu. Dan janganlah engkau merangsang nafsumu untuk tidur lebih awal dengan mempersiapkan hamparan yang empuk-empuk kerana tidur adalah mengosongkan bagi makna kehidupanmu kecuali apabila engkau melihat bahawa jagamu itu merosak akan agamamu maka ketika itu tidurmu adalah lebih

selamat bagi agamamu dan ketahuilah bahawasanya siang dan malam itu hanya dua puluh empat jam sahaja maka janganlah engkau tidur pada waktu siang atau malam lebih daripada lapan jam kerana jikalau engkau berumur enam puluh tahun maka memadailah engkau telah mensia-siakan daripada umurmu itu sebanyak dua puluh tahun iaitu sepertiga daripada umurmu.

Sebelum engkau tidur hendaklah engkau persiapkan miswakmu (alat bersiwak seperti berus gigi dan seumpamanya) dan hendaklah engkau siapkan air untuk engkau bersuci dan berazamlah ketika hendak tidur itu untuk engkau bangkit di tengah malam atau sekurang-kurangnya di akhir malam sebelum waktu subuh kerana dua rakaat di tengah malam itu merupakan satu perbendaharaan daripada perbendaharaan kebaikan, maka hendaklah engkau membanyakkan perbendaharaanmu untuk menghadapi hari kefaqiranmu dan harta benda dunia ini sedikit pun tidak akan berguna bagimu apabila engkau telah mati. Dan baca olehmu ketika hendak tidur akan doa :

بِاسْمِكَ رَبِّىْ وَضَعْتُ جَنْبِىْ، وَبِاسْمِكَ اَرْفَعُهُ، فَاغْفِرْلِى ذَنْبِىْ. اَللّٰهُمَّ قِنِى عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ، اَللّٰهُمَّ بِاسْمِكَ اَحْيَا وَاَمُوْتُ، وَاَعُوْذُبِكَ اَللّٰهُمَّ مِنْ شَرِّ كُلِّ ذِي

Ertinya : Ya Allah! Dengan namaMu aku letakkan lambungku ini dan dengan namaMu pula aku akan mengangkatnya maka ampunilah dosa-dosaku. Ya Allah! Jauhkanlah aku daripada seksaanMu di hari Engkau membangkitkan hamba-hambamMu, Ya Allah! Dengan namaMu aku hidup dan dengan namaMu aku mati. Aku berlindung denganMu daripada kejahatan segala yang mempunyai kejahatan dan dari-

شَرٍّ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ اَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا، اِنَّ رَبِّىْ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيْمٍ.

pada kejahatan segala makhluk yang melata di atas muka bumi ini yang Engkau menguasai ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku adalah di atas jalan yang lurus.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ الاَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَىْءٌ، وَاَنْتَ الآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَىْءٌ، وَاَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَىْءٌ، وَاَنْتَ البَاطِنُ فَلَيْسَ دُوْنَكَ شَىْءٌ.

Ya Allah! Engkaulah yang permulaan maka tidak ada sesuatu sebelumMu. Dan Engkaulah yang akhir maka tidak sesuatu selepasMu dan Engkaulah yang zahir maka tidak ada sesuatu di atasmu dan Engkaulah yang batin maka tidak ada sesuatu di bawahMu

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ خَلَقْتَ نَفْسِي وَاَنْتَ تَتَوَفَّاهَا، لَكَ مَمَاتُهَا وَمَحْيَاهَا، اِنْ اَمَتَّهَا فَاغْفِرْلَهَا، وَاِنْ اَحْيَيْتَهَا فَاحْفَظْهَا بِمَا تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اِنِّى اَسْاَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ.

Ya Allah! Engkaulah yang menciptakan diriku dan Engkau pula yang berkuasa mematikannya maka terserahlah kepadaMu untuk mematikannya atau menghidupkannya. Jikalau Engkau mahu mematikannya maka ampunkanlah baginya, dan jika Engkau mahu menghidupkanya maka peliharalah akan dia seperti engkau memelihara hamba-hambaMu yang soleh. Ya Allah! Aku memohon akan Engkau akan kemaafan dan keafiatan.

اَللّٰهُمَّ اَيْقِظْنِي فِيْ اَحَبِّ السَّاعَاتِ اِلَيْكَ، وَاسْتَعْمِلْنِي بِأَحَبِّ الاَعْمَالِ اِلَيْكَ، حَتَّى تُقَرِّبَنِيْ اِلَيْكَ زُلْفَى، وَتُبَعِّدَنِيْ عَنْ سَخَطِكَ بُعْدًا، اَسَالُكَ فَتُعْطِيَنِيْ، وَاَسْتَغْفِرُكَ فَتَغْفِرَلِيْ، وَأَدْعُوكَ فَتَسْتَجِيْبَ لِيْ.

Ya Allah! Kejutkanlah aku pada sebaik-baik masa kepadamu dan pergunakanlah diriku pada sebaik-baik amalan di sisiMu sehingga Engkau hampirkan kepada aku kepadaMu dan engkau jauhkan aku daripada kemarahanMu. Ya Allah! Aku meminta akan Dikau maka Engkau memberi akan daku dan aku meminta ampun akan Dikau maka Engkau pun mengampuni akan dosa-dosaku dan aku berdoa akan Dikau maka Engkau perkenankan segala doaku.

Setelah itu hendaklah engkau membaca *Ayatul Kursi* dan *Amanar Rasul* sampai ke akhir dan surah *al Baqarah* dan surah *al Ikhlas* dan surah *al Falaq* dan surah *an Nas* dan surah *al Mulk* dan berusahalah supaya engkau tidur di dalam keadaan berzikir dan dalam keadaan suci maka siapa yang mengerjakan yang demikian itu nescaya naik rohnya ke atas arasy dan akan ditulis seperti orang yang bersembahyang sampai masa ia bangun dari tidurnya itu.

Apabila engkau bangun dari tidur maka kerjakanlah seperti apa yang telah disebutkan sebelum ini dan kekali olehmu mengikut tertib amalan yang telah disebutkan ini sehingga sampai ke akhir hayatmu dan apabila engkau merasa payah untuk mengekali tertib amalan-amalan ini maka bersabarlah

engkau seperti sabarnya orang yang sakit menelan ubat yang pahit kerana mengharapkan sembuh dan renungkanlah betapa pendeknya umurmu walaupun engkau terpaksa hidup di dalam keadaan susah selama seratus tahun maka itu adalah masa yang singkat bila dibanding dengan kehidupanmu yang kekal abadi di negeri akhirat kelak dan engkau fikirkan betapa engkau boleh bersabar di dunia ini menahan derita dan kesusahan serta kehinaan berbulan-bulan bahkan bertahun-tahun kerana hanya menghendaki kerehatan dua puluh tahun misalnya maka betapa engkau tidak sabar menahan sedikit kesusahan yang akan menghasilkan kebahagiaan yang abadi yang tiada ada kesudahannya itu.

Dan janganlah engkau panjangkan angan-anganmu nanti engkau akan merasa malas daripada berbuat ibadat, bahkan hendaklah engkau fikirkan bahawa kematianmu itu sangat dekat sekali kepadamu dan katakan di dalam hatimu :

"Bersabarlah engkau hari ini mungkin engkau akan mati pada malam nanti dan bersabarlah malam ini, mungkin engkau akan mati pada besok pagi kerana mati tidak datang pada masa yang tertentu dan dalam keadaan yang tertentu dan atau pun pada umurmu yang tertentu. Kematian pasti akan datang. Oleh itu, bersiap-siap untuk menghadapinya adalah satu kepastian pula dan bersiap-siap untuk menghadapinya adalah lebih utama daripada bersiap-siap untuk mendapatkan kebahagiaan dunia. Bukankah engkau memang sudah mengetahui bahawa engkau tidak akan lama hidup di dunia ini. Barangkali umurmu hanya tinggal satu hari atau hanya sekali bernafas sahaja lagi."

Begitulah hendaknya engkau menasihati dirimu setiap hari kerana jikalau engkau tidak mengandaikan mati itu dekat

kepadamu bahkan engkau mentakdirkan bahawa mungkin engkau akan hidup lima puluh tahun lagi, lalu engkau mahu menyuruh dirimu berbuat taat, sudah pasti dirimu tidak akan patuh kepadamu dan pasti ia akan menolak nasihatmu dan merasa berat untuk mengerjakan ketaatan. Maka paksakanlah dirimu untuk mengerjakan ketaatan nescaya engkau akan bergembira ketika engkau mati nanti dengan kegembiraan yang tidak ada kesudahannya tetapi jika engkau suka menangguhkannya ketaatan dan tidak mengambil berat dalam masalah ini pasti engkau akan menyesal kerana kematian akan datang menemuimu pada masa yang tidak disangka-sangka. Ketika itu, engkau pasti akan menyesal dengan penyesalan yang tiada ada kesudahannya dan hendaklah engkau selalu mengingati satu pepatah Arab :

وَعِنْدَ الصَّبَاحِ يُحْمَدُ الْقَوْمُ السُّرَى

Ertinya : "Dan di waktu pagi akan dipuji kumpulan yang telah berjaya berjalan pada malamnya."[1]

Dan apabila engkau sudah mati barulah segala apa yang aku sebutkan ini menjadi suatu kenyataan seperti firman Allah Taala:

وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأَهُۥ بَعْدَ حِينٍۭ

(1) Maksud pepatah ini ialah : Kumpulan yang berjaya berjalan di waktu malam, mereka akan sampai ke tujuan di awal pagi, lain halnya dengan kumpulan yang tidur sahaja pada waktu malam. Mereka masih jauh ketinggalan di belakang. Kumpulan yang pertama ialah kumpulan yang berjaya, yang menggunakan masa mereka dengan bijak. Manakala kumpulan yang kedua adalah kumpulan yang akan mengalami kerugian dan penyesalan.

Maksudnya: "Dan selagi akan kamu ketahui kebenaran apa yang dikhabarkan kepadamu pada suatu masa kelak."

(Surah Shaad, ayat 88)

Setelah kami selesai menyebutkan susunan wiridmu ini maka akan kami sebutkan pula kaifiat untuk engkau sembahyang, puasa dan adab-adabnya dan sembahyang berjamaah serta adab-adab sembahyang berjamaah.

11-ADAB-ADAB MENGERJAKAN SEMBAHYANG

Apabila engkau telah selesai bersuci daripada najis pada badan, pakaian dan tempatmu dan engkau telah suci daripada hadas dan setelah engkau menutup aurat daripada lutut sampai ke pusat {bagi lelaki dan seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan bagi perempuan} maka hendaklah engkau menghadap qiblat dalam keadaan berdiri dan merenggangkan sedikit di antara dua kaki dan berdirilah dengan tegak kemudian baca olehmu surah *an Nas* sampai akhirnya. Engkau baca surah tersebut dengan niat untuk membentengi dirimu daripada godaan syaitan yang terkutuk kemudian hadirkan hatimu dan kosongkan jiwamu daripada sebarang was-was dan hendaklah engkau fikirkan bahawa engkau sedang berdiri di hadapan Tuhanmu dan engkau bermunajat dengaNnya maka hendaklah engkau malu sekiranya engkau bermunajat kepadaNya dengan hati yang lalai dan dada yang penuh berserabut dengan was-was dunia, bisikan syahwat dan hawa nafsu. Dan ketahuilah bahawa Allah Taala mengetahui segala rahsiamu dan melihat ke dalam hatimu dan Ia hanya menerima sembahyangmu yang khusyu' dan penuh rendah diri. Maka sembahlah Tuhanmu seakan-akan engkau melihatNya dan jikalau engkau belum mampu berbuat demikian maka tanamkanlah di dalam hatimu bahawa sebenarnya Tuhanmu melihat segala perbuatanmu.

Apabila hatimu masih tidak mahu hadir dan anggotamu tidak tenang maka ini adalah berpunca daripada kurangnya makrifatmu terhadap kebesaran dan keagungan Tuhanmu. Cuba engkau bayangkan jika ada orang yang soleh daripada kelu-

argamu yang sedang memperhatikan dan meneliti sembahyangmu pasti ketika itu engkau akan mendapati hatimu menjadi khusyu' kepadanya dan segala anggotamu menjadi tenang di hadapannya. Oleh itu, kembalilah engkau menasihati dirimu dan katakan padanya :

"Wahai nafsuku tidakkah engkau merasa malu kepada Allah Tuhanmu yang menciptakanmu. Betapa engkau boleh malu di hadapan manusia yang lemah ini dan dia hanyalah salah satu daripada hamba Tuhanmu. Apabila manusia ini meneliti sembahyangmu, engkau boleh khusyu' dan anggotamu menjadi tenang dan sembahyangmu menjadi elok di hadapannya, sedangkan ia tidak memiliki apa-apa dan tidak dapat memberi sebarang kemudaratan atau kemanfaatan kepadamu. Kemudian betapa engkau tidak malu kepada Allah Tuhanmu yang mengetahui segala rahsiamu dan betapa engkau tidak merasa takut kepada kebesaranNya. Apakah Allah Taala itu lebih hina pada pandanganmu daripada salah seorang hambaNya? Maka alangkah besarnya kezalimanmu dan alangkah bersangatannya jahilmu dan alangkah besarnya permusuhanmu terhadap dirimu sendiri ".

Maka rawatlah hatimu dengan cara-cara yang seperti ini, barangkali pada suatu masa nanti ia akan khusyu' juga. Dan sebenarnya engkau tidak akan memperolehi apa-apa yang di dalam sembahyangmu kecuali sekadar mana yang engkau khusyu' padanya. Adapun sembahyang yang dikerjakan dalam keadaan lalai dan lupa maka sebenarnya sembahyang itu sendiri masih perlu kepada istighfar dan kifarah bagi menyempurnakannya.

Apabila hatimu telah hadir maka jangan lupa engkau mem-

baca iqamat walaupun jikalau engkau hanya sembahyang sendirian. Dan apabila engkau sembahyang berjamaah maka hendaklah engkau azankan kemudian diikuti dengan iqamat lalu engkau berniat maka kata olehmu di dalam hatimu :

اُؤَدِّى {اُصَلِّى} فَرْضَ الظُّهْرِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Ertinya : "Sahaja aku menunaikan fardhu Zuhur kerana Allah Taala."

Dan hendaklah niat ini hadir di hatimu ketika engkau takbir dan jangan sampai niat itu hilang sebelum engkau selesai daripada lafaz takbir. Dan angkatlah kedua tanganmu ketika takbir itu sehingga sampai membetuli kedua bahumu sedangkan tanganmu itu terbuka dan jari-jarinya terhurai. Dan janganlah engkau memberatkan dirimu untuk menghimpunkan jari-jarimu atau memisahkannya. Dan angkatlah kedua tanganmu sehingga kedua ibu jarimu membetuli bahagian bawah daripada kedua telingamu dan hujung-hujung jarimu membetuli bahagian atas daripada kedua telingamu dan engkau betulkan kedua tanganmu dengan kedua bahumu. Apabila tanganmu telah diletakkan di tempat yang telah disebutkan tadi maka baru engkau bertakbir kemudian lalu engkau turunkan kedua tanganmu dengan perlahan-lahan dan jangan engkau tekan kedua tanganmu ketika engkau menggangkat dan menurunkannya dan jangan pula engkau tekan kedua tanganmu ke belakang dan jangan pula engkau tolakkan dia kesebelah kanan atau kiri. Dan apabila engkau telah turunkan kedua tanganmu ke bawah maka hendaklah engkau menggangkatnya semula untuk meletakkannya di bawah dadamu dan hormatilah tanganmu yang kanan dengan

meletakkannya di atas tangan kiri dan buka jari-jarimu yang kanan, dengan engkau meletakkannya membujuri hasta tanganmu yang kiri dan pegangkan tanganmu yang kanan itu ke pergelangan tangan kiri dan baca olehmu selepas takbir itu akan *doa iftitah* :

اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا، وَسُبْحَانَ اللّٰهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلاً. وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِىْ فَطَرَ السَّمٰوَاتِ وَالاَرْضَ، حَنِيْفًا وَمَا اَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ، اِنَّ صَلاَتِىْ وَنُسُكِىْ وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِيْ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ اُمِرْتُ وَاَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ.

Ertinya : Allah Maha besar. Segala pujian yang banyak bagi Allah, Maha suci Allah di waktu pagi dan petang. Aku hadapkan diriku kepada Tuhan yang menciptakan segala langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar dan bukanlah aku termasuk dalam golongan orang yang mempersekutukan Tuhan. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan semesta alam. Tiada sekutu baginya dan demikianlah aku diperintahkan dan aku adalah termasuk di dalam golongan orang-orang Islam.

Kemudian baca olehmu أعوذ بالله من الشيطان الرجيم dan seterusnya bacalah surah *al-Fatihah* dengan memperhatikan tempat-tempat tasydidnya dan berhati-hatilah membezakan antara huruf ***dhad*** dengan huruf ***zha'*** dalam bacaanmu dan katakanlah *"Amin"* selepas membaca surah *al-Fatihah* itu dan janganlah engkau sambungkan kalimat Amin dengan kalimat " ولاالضالين " dan nyaringkanlah bacaanmu {pada surah

al Fatihah dan surah yang mengikutinya} pada sembahyang Subuh, Maghrib dan Isyak iaitu pada dua rakaat yang permulaan kecuali bila engkau seorang makmum. Dan nyaringkan dengan kalimat *"Amin"*

Dan hendaklah engkau baca selepas surah *al Fatihah* pada sembahyang Subuh akan surah-surah yang dinamakan "***thiwalul mufasshal***" dan pada sembahyang Maghrib akan surah-surah yang dinamakan "***qisharul mufasshal***" dan pada sembahyang Zuhur, Asar dan Isyak akan surah-surah yang dinamakan "***Ausatul mufasshal***"[(1)] dan engkau baca pada sembahyang Subuh dalam pelayaran akan surah *al Kafirun*{pada rakaat yang pertama} dan surah *al Ikhlas*{pada rakaat yang kedua} dan janganlah engkau sambungkan bacaan akhir surah dengan takbir ruku' tetapi hendaklah engkau pisahkan antara keduanya dengan sekadar membaca *Subhanallah.*

Dan ketika engkau berdiri hendaklah engkau menundukkan pandanganmu ke tempat sujudmu kerana yang demikian itu lebih menumpukan perhatianmu dan lebih hampir kepada khusyu' hatimu. Dan jangan sekali-kali engkau menoleh ke kiri atau ke kanan di dalam sembahyangmu.

Setelah itu hendaklah engkau mengucapkan takbir ruku' dan angkatkan tanganmu seperti cara yang telah disebutkan {dalam

(1) * Thiwalul mufasshal ialah surah-surah yang ada di antara surat Al Hujurat sampai ke surah Al Mursalat.

* Ausatul mufasshal ialah surah yang ada di antara surah Amma ya tasa alun sampai ke surah Al Laili,

* Qisharul mufasshal ialah surah-surah yang ada di antara surah Ad Dhuha hingga sampai ke surah Qul A'uzu birab bin Nas (akhir Quran).

kaifiat mengangkat kedua tangan pada takbiratul ihram} dan panjangkanlah bacaan takbir itu sehingga engkau sampai berada dalam keadaan ruku' yang sempurna, maka letaklah kedua telapak tanganmu di atas kedua lututmu sedangkan jari-jarimu terhurai dan tegakkan lututmu baik-baik. Dan ratakan belakang lehermu dan kepala sehingga semuanya kelihatan seperti sekeping papan. Dan renggangkan kedua sikumu daripada lambungmu sedangkan perempuan tidak berbuat demikian bahkan ia merapatkan sebahagian anggota kepada bahagian yang lain dan baca olehmu ketika ruku' itu tiga kali:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ

Ertinya : Maha suci Tuhanku Yang Maha Agung dengan segala pujiannya.

Dan jikalau engkau sembahyang sendirian maka lebih baik engkau tambahkan bacaan tasbih itu sampai tujuh kali atau sepuluh kali.

Kemudian engkau angkat kepala sampai engkau kembali tegak seperti sebelum ruku' dan angkatlah kedua tanganmu sambil engkau membaca :

سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Ertinya : Allah mendengar sesiapa yang memujinya.

Apabila engkau berdiri tegak maka baca olehmu :

رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءُ السَّمٰوَاتِ وَمِلْءُ الْاَرْضِ وَمِلْءُ مَاشِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ (١)

Ertinya : "Wahai Tuhan kami! Bagimu segala pujian sepenuh segala langit dan bumi dan sepenuh apa jua suatu yang Engkau kehendaki selepas itu."

Dan jikalau engkau sembahyang Subuh maka bacalah qunut ketika engkau i'tidal pada rakaat yang kedua. Kemudian hendaklah engkau turun untuk sujud sambil mengucap *Allahu akbar* tanpa menggangkat kedua tangan. Dan pertama kali letakkan dahulu lututmu, setelah itu baru letakkan kedua tanganmu dan diiringi dengan dahimu pada hal dahi itu terbuka dan letakkan hidungmu bersama dengan dahimu dan renggangkan kedua sikumu daripada lambungmu dan renggangkan pula perutmu daripada kedua-dua pahamu. Dan perempuan tidak berbuat demikian. {Ia hendaklah merapatkan sebahagian anggota kepada sebahagian yang lain} dan letakkan kedua tanganmu di atas lantai berbetulan dengan kedua bahumu dan janganlah engkau hamparkan kedua hastamu di atas lantai {seperti perbuatan anjing} dan baca olehmu ketika sujud itu akan tasbih ini :

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْاَعْلٰى

Ertinya : Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi.

---

(1) Ketiga-tiga lafaz مِلْءُ boleh dibaca مِلْءُ (rafa' kerana sifat) atau dibaca مِلْءَ (nasab kerana hal), lihat I'anatut Thalibin, juzuk 1/157

Engkau baca tasbih ini tiga kali {apabila engkau sembahyang berjamaah} dan tujuh atau sepuluh kali apabila engkau sembahyang sendirian. Kemudian engkau bangkit dari sujudmu sambil mengucapkan *"Allahu akbar"* sehingga engkau duduk dengan sempurna dan duduklah di atas telapak kakimu yang kiri dan tegakkan telapak kakimu yang kanan dan letakkan kedua tanganmu di atas kedua pahamu sedangkan jari-jarimu dalam keadaan terhurai {tidak digenggam} dan baca olehmu :

رَبِّ اغْفِرْلِيْ وَارْحَمْنِيْ وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَعَافِنِيْ وَاعْفُ عَنِّيْ.

Ertinya : Wahai Tuhanku! Ampunilah aku, kasihanilah aku, berikanlah rezeki kepadaku, berikanlah hidayah kepadaku dan tampunglah (kekurangan) ku, dan a'fiatkanku (badanku) dan maafkan dosaku.

Kemudian lalu engkau sujud kali yang kedua seperti kaifiat sujud yang pertama kemudian engkau bangkit pula untuk *"duduk istirahat"* pada setiap rakaat yang tidak diiringi dengan tasyahhud. Dan hendaklah engkau duduk istirahat ini sekejap sahaja kemudian engkau berdiri dan engkau letakkan kedua tanganmu di atas lantai dan jangan engkau mendahulukan sebelah kaki ketika berdiri dan hendaklah engkau mengucapkan *Allahu akbar* ketika engkau hampir ke tempat duduk istirahah maka terus takbir itu engkau panjangkan sehingga sampai lebih kurang separuh berdirimu.

Dalam rakaat kedua hendaklah engkau ulangi seperti kaifiat rakaat yang pertama bermula daripada perkataan "A'u zu billahi minas syaithonir rajim" {sampai kepada sujud yang kedua} kemudian hendaklah engkau duduk untuk tasyahhud pertama dan hendaklah engkau letakkan tangan kanan di atas paha kanan

dengan menggenggamkan jari-jarimu kecuali jari telunjuk dan ibu jari maka engkau biarkan keduanya {tanpa digenggam} dan hendaklah engkau mengisyaratkan dengan telunjuk yang kanan ketika engkau mengatakan ***illallah*** bukan ketika mengatakan ***la illaha*** dan letakkan tangan kirimu dalam keadaan terhurai (tidak digenggam) di atas paha kiri dan hendaklah engkau duduk di atas kakimu yang kiri pada tasyahhud ini (tasyahhud awal) seperti engkau duduk antara dua sujud dahulu.

Dan hendaklah engkau duduk "*tawarruk*" pada tasyahhud akhir, iaitu dengan mendudukkan punggungmu yang kiri dan mendirikan telapak kaki kanan dan meletakkan kaki kiri di bawah kaki kanan dengan dikeluarkan sedikit hujung kaki kiri itu di bawah kaki kanan. Dan hendaklah engkau sempurnakan membaca doa yang makstur daripada Rasulullah S.A.W. pada tasyahhud akhir ini kemudian kata olehmu selepas selesai daripada segala doa itu akan "*Assalamu 'alaikum warahmatullah*" dua kali, sekali ke kanan dan sekali ke kiri dan hendaklah engkau menoleh {ketika memberi salam itu} sekira-kira dapat dilihat putihnya pipimu dari sebelah tepimu dan niatkan olehmu akan keluar daripada sembahyang dan hendaklah engkau niatkan memberi salam kepada orang-orang yang ada di kanan dan kiri daripada segala malaikat dan manusia.

Dan apa yang telah disebutkan ini ialah cara sembahyang dengan sendirian {dan akan disebutkan cara sembahyang berjamaah pada fasal akan datang} dan yang paling penting diberi perhatian di dalam sembahyang ini ialah khusyu' atau hadir hati bersama dengan bacaan dan zikir. Di dalam hal ini Imam Hassan Basri R.A. pernah berkata :

كُلُّ صَلاَةٍ لاَ يَحْضُرُ فِيْهَا الْقَلْبُ فَهِيَ اِلَى الْعُقُوبَةِ اَسْرَعُ.

Ertinya : "Setiap sembahyang yang tidak hadir hati padanya maka sembahyang itu lebih dekat kepada seksaan {daripada rahmat}."

Dan Rasulullah S.A.W. bersabda:

اِنَّ الْعَبْدَ لَيُصَلِّى الصَّلاَةَ، فَلاَ يُكْتَبُ لَهُ مِنْهَا سُدُسُهَا
وَلاَ عُشْرُهَا، وَاِنَّمَا يُكْتَبُ لِلْعَبْدَ مِنْ صَلاَتِهِ بِقَدْرِ مَا عَقَلَ مِنْهَا.

Ertinya : "Sesungguhnya seorang hamba itu mengerjakan sembahyang pada hal tidak dituliskan ganjaran sembahyangnya itu melainkan hanya seper-enamnya, atau seper-sepuluhnya sahaja. Dan hanya sanya ditulis ganjaran sembahyang seorang itu mengikut banyak mana yang dia khusyu' di dalamnya."

12- ADAB-ADAB MENJADI IMAM DAN ADAB-ADAB MENJADI MAKMUM (ADAB-ADAB SEMBAHYANG BERJAMAAH)

Pertama : Sebaik-baiknya bagi seseorang Imam itu bahawa ia meringkaskan sembahyangnya. Dalam hal ini Anas bin Malik R.A. berkata : *"Aku tidak pernah bersembahyang di belakang seseorang yang lebih ringkas sembahyangnya tetapi lebih sempurna selain dari Rasulullah S.A.W."*

Kedua : Janganlah Imam memulakan dengan *takbiratul Ihram* sebelum muazzin selesai daripada iqamatnya dan sebelum saf dibetulkan.

Ketiga : Imam hendaklah mengangkat suaranya dengan takbir dan makmum pula jangan mengangkat suaranya kecuali sekadar untuk mendengarkannya kepada dirinya sendiri.

Keempat : Imam hendaklah berniat menjadi Imam supaya ia mendapat pahala berjamaah. Jikalau Imam tidak berniat menjadi Imam dan makmum di belakang berniat mengikut Imam maka sah sembahyang sekalian makmum dan mereka mendapat pahala berjamaah {dan sah juga sembahyang Imam tetapi ia tidak mendapat pahala berjamaah}

Kelima : Imam hendaklah merendahkan suaranya ketika membaca doa iftitah dan
seperti halnya orang yang sembahyang sendirian dan hendaklah Imam meninggikan suaranya ketika membaca surah *al Fatihah* dan surah yang selepasnya pada sembahyang Subuh dan dua

rakaat yang permulaan daripada sembahyang Maghrib dan Isyak. Dan begitulah pula orang yang sembahyang sendirian. Dan hendaklah Imam meninggikan suaranya dengan perkataan "*Amin*" pada mana-mana rakaat yang dituntutkan meninggikan suaranya dalam bacaan dan hendaklah makmum menyertai Imamnya meninggikan suara dalam bacaan "*Amin*" dengan tidak terkemudian daripadanya.

Keenam : Hendaklah Imam berdiam sekejap selepas membaca surah Al Fatihah untuk dapat mengambil nafasnya dengan sempurna dan hendaklah makmun mengambil peluang masa berdiam Imam ini untuk membaca surah *al Fatihah*, maka dengan demikian makmum akan dapat sepenuhnya mendengarkan bacaan Imam, dan makmum jangan membaca surah kecuali bila ia tidak mendengar bacaan Imamnya.

Ketujuh : Hendaklah Imam jangan membaca tasbih ruku' dan tasbih sujud lebih dari tiga kali dan jangan lebih ketika membaca tasyahhud awal daripada perkataan :

اللهم صل على محمد

Kelapan : Hendaklah Imam jangan membaca selain daripada surah *al Fatihah* pada dua rakaat yang terakhir pada sembahyang yang tiga rakaat atau empat rakaat dan janganlah ia suka memanjangkan bacaan seperti memanjangkan doa di dalam tasyahhud akhir selepas ia membaca tasyahhud yang wajib dan selawat ke atas Rasulullah S.A.W.

Kesembilan : Hendaklah Imam berniat ketika memberi salam itu akan mengucapkan salam kepada ahli jamaah dan ahli

jamaah pula berniat dengan salam mereka itu menjawab akan salam Imam.

Kesepuluh : Hendaklah Imam duduk sekejap selepas selesai daripada salamnya dan hendaklah dia menghadap kepada para makmum dengan mukanya dan jangan ia menoleh {ke kiri atau ke kanan}. Dan jika ada jemaah perempuan di kalangan makmum itu maka hendaklah mereka bangkit lebih awal. Dan janganlah ada di kalangan para makmum (laki-laki) itu orang yang bangkit meninggalkan tempat duduknya, sebelum Imam bangkit daripada tempat duduknya. Dan hendaklah Imam bangkit daripada tempat duduknya menuju ke sebelah kanan atau kiri tetapi menuju kesebelah kanan itu adalah yang terlebih afdal.

Kesebelas : Janganlah Imam mengkhususkan dirinya ketika membaca qunut dalam sembahyang Subuh maka hendaklah dia berdoa dengan lafaz :

اَللّٰهُمَّ اهْدِنَا فِيْمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيْمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيْمَا اَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرَّمَا قَضَيْتَ.

Ertinya : Ya Allah! Tunjukilah akan kami bersama orang yang telah Engkau tunjuki dan afiatkanlah kami bersama orang yang telah Engkau afiatkan dan pimpinlah kami bersama orang yang telah Engkau pimpin dan berkatilah bagi kami pada segala sesuatu yang telah Engkau berikan. Dan peliharalah kami daripada kejahatan apa-apa yang telah Engkau putuskan.

Dan hendaklah Imam meninggikan suaranya dengan qunut dan para makmum hendaklah mengaminkannya di belakang dan janganlah mereka mengangkat tangan ketika berqunut kerana perkara itu tidak stabit daripada perbuatan Rasulullah S.A.W. (1) Kemudian para makmum hendaklah meneruskan bacaan sendiri-sendiri lafaz qunut hingga ke akhirnya. (2) Iaitu;

فَإِنَّكَ تَقْضِى وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لاَ يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، نَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوْبُ اِلَيْكَ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Kedua belas : Janganlah makmum berdiri sendirian {dibelakang saf} tetapi hendaklah ia masuk kedalam saf atau ia menarik seorang makmum yang ada di hadapan {untuk bersama dengannya di saf yang baru}

Ketiga belas : Janganlah makmum itu mendahului Imamnya pada perbuatan atau menyamainya, bahkan hendaklah ia terkemudian daripada Imamnya maka janganlah makmum ruku' sebelum Imam sampai kepada had ruku' dan jangan makmum turun sujud sebelum dahi Imam tercacak di atas lantai.

---

(1) Pendapat Imam Ghazali dalam masalah ini adalah Dhaif. Pendapat yang kuat ialah sunat mengangkat kedua tangan ketika membaca qunut (lihat Maraqi Al Ubudiah mukasurat 25)

(2) Dan pendapat yang lebih kuat mengatakan bahawa Imam kembali meninggikan suaranya ketika mengucapkan selawat di akhir qunut dan makmum meng'*amin*'kannya (lihat I'anatut Thalibin, Juzuk 1, mukasurat 161)

13- ADAB- ADAB HARI JUMAAT

Ketahuilah olehmu bahawa hari *Jumaat* itu adalah *Hari Raya* bagi orang Islam. Iaitu hari yang mulia yang telah dikhususkan oleh Allah S.W.T. kepada umat Muhammad S.A.W.. Dan pada hari itu ada satu saat yang mustajab doa. Tiada membetuli akan saat itu oleh seseorang yang mukmin dengan doanya kecuali Allah akan memberi apa sahaja yang ia minta. Maka bersiaplah engkau menghadapi hari Jumaat itu mulai dari petang hari Khamis lagi. Maka hendaklah engkau membersihkan pakaianmu dan memperbanyak mengucap tasbih dan istighfar mulai daripada petang hari khamis kerana masa itu sudah menyamai kelebihan hari Jumaat. Dan berniatlah engkau untuk berpuasa pada hari Jumaat tetapi hendaklah puasa itu engkau sertakan dengan puasa hari Khamis atau puasa hari Sabtu kerana ada larangan bagi mengkhususkan berpuasa pada hari Jumaat sahaja.

Apabila engkau berada di pagi hari Jumaat maka hendaklah engkau mandi kerana mandi Jumaat itu adalah satu kepastian (hukumnya sunat muakkad) atas setiap orang yang baligh {orang yang diwajibkan sembahyang Jumaat} dan bersungguh-sungguhlah engkau di dalam menyucikan badanmu dengan mencukur {bulu ari-ari misalnya} dan mengandam {misai misalnya} dan memotong kuku dan menggunakan sugi (kayu miswak) dan segala cara-cara bersuci. Kemudian ambillah perhiasanmu dengan pakaian yang putih, kerana itu lebih disukai di sisi Allah dan pakailah minyak wangi sebaik-baik minyak wangi yang engkau miliki. Setelah itu bersegeralah engkau pergi ke masjid dan berjalanlah dengan perlahan-lahan dan dengan penuh kete-

nangan. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. bersabda :

مَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الأُولَى فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَةً، وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقَرَةً، وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا، وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً، وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً. قَالَ فَإِذَا خَرَجَ الاِمَامُ طُوِيَتِ الصُّحُفُ وَرُفِعَتِ الاَقْلاَمُ وَاجْتَمَعَتْ الْمَلاَئِكَةُ عِنْدَ الْمِنْبَرِ يَسْتَمِعُونَ الذِكْرَ.

Ertinya : Siapa yang pergi (ke masjid pada hari Jumaat) pada jam yang pertama maka seakan-akan ia berkorban seekor unta. Dan siapa yang pergi pada jam yang kedua maka seakan-akan ia berkorban seekor lembu. Dan siapa yang pergi pada jam yang ketiga maka seakan-akan ia berkorban seekor kibasy. Dan siapa yang pergi pada jam yang keempat maka seakan-akan ia berkorban seekor ayam. Dan siapa yang pergi pada jam yang kelima maka seakan-akan ia berkorban sebiji telur dan apabila Imam sudah keluar {naik ke atas mimbar} maka dilipatlah buku catitan dan diangkat segala qalam dan para malaikat {yang bertugas sebagai pencatit} pergi duduk di tepi mimbar untuk mendengar khutbah. (1)

---

(1) Dalam riwayat lain disebutkan enam jam, iaitu siapa yang pergi pada masa yang kelima seakan-akan ia berkorban seekor burung dan siapa yang yang pergi pada masa yang keenam seakan-akan ia berkorban sebiji telor.

Berkata Imam Ibnu Hajar r.a. : "Semua masa di antara terbit fajar sampai keluarnya khatib (iaitu naik ke atas mimbar) iaitu ketika gelincir matahari hendaklah dibahagikan kepada enam bahagian, sama ada hari itu pendek atau panjang." (lihat Muraqi al Ubudiah, muka surat 55)

Dan ada diriwayatkan bahawasanya qadar hampir seorang hamba ketika melihat Allah (pada hari kiamat nanti) adalah berdasarkan kepada qadar segeranya orang itu pergi ke masjid.

Apabila engkau masuk ke dalam masjid maka tuntutlah saf yang pertama tetapi jikalau orang sudah ramai jangan engkau melangkahi bahu-bahu mereka dan jangan engkau lalu dihadapan orang yang sedang sembahyang dan pilihlah tempat duduk yang berdekatan dengan dinding atau tiang sehingga orang tidak melintasi dihadapanmu dan jangan engkau duduk (dalam masjid) kecuali setelah engkau kerjakan sembahyang sunat *tahiyyatul masjid* dan yang lebih baik hendaklah engkau kerjakan sembahyang tahiyyatul masjid itu empat rakaat dan engkau baca pada setiap rakaat (selepas surah *al Fatihah*) akan surah *al Ikhlas* lima puluh kali kerana disebutkan di dalam sebuah hadis [1] bahawa siapa yang mengerjakan yang demikian itu maka ia tidak mati kecuali setelah ia melihat akan tempat yang disediakan baginya di dalam syurga atau orang lain akan melihat tempat yang telah disediakan baginya. Dan jangan engkau tinggalkan sembahyang sunat tahiyyatul masjid ini walaupun imam sedang membaca khutbah.[2]

Dan disunatkan pula engkau sembahyang empat rakaat {sembahyang sunat mutlak} dan engkau baca pada rakaat yang pertama akan surah *al An'am* dan pada rakaat yang kedua surah *al Kahfi* dan pada rakaat yang ketiga surah *Thaha* dan pada

---

(1) Hadis riwayat Ad Daraquthni dalam Gharaib Malik dan beliau berkata bahawa hadis ini tidak shahih.

(2) Dan yang sebaiknya hendaklah sembahyang ketika itu diringkaskan untuk membuat yang wajib-wajib sahaja.

rakaat yang keempat surah *Yaasin*. Dan jikalau engkau tidak mampu membaca surah-surah ini maka hendaklah engkau gantikan dengan surah *Yassin*, surah *ad Dukhan*, surah *as Sajdah*, surah *al Mulk* . Dan jangan engkau tinggalkan membaca surah-surah ini pada malam Jumaat maka kelebihannya sangat banyak. Dan sesiapa tidak mampu membaca surah ini maka hendaklah ia mengantikannya dengan memperbanyakkan membaca surah *al Ikhlas* dan memperbanyakkan mengucap selawat ke atas Rasulullah S.A.W.. Dan apabila Imam telah keluar {naik ke atas mimbar} maka putuskanlah segala doa dan perkataan dan hendaklah engkau memberi perhatianmu sepenuhnya untuk menjawab azan dan setelah itu dengarlah khutbah dengan penuh perhatian dan tinggalkan percakapan sama sekali kerana disebutkan di dalam hadis :

اِنَّ مَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ وَالاِمَامُ يَخْطُبُ "اَنْصِتْ" فَقَدْ لَغَا،
وَمَنْ لَغَا فَلاَ جُمْعَةَ لَهُ.

Ertinya : "Sesiapa yang bercakap dengan kawannya ketika khatib sedang membaca khutbah "diamlah kamu" maka orang itu telah sia-sia dan sesiapa yang sia-sia bermakna ia tidak mendapat pahala Jumaat."

Kita dilarang mengatakan "*diamlah kamu*" kerana perkataan "*diamlah kamu*" itu dikira satu percakapan. Dan sebaiknya jika engkau terpaksa juga menegur orang lain maka cukuplah dengan menggunakan isyarat sahaja bukan dengan perkataan.

Kemudian sembahyanglah engkau bersama dengan Imam seperti kaifiat sembahyang yang telah disebutkan. Apabila

engkau salam dan selesai daripada sembahyangmu maka sebelum engkau berkata-kata sesuatu, hendaklah engkau baca dahulu surah *al Fatihah* tujuh kali. Surah *al Ikhlas* tujuh kali, Surah *al Falaq* tujuh kali, surah *An Nas* tujuh kali kerana yang demikian itu akan memelihara engkau daripada gangguan syaitan sehingga sampai ke minggu hadapan dan ia akan menjadi benteng yang kukuh bagimu untuk menghadapi gangguan syaitan. Setelah itu baca olehmu akan doa :

اَللّٰهُمَّ يَاغَنِىُّ يَا حَمِيْدُ، يَامُبْدِىءُ يَامُعِيْدُ، يَارَحِيْمُ
يَاوَدُوْدُ، اَغْنِنِىْ بِجَلاَلِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَبِطَاعَتِكَ عَنْ مَعْصِيَتِكَ،
وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

Ertinya : Ya Allah Tuhan Yang Maha Kaya Yang Maha Terpuji Yang memulakan (ciptaan makhluk) dan Yang mengulangkannya. Yang sangat kasih sayang dan yang sangat mencintai. Kayakanlah aku dengan rezekiMu yang halal bukan dengan yang haram dan anugerah kepadaku taat kepadaMu bukan maksiat dan berikanlah aku dengan kelebihanMu bukan dengan kelebihan orang lain.

Selepas sembahyang Jumaat hendaklah engkau sembahyang sunat *ba'diyah Jumaat* dua rakaat atau empat rakaat atau enam rakaat dan engkau perbuat yang demikian itu dua rakaat sekali salam maka telah diriwayatkan yang demikian itu daripada Rasulullah S.A.W. dalam beberapa cara yang berlainan. Kemudian hendaklah engkau duduk di dalam masjid sehingga sampai waktu Maghrib atau sekurang-kurangnya sampai waktu Asar. Dan hendaklah engkau pandai menanti saat yang mustajab doa itu kerana saat itu dirahsiakan oleh Allah pada sepanjang hari Jumaat maka biarlah engkau mendapati masa itu sedangkan

engkau di dalam khusyu' dan merendahkan diri kepada Allah. Dan janganlah engkau hadir di dalam masjid itu akan majlis atau halaqah (yang tidak berfaedah) ataupun majlis tukang-tukang cerita bahkan hendaklah engkau hadir di dalam majlis ilmu yang bermanfaat iaitulah ilmu yang menambah takutmu kepada Tuhanmu dan mengurangkan gemarmu kepada dunia kerana segala ilmu yang tidak mendorong engkau meninggalkan dunia dan tidak menggemarkan engkau untuk mencapai kebahagiaan yang abadi di akhirat, maka jahil daripada ilmu itu adalah lebih baik bagimu. Oleh itu berlindunglah engkau dengan Allah daripada ilmu yang tidak bermanfaat dan hendaklah engkau perbanyakkan membaca doa ketika matahari naik dan ketika tergelincir dan ketika tenggelam dan ketika engkau mendengar iqamat dan ketika khatib naik ke atas mimbar dan ketika orang berdiri untuk sembahyang maka barangkali engkau menemui masa yang mustajab doa itu.

Dan berusahalah sehingga engkau dapat bersedekah pada hari ini dengan sekadar kemampuanmu walaupun hanya sedikit maka dengan itu bermakna engkau telah menghimpunkan pada hari itu antara sembahyang, puasa, sedekah, membaca Al Quran, zikir, I'tikaf dan Ribat (menunggu sembahyang selepas sembahyang) dan jadikanlah hari ini dalam minggumu sebagai hari yang engkau khususkan bagi akhiratmu. Mudah-mudahan ia menjadi kifarat bagi hari-hari yang lain dalam minggu itu.

14- ADAB-ADAB PUASA

Tidak sepatutnya kalau engkau hanya puasa pada bulan Ramadhan sahaja maka bermakna engkau telah meninggalkan merebut keuntungan dengan puasa sunat dan engkau tidak mengambil peluang untuk merebut darjat yang tinggi dalam syurga Firdaus. Nanti engkau akan menyesal apabila engkau melihat pahala orang yang banyak puasa sunat seperti halnya engkau melihat kepada bintang-bintang yang berkelip-kelip. Mereka jauh lebih tinggi daripada engkau kerana mereka berada pada darjat yang tinggi sekali.

Di sepanjang tahun ada hari-hari yang mempunyai kelebihan yang telah disebutkan dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. dan mempunyai ganjaran yang sangat besar bagi orang yang berpuasa pada hari-hari tersebut. Hari-hari itu ialah :

1- Hari Arafah (9 Zulhijjah) sunat puasa bagi orang yang tidak mengerjakan haji.
2- Hari Asyura (10 Muharram) {dan juga sunat puasa pada hari tasu'a (9 Muharram)}
3- Sepuluh hari yang pertama daripada bulan Zulhijjah
4- Sepuluh hari yang pertama daripada bulan Muharram
5- Bulan Rejab
6- Bulan Sya'aban
7- Bulan-bulan haram, iaitu ada empat. Tiga bulan berturut-turut iaitu bulan Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram, dan satu bulan yang tunggal iaitu bulan Rejab.

Di dalam sebulan pula ada hari-hari yang mempunyai kelebihan berpuasa, iaitu :

1- Awal bulan
2- Tengah bulan
3- Akhir bulan
4- Hari-hari bidh (putih) iaitulah hari tiga belas, empat belas dan lima belas.

Di dalam seminggu pula ada hari-hari yang mempunyai kelebihan berpuasa iaitu hari Isnin, Khamis dan Jumaat.

Maka puasa pada hari Isnin, Khamis dan Jumaat adalah mengkifaratkan dosa seminggu dan puasa pada permulaan bulan, pertengahan bulan, akhir bulan dan hari-hari putih adalah menghapuskan dosa sebulan dan dosa setahun pula dihapuskan dengan puasa pada hari-hari yang telah kita sebutkan dalam pusingan tahunan.

Dan janganlah engkau mengganggap bahawa puasa itu hanya meninggalkan makan, minum dan jimak sahaja tetapi puasa adalah lebih luas daripada itu. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. pernah bersabda :

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ اِلاَّ الْجُوْعُ وَالْعَطَشُ

Ertinya : Berapa banyak orang yang puasa, yang ia tidak memperolehi daripada puasanya itu selain daripada lapar dan dahaga.
(Hadis riwayat Ibnu Majah dan Ahmad pada musnad 2/373)

Maka kesempurnaan puasa itu bahawa engkau menjaga seluruh anggotamu daripada membuat sesuatu yang dibenci oleh Allah S.W.T. maka engkau mesti menjaga mata daripada melihat perkara-perkara yang yang diharamkan dan mesti menjaga lidah daripada bercakap dengan perkara yang tidak berfaedah dan menjaga telinga daripada mendengar perkara-perkara yang diharamkan kerana orang yang mendengar (orang yang mengumpat) adalah sama dosanya dengan orang yang mengumpat itu dan orang yang mendengar dikira sama hukumnya dengan orang yang mengumpat (kalau dia tidak mengingkari umpatannya itu).

Begitu pula hendaklah engkau menjaga seluruh anggotamu seperti engkau menjaga perut dan kemaluanmu. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. bersabda:

خَمْسٌ يُفْطِرْنَ الصَّائِمَ، الْكَذِبُ وَالْغِيبَةُ وَالنَّمِيمَةُ وَالنَّظَرُ بِشَهْوَةٍ وَالْيَمِينُ الْكَاذِبَةُ

Ertinya : Lima perkara yang membatalkan (pahala) puasa, iaitu berbohong, mengumpat, membuat fitnah, melihat {perempuan yang bukan mahram} dengan syahwat dan sumpah palsu.
(Hadis riwayat ad Dilami dalam musnad Firdaus)

Dan Rasulullah S.A.W. bersabda :

اِنَّمَا الصَّوْمُ جُنَّةٌ، فَاِذَا كَانَ اَحَدُكُمْ صَائِمًا فَلاَ يَرْفُثْ وَلاَ يَفْسُقْ وَلاَ يَجْهَلْ، فَاِنْ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ اَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ اِنِّى صَائِمٌ

Ertinya : "Hanyasanya puasa itu perisai, maka apabila seseorang kamu puasa maka jangan ia bercakap yang tidak baik {seperti bercakap perkara-perkara yang lucah} dan jangan ia membuat maksiat dan jangan bertindak seperti orang jahil. Oleh kerana itu apabila ada orang lain yang cuba memusuhinya atau memakinya maka hendaklah ia berkata {di dalam hatinya kalau ia puasa sunat, di hati dan mulut kalau dia puasa wajib} : Bahawasanya aku ini berpuasa."

(Hadis riwayat Bukhari)

Ketika berbuka puasa, hendaklah engkau berusaha supaya semua makanan yang engkau makan itu halal. Dan jangan engkau memperbanyakkan makan dengan memakan yang lebih dari kebiasaan yang engkau makan pada waktu malam. Apabila engkau menghimpunkan makanan siang kepada malam untuk engkau makan sekaligus ketika berbuka puasa maka itu hanyalah memindahkan waktu makan sahaja maka tidak ada makna bagi puasamu. Sedangkan yang dimaksudkan daripada puasa itu ialah memecahkan syahwatmu dan melemahkan kekuatannya supaya engkau dapat lebih berpeluang untuk menambah ketaqwaan tetapi apabila engkau hanya menghimpunkan makan siang kepada makan malam maka apakah maknanya puasamu

bahkan perutmu (di waktu malam) akan lebih berat lagi, sedangkan tidak ada sebarang bekas (tempat) yang lebih dimurkai di sisi Allah yang lebih daripada perut yang dipenuhkan dengan makanan yang halal, Maka betapa pula halnya kalau perutmu itu dipenuhi dengan makanan yang haram.

Apabila engkau sudah faham makna puasa ini maka perbanyaklah olehmu daripadanya mengikut kemampuanmu kerana puasa itu adalah asas (yang memudahkan) segala ibadat yang lain dan kunci kepada segala ketaatan. Oleh kerana itu Rasulullah S.A.W. bersabda :

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: كُلُّ حَسَنَةٍ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا اِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ اِلاَّ الصَّوْمَ فَاِنَّهُ لِىْ وَاَنَا اَجْزِىْ بِهِ.

Ertinya : "Allah berfirman (di dalam hadis qudsi) bahawa setiap kebaikan itu akan digandakan sepuluh kali sehingga sampai tujuh ratus kali ganda (mengikut keikhlasan dan keindahan amalan tersebut) kecuali puasa maka puasa itu untukKu dan Akulah yang akan langsung membalasnya (dengan balasan sangat banyak yang tidak terbilang banyaknya)."

Dan lagi sabda Rasulullah S.A.W.:

وَالَّذِىْ نَفْسِيْ بِيَدِهِ، لَخُلُوْفُ فَمِ الصَّائِمِ اَطْيَبُ عِنْدَ اللّٰهِ مِنْ رِيْحِ الْمِسْكِ، يَقُوْلُ اللّٰهُ عَزَّ وَجَلَّ: اِنَّمَا يَذَرُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ وَشَرَابَهُ مِنْ اَجْلِىْ، فَالصَّوْمُ لِىْ وَاَنَا اَجْزِىْ بِهِ.

Ertinya : "Demi Allah yang diriku di bawah kekuasaanNya, sesungguhnya bau mulut orang yang puasa itu adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau minyak kasturi. Allah berfirman : Hambaku rela meninggalkan syahwatnya, makanan dan minuman kerana semata-mata mencari keredhaanKu maka puasanya adalah untukKu dan Aku lah yang akan terus membalasnya."

Dan lagi sabda Rasulullah S.A.W. :

لِلْجَنَّةِ بَابٌ يُقَالُ لَهُ " الرَّيَّانُ" لاَ يَدْخُلُهُ اِلاَّ الصَّائِمُوْنَ

Ertinya : "Di dalam syurga itu ada satu pintu yang bernama "Ar Rayyan" di mana pintu itu tidak dapat dimasuki kecuali oleh orang yang berpuasa sahaja."

Maka cukupkanlah bagimu- wahai thalib (penuntut) - sampai di sini huraian bermacam-macan jenis ketaatan, yang merupakan panduan bagi permulaan engkau menjalani akan jalan hidayah. Apabila engkau berhajat kepada keterangan tentang cara mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji atau engkau berhajat kepada keterangan yang lebih luas lagi berkenaan dengan sembahyang, puasa dan lain-lain maka hendaklah engkau rujuk kepada apa yang telah kami sebutkan di dalam kitab Ihya Ulumiddin.

BAHAGIAN KEDUA

CARA-CARA MENINGGALKAN MAKSIAT

Ketahuilah - wahai thalib (penuntut) - bahawa agama itu terdiri dari dua bahagian:

Pertama : Meninggalkan maksiat.
Kedua : Mengerjakan taat.

Meninggalkan maksiat adalah lebih berat daripada mengerjakan taat kerana mengerjakan taat senang dibuat oleh setiap orang tetapi meninggalkan syahwat (maksiat) hanya dapat dilaksanakan oleh para siddiqin (orang-orang yang benar). Oleh kerana itu Rasulullah S.A.W. bersabda :

اَلْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ السُّوْءَ، وَالْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ هَوَاهُ.

Ertinya : "Orang yang berhijrah dengan sebenarnya ialah orang yang berhijrah daripada kejahatan (meninggalkan kejahatan). Dan mujahid yang sebenarnya ialah orang yang memerangi hawa nafsunya."

FASAL PERTAMA

CARA MENINGGALKAN MAKSIAT YANG ZAHIR (MAKSIAT ANGGOTA)

Ketahuilah bahawasanya apabila engkau melakukan sesuatu maksiat maka sebenarnya engkau melakukan maksiat itu dengan menggunakan anggota badanmu yang merupakan nikmat Allah yang dianugerahkannya kepadamu dan menggunakan amanat yang diberikan kepadamu. Jadi ketika engkau menggunakan anggotamu untuk melakukan maksiat bermakna engkau menyalahgunakan nikmat yang dianugerahkan dan mengkhianati terhadap amanah yang diberikan. Dan anggotamu adalah rakyatmu maka hendaklah engkau berfikir baik-baik bagaimana sepatutnya engkau menjaganya. Sabda Rasulullah S.A.W. :

فَكُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْؤُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Ertinya : Maka kamu semua adalah pengembala (pemimpin) dan kamu semua akan ditanyai tentang pengembalaannya (kepimpinannya)
(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar R.A)

Dan ketahuilah olehmu bahawasanya semua anggotamu akan bersaksi di atas segala perbuatanmu di Padang Mahsyar kelak dengan menuturkan perkataan yang lancar dan terang. Anggotamu akan mendedahkan segala rahsiamu di hadapan per-

himpunan agung di Padang Mahsyar. Dalam hal ini Allah Taala telah berfirman:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Di hari itu (hari Qiamat) akan bersaksilah ke atas kamu oleh segala lidahmu, tanganmu dan kakimu dengan segala sesuatu yang telah kamu perbuat (di dalam dunia dahulu)."

(Surah An Nur, ayat 24)

Allah berfirman lagi :

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُم

بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: "Pada hari ini (hari Qiamat) Kami akan kunci mulut-mulut mereka dan akan bercakap kepada Kami tangan-tangan mereka dan bersaksi di hadapan Kami kaki-kaki mereka terhadap apa-apa yang mereka telah perbuat (di dunia dahulu)."

(Surah Yassin, ayat 65)

Maka jagalah baik-baik seluruh anggotamu. Khususnya anggotamu yang tujuh kerana pintu neraka itu tujuh pula dan telah ditentukan setiap pintu itu untuk dimasuki oleh kumpulan yang telah melakukan perbuatan maksiat dengan salah satu di antara tujuh anggota badan, iaitu mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, tangan dan kaki.

Pertama : Menjaga Mata

Mata sebenarnya diciptakan oleh Allah Taala untuk engkau

dapat melihat segala sesuatu sehingga engkau dapat menggunakannya dalam menunaikan segala hajatmu dan engkau dapat melihat dengan matamu akan keajaiban dan keindahan ciptaan langit dan bumi, sehingga engkau dapat mengambil iktibar daripadanya. Maka peliharalah matamu daripada empat perkara :

1- Melihat perempuan yang bukan mahram.
2- Melihat gambar-gambar lucah yang membangkitkan syahwat.
3- Melihat orang lain dengan pandangan penghinaan.
4- Melihat keaiban orang lain.

Kedua : Menjaga Telinga

Hendaklah engkau jaga telingamu daripada mendengar perkara bid'ah atau seumpamanya atau perkataan yang jahat atau perkataan yang sia-sia atau menyebut-nyebut kejahatan orang lain.

Sebenarnya telingamu diciptakan oleh Allah untuk engkau dapat mendengar akan Al Quranul Karim dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W. dan hikmah-hikmah para Auliya maka gunakanlah telingamu untuk mendengarkan ilmu pengetahuan sehingga dengan ilmu itu engkau dapat mencapai kerajaan yang kekal dan kenikmatan yang abadi (di dalam syurga)

Dan apabila engkau menyalahgunakan nikmat pendengaranmu seperti engkau mendengarkan akan maksiat maka bermakna engkau telah mengkhianati terhadap dirimu sendiri

dan engkau menyalahgunakan sesuatu alat yang sepatutnya engkau gunakan untuk mencari keuntunganmu. Maka inilah yang dinamakan rugi yang sebenarnya. Dan janganlah engkau berkata bahawa dosa memperkatakan orang itu hanya tertentu bagi orang yang berkata sahaja tetapi dosa itu juga akan terkena kepada orang yang mendengar perkataan itu. Sabda Rasulullah S.A.W. :

اِنَّ الْمُسْتَمِعَ شَرِيْكُ الْقَائِلِ، وَهُوَ اَحَدُ الْمُغْتَابِيْنِ

Ertinya : "Sesungguhnya orang yang mendengar (seseorang yang mengumpat orang lain) adalah bersekutu (di dalam dosa) dengan orang yang berkata itu. Dan dia juga dikira salah seorang daripada dua orang yang mengumpat."

Ketiga : Menjaga Lidah

Allah S.W.T. telah menciptakan bagimu akan lidah supaya engkau dapat berzikir dengannya dan supaya engkau dapat membaca Al Quran dan membimbing manusia ke jalan kebenaran dan supaya engkau dapat melahirkan perasaan dan kehendakmu, baik dalam urusan dunia atau pun urusan akhiratmu. Apabila engkau menggunakan lidahmu bagi tujuan yang lain daripada yang dimaksudkan oleh Allah Taala bermakna engkau tidak syukur terhadap nikmat yang diberikannya kepadamu.

Dan lidahmu adalah anggotamu yang paling berkesan di atas dirimu dan yang paling berkesan terhadap orang lain. Berapa ramai nantinya orang yang akan dihumbankan ke dalam api neraka jahanam dengan sebab jenayah yang telah diperbuatkan

oleh lidah mereka. Maka kekanglah lidahmu sekuasamu supaya ia tidak menyebabkan engkau dihumbankan ke dalam api neraka seperti yang disebutkan di dalam sebuah hadis :

اِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لِيُضْحِكَ بِهَا أَصْحَابَهُ، فَيَهْوِى بِهَا فِى قَعْرِ جَهَنَّمَ سَبْعِيْنَ خَرِيْفًا

Ertinya : "Sesungguhnya seseorang itu terkadang bercakap dengan satu percakapan dengan tujuan supaya orang lain menjadi tertawa dari sebab percakapannya itu. Dia tidak menyangka bahawa perkataannya itu akan menyebabkan dirinya dihumbankan ke dalam api neraka selama tujuh puluh tahun."

(Hadis riwayat At Tirmizi daripada Abu Hurairah R.A)

Sekali peristiwa di zaman Rasulullah S.A.W. ada seorang tentera Islam gugur di medan perang sebagai syahid lalu ada yang berkata : "*Untung sekali orang ini kerana dia telah berjaya mendapat syurga*". Mendengar ucapan itu lalu Rasulullah S.A.W. bersabda : "*Belum tentu lagi, kerana boleh jadi ia pernah bercakap perkara-perkara yang tidak berfaedah atau ia bakhil dari memberi sesuatu yang sebenarnya tidak mengkayakannya.*"

Oleh kerana itu jagalah lidahmu daripada lapan perkara:

1- Bohong

Maka janganlah engkau berbohong samada bersungguh-sungguh atau bergurau. Jangan engkau biasakan dirimu berbohong dalam bergurau nanti akhirnya engkau akan berbohong dengan cara bersungguh-sungguh. Berbohong adalah di antara dosa besar yang terbesar. Selain daripada itu, apabila engkau

telah dikenali sebagai pembohong maka hilanglah keadilanmu (dan harga dirimu) dan hilang makna daripada segala perkataanmu dan orang lain akan melihat engkau dengan pandangan yang rendah. Apabila engkau mahu tahu sejauh mana jahatnya apabila engkau bercakap bohong maka lihatlah kepada orang lain yang bercakap bohong kepadamu, betapa engkau merasakan dirimu jijik daripadanya dan betapa hinanya orang itu pada pandanganmu dan betapa jahatnya apa yang dilakukannya. Begitulah hendaknya engkau melihat kepada segala keaiban dirimu kerana engkau tidak dapat mengetahui sejauh mana keaiban dirimu kecuali bila engkau memperhatikan perbuatan yang sama yang dilakukan oleh orang lain terhadap dirimu. Maka apa yang engkau pandang buruk terhadap orang lain begitulah pula sebaliknya. Oleh itu janganlah engkau suka membuat perkara yang menyebabkan kebencian orang lain terhadap dirimu.

2- Menyalahi janji.

Maka jangan sekali-kali engkau berjanji kemudian engkau menyalahinya bahkan sebaiknya biarlah engkau banyak berbuat baik walaupun tanpa berjanji. Jikalau engkau terpaksa juga mengikat janji maka engkau mesti berhati-hati. Jangan sampai janji itu engkau ingkari kecuali apabila engkau lemah daripadanya dengan sebab ada halangan yang tidak dapat dielakkan kerana mungkir janji itu adalah sebahagian tanda orang-orang munafiq dan orang yang rendah akhlaknya. Rasulullah pernah bersabda :

ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيْهِ فَهُوَمُنَافِقٌ وَاِنْ صَامَ وَصَلّى، مَنْ اِذَا
حَدَّثَ كَذَبَ، وَاِذَا وَعَدَ اَخْلَفَ، وَاِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ

Ertinya : "Tiga perkara apabila ada pada seseorang maka ia adalah orang yang munafiq {munafiq amal bukan munafiq aqidah} walaupun ia puasa dan sembahyang. Ialah orang yang apabila bercakap ia berbohong dan apabila berjanji ia mungkir dan apabila ia diamanahkan sesuatu ia akan khianat."

3- Mengumpat Orang

Dosa mengumpat orang adalah lebih berat daripada tiga puluh kali berzina seperti yang disebutkan di dalam hadis dan yang dimaksudkan dengan *ghibah* atau mengumpat ialah bahawa engkau mengatakan apa sahaja perkara yang sabit dengan seseorang, jikalau ia mendengar perkataan tersebut tentu ia akan marah. Maka engkau dikira seorang yang mengumpat lagi zalim walaupun apa yang engkau sebutkan itu benar-benar berlaku pada diri orang yang berkenaan.[1]

Dan jauhilah daripada cara umpatan (perli) ulama Su' iaitulah umpatan yang tidak menggunakan bahasa yang jelas tetapi mempunyai makna yang sangat tajam. Contohnya apabila engkau ditanya tentang hal seseorang maka engkau menjawab dengan perkataan : *"Mudah-mudahan Allah membaikkan halnya. Sebenarnya saya sangat berdukacita mendengar apa yang telah dilakukannya. Saya selalu berdoa kepada Allah mudah-mudahan Allah memperbaiki keadaan kita dan keadaannya."* Sebenarnya perkataan yang seperti ini telah menghimpunkan dua kesalahan. Pertama : Mengumpat orang kerana maksudnya dapat difaham dengan jelas. Kedua :

1. Dan jika yang engkau sebutkan itu tidak ada pada orang yang berkenaan maka engkau dikira seorang yang mengada-ngada (buhtan) iaitu lebih besar lagi dosanya daripada mengumpat.

Membersihkan dan memuji diri sendiri dengan cara menyalahkan orang lain.

Seandainya niatmu ikhlas di dalam doamu itu maka sebaiknya engkau mendoakannya dengan cara bersendirian. Dan seandainya engkau susah hati dengan sebab perbuatannya maka tandanya engkau tidak suka membuka keaibannya di hadapan orang lain tetapi ketika engkau menzahirkan kesusahanmu dengan keaibannya, maka itu sama ertinya dengan engkau menzahirkan keaibannya.

Sebenarnya firman Allah S.W.T. di bawah ini sudah cukup bagimu supaya engkau meninggalkan segala bentuk umpatan. Allah S.W.T. berfirman :

وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ

Maksudnya : "Dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Apakah seorang kamu suka memakan daging saudaranya yang sudah menjadi bangkai? Maka sudah tentu kamu merasa jijik daripadanya."

(Surah Al Hujurat, ayat 12)

Allah S.W.T. telah menyerupakan engkau dengan pemakan bangkai maka hindarilah penyakit ghibah ini. Dan jikalau engkau mahu berfikir tentu engkau tidak akan mengumpat orang lain. Cuba engkau lihat pada dirimu sendiri, bukankah dirimu sendiri juga pernah membuat maksiat secara sendiri-sendiri dan juga dengan cara terang-terangan. Maka apabila engkau telah mengetahui bahawa dirimu sendiri banyak mempunyai

kelemahan, sehingga engkau melakukan sesuatu maksiat maka ketahuilah begitu pula halnya saudaramu, ia juga mempunyai kelemahan-kelemahan sehingga ia melakukan maksiat. Maka uzurnya sama dengan uzurmu, tetapi kenapa engkau suka menyebut-nyebut kelemahannya? Tentu ia tidak suka seperti halnya engkau tidak suka disebutkan kelemahanmu.

Dan apabila engkau menutupi keaibannya maka Allah S.W.T. pasti akan menutupi keaibanmu tetapi jikalau engkau suka mendedahkan keaibannya maka Allah pasti akan menyediakan lidah-lidah yang lebih tajam untuk mendedahkan keaibanmu di dunia ini kemudian Allah akan mendedahkan pula segala rahsiamu diakhirat kelak di hadapan seluruh makhluk di Padang Mahsyar nanti.

Seandainya engkau melihat dirimu bersih daripada dosa, baik zahir atau batin dan engkau melihat dirimu bersih daripada segala keaiban baik yang berkenaan dengan urusan agamamu ataupun duniamu maka ketahuilah bahawa kejahilanmu terhadap dirimu sendiri itu adalah sejahat-jahat kejahilan. Tidak ada aib yang lebih besar daripada seseorang yang menganggap dirinya bersih dari segala dosa dan kesalahan. Sebenarnya ketika itu Allah S.W.T. tidak menghendaki kebaikan terhadap dirimu. Jikalau Dia menghendaki kebaikan pada dirimu tentu Dia menunjukkan kepadamu akan aib dirimu. Jadi ketika engkau melihat dirimu sebagai seorang yang bersih, maka itu adalah kesudahan daripada segala kejahilan.

Kemudian seandainya engkau memang benar pada sangkamu {bahawa engkau orang yang tidak mempunyai keaiban} maka banyak-banyaklah engkau bersyukur kepada

Allah dan mengapa pula engkau mahu memaki orang lain dan mempersendakan kesalahan mereka. Bukankah perbuatan ini juga termasuk di antara keaiban yang besar pula.[1]

4- Berdebat atau bertengkar dan suka membantah perkataan orang lain.

Perkara-perkara ini adalah menyakiti hati orang yang dipercakapi dan terkadang sampai keperingkat membodohkannya atau menyentuh hal-hal peribadinya kemudian dalam perbantahan dan pertengkaran ini selalunya tidak terlepas daripada memuji diri sendiri dan menganggapnya bersih daripada segala keaiban dan menganggap diri sendiri mempunyai kepandaian dan ilmu pengetahuan. Kemudian pertengkaran ini menimbulkan pula permusuhan yang berterusan kerana engkau tiada bertengkar dengan orang jahil kecuali ia menaruh dendam untuk menyakiti engkau pada suatu masa nanti dan engkau tiada bertengkar dengan orang yang banyak sabar kecuali pada suatu masa nanti ia akan habis sabar dan akan marah kepadamu dan akan timbul benih-benih kedengkian di dalam hati. Oleh itu Rasulullah S.A.W. pernah bersabda :

(1) Sebagai tambahan di sini kita sebutkan beberapa perkara yang mengharuskan seseorang mengumpat orang lain, iaitu :

(Pertama) Ketika mengadukan hal kazaliman orang lain terhadap kita di hadapan hakim dan seumpamanya dan maka ketika itu kita bolehlah mendedahkan keaibannya.

(Kedua) Ketika bermesyuarat untuk memperbaiki kesalahan seseorang maka bolehlah kita menyebut kesalahannya di hadapan orang yang datang membantu kita memperbaiki kesalahannya.

(Ketiga) Ketika kita meminta fatwa daripada mufti maka bolehlah kita menyebutkan kesalahan orang yang bersabit dengan soalan kita.

(Keempat) Ketika kita memberi amaran kepada orang ramai supaya mereka tidak terikut-ikut dengan seseorang yang melakukan perbuatan yang salah maka terpaksa kita menyebutkan kesalahan orang yang berkenaan supaya orang ramai jangan tertipu dengannya.

(Kelima) Ketika menyebut seseorang yang telah dikenali dengan aibnya seperti kita menyebut seorang yang mashyur dengan nama : Mat pincang dan sebagainya.

(Keenam) Menyebut kesalahan seseorang yang sudah tidak malu menzahirkan kefasikkannya seperti orang yang suka meminum arak dihadapan orang ramai.
(Untuk lebih jelas sila lihat Ihya Ulumiddin, Juzuk 3/103)

مَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُبْطِلٌ بَنَى اللّٰهُ لَهُ بَيْتًا فِيْ رَبَضِ الْجَنَّةِ،
وَمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُحِقٌّ بَنَى اللّٰهَ لَهُ بَيْتًا فِيْ أَعْلَى الْجَنَّةِ.

Ertinya : "Sesiapa yang sanggup meninggalkan pertengkaran sedangkan ia adalah di pihak yang salah, Allah akan membina untuknya sebuah rumah di tepi Syurga. Dan barang siapa sanggup meninggalkan bertengkar sedangkan ia adalah berada di pihak yang benar, Allah akan membina untuknya sebuah rumah di tempat yang tinggi di dalam Syurga."

Dan janganlah engkau tertipu dengan helah syaitan kerana syaitan selalu mengatakan : *"Engkau mesti bertengkar dengan mereka kerana engkau adalah memperjuangkan kebenaran dan jangan berlemah lembut di dalam hal ini"*. Sebenarnya syaitan telah berjaya menipu orang-orang yang bodoh sehingga mereka tercebur di dalam kejahatan sedangkan mereka menyangka bahawa mereka berbuat kebaikan. Syaitan dengan tipu helahnya selalu berusaha menampilkan kejahatan dalam bentuk kebaikan

lalu ia mengolok-olok orang yang telah ia perdaya itu. Membela kebenaran adalah satu perkara yang baik, iaitu di hadapan orang yang memang mahu menerimanya dan mestilah dengan cara nasihat dari hati ke hati bukan dengan cara bertengkar kerana nasihat itu mempunyai caranya yang tersendiri dan berhajat kepada kelembutan. Kalau tidak nasihat itu akan berbalik menjadi "*Fadhihah*" {pendedahan aib orang lain} maka jadilah kerosakkannya lebih banyak daripada kebaikannya.

Maka sesiapa yang selalu bergaul dengan Ulama zaman sekarang ini pasti dia akan menjadi orang yang suka bertengkar dan suka berdebat dan susahlah dia untuk berdiam kerana Ulama Su' telah mengatakan bahawa pertengkaran itu adalah satu perbuatan yang terpuji dan kemampuan mengemukakan hujah-hujah dalam perbincangan itu satu perkara yang sangat baik. Maka hendaklah engkau lari daripada mereka {Ulama Su'} seperti engkau lari daripada harimau dan ketahuilah bahawa pertengkaran itu adalah salah satu di antara sebab yang menurunkan kemurkaan Allah Taala dan kemarahan manusia.

5- Memuji diri sendiri.

Dalam hal ini Allah S.W.T. berfirman:

فَلَا تُزَكُّوٓاْ أَنفُسَكُمۡۖ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَنِ ٱتَّقَىٰٓ

Maksudnya: "Maka janganlah kamu menganggap dirimu bersih, sebenarnya Allah lebih tahu siapakah orang yang lebih bertakwa kepadaNya."

(Surah An Najm, ayat 32)

Pernah orang bertanya kepada seseorang Ahli Hikmah, *"Apakah kebenaran yang buruk?"* Lalu ia menjawab : *"Pujian seseorang terhadap dirinya sendiri"*. Dan ketahuilah bahawasanya memuji diri sendiri itu adalah mengurangkan daripada harga dirimu di sisi manusia dan menyebabkan turunnya kemurkaan Allah Taala. Apabila engkau mahu tahu bahawa pujianmu terhadap dirimu sendiri itu tidak menambah martabatmu di sisi orang lain, cuba engkau lihat ketika ada orang lain yang memuji dirinya sendiri di hadapanmu. Ia menyebut-nyebutkan kelebihan pangkat dan hartanya. Cuba engkau rasakan betapa beratnya hatimu menerima ucapannya. Seakan-akan engkau menerima sesuatu bebanan yang sangat berat. Setelah itu lidahmu akan mencacinya sebaik sahaja ia beredar dari sisimu. Nah! Begitulah halnya apabila engkau memuji dirimu sendiri di hadapan orang lain mereka sebenarnya mencela engkau di dalam hati mereka ketika engkau masih berada di hadapan mereka kemudian mereka akan mencela engkau pula dengan mulut apabila engkau beredar dari sisi mereka.

6- Melaknat

Jangan sekali-kali engkau melaknat sesuatu daripada makhluk Allah, sama ada binatang atau manusia dan jangan engkau hukumkan secara pasti ke atas seseorang daripada ahli qiblat (seorang muslim) bahawa ia telah menjadi kafir atau munafik kerana Allah sahaja yang mengetahui apa yang tersembunyi di dalam hatinya. Maka jangan engkau campur tangan dalam urusan antara mereka dengan Allah. Dan ketahuilah bahawa pada hari kiamat nanti engkau tidak akan ditanya kenapa engkau tidak melaknat pulan bin pulan dan kenapa engkau diam (daripada menyebut kejahatannya) bahkan engkau tidak akan ditanya kenapa engkau tidak pernah melaknat iblis seumur

hidupmu. Engkau tidak ditanya dengan demikian pada kiamat nanti. Tetapi jika engkau telah melaknat seseorang maka engkau pasti akan ditanya kenapa engkau melaknat akan dia. Maka janganlah engkau melaknat apa sahaja daripada makhluk Allah ini. Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. tidak pernah mencela makanan yang rendah (yang tidak sedap), bahkan apabila beliau berkenan beliau akan memakannya dan apabila beliau tidak berkenan beliau meninggalkannya (dengan tanpa mencelanya)

7- Mendoakan celaka bagi orang lain

Maka hendaklah engkau memelihara lidahmu daripada mendoakan celaka terhadap siapa sahaja daripada makhluk Allah ini dan jikalau ada seseorang yang menzalimi engkau maka serahkanlah urusannya kepada Allah kerana ada disebutkan dalam sebuah hadis :

إِنَّ الْمَظْلُوْمَ لَيَدْعُوْ عَلَى ظَالِمِهِ حَتَّى يُكَافِئَهُ، ثُمَّ يَكُوْنُ لِلظَّالِمِ فَضْلٌ عِنْدَهُ يُطَالِبُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Ertinya : "Sesungguhnya orang yang terkena zalim itu mendoakan celaka ke atas orang yang menzaliminya sehingga suatu kecelakaan yang dibalakan ke atas orang yang zalim itu melebihi daripada balasan yang patut diterimanya. Maka orang yang pada mulanya zalim tadi (telah menjadi kena zalim pula) lalu ia menuntut haknya pada hari kiamat nanti ke atas orang yang kena zalim yang mendoakan celaka ke atasnya."

Ada seorang yang sangat banyak memaki Al Hajjaj [1] maka

(1) Hajjaj bin Yusof As Staqafi ialah Gabenor Kufah yang alim tetapi banyak membuat kezaliman. Dia menjadi gabenor di zaman pemerintahan Bani Umaiyyah.

berkata kepadanya oleh seorang ulama: "Sesungguhnya Allah akan menyiksa orang yang memaki Al Hajjaj dengan lidahnya seperti halnya Allah menyiksa Al Hajjaj kerana zalimnya kepada orang lain.

8- Bergurau, mengolok-olok dan mengejek orang lain.

Maka hendaklah engkau memelihara lidahmu daripada mengolok-olok dan mengejek orang lain sama ada dalam bentuk percakapan yang bersungguh-sungguh ataupun dalam bentuk bergurau-gurau sahaja, kerana perbuatan yang demikian menghilangkan air muka dan menghilangkan rasa haibat (gerun) dan terkadang membawa kepada rasa jauh hati dan menyakitkan hati. Maka dari situlah bermulanya pertengkaran dan kemarahan yang akhirnya membawa kepada putusnya hubungan dan permusuhan di dalam hati. Maka janganlah engkau bergurau dengan seseorang, bahkan jikalau mereka cuba mengusik engkau maka jangan engkau peduli dan berpalinglah daripada mereka sehingga mereka bercakap perkataan yang lain. Dan hendaklah engkau menjadikan dirimu daripada golongan orang yang disebutkan oleh Allah Taala dalam firmannya :

وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا

Maksudnya: "Dan apabila mereka melalui dengan perkara yang sia-sia mereka akan lalu dengan menjaga kehormatan diri."

(Surah Al Furqan, ayat 72)

Inilah lapan perkara yang merupakan penyakit lidah yang besar maka tidaklah ada yang dapat menolong engkau dalam

menjaga lidahmu kecuali hanya *uzlah* (mengasingkan diri) dan melazimkan diam. Dan hendaklah engkau bergaul dan bercakap sekadar keperluan sahaja. Dan adalah Saidina Abu Bakar As Siddiq R.A. selalu meletakkan batu di dalam mulutnya supaya dia dapat menegah mulutnya daripada bercakap yang tidak perlu dan beliau mengisyaratkan kepada lidahnya : *"Inilah yang banyak membawa aku ke jurang kebinasaan maka aku mestilah berjaga-jaga daripadanya."* Maka jagalah lidahmu baik-baik kerana ia adalah alat yang paling berkesan dalam membinasakan engkau baik di dunia ataupun di akhirat.

Keempat : Menjaga Perut

Maka hendaklah engkau memelihara perutmu daripada memakan makanan yang haram atau yang *syubhat* dan berusahalah untuk mencari makanan yang halal. Dan apabila engkau telah mendapatkan makanan yang halal maka hendaklah engkau merasa cukup dengan memakannya dan hendaklah engkau berhenti sebelum kenyang kerana perut yang kenyang itu mengeraskan hati dan menumpulkan akal dan memberatkan anggota daripada berbuat ibadat dan mencari ilmu bahkan perut yang kenyang itu akan menguatkan syahwat dan membantu tentera syaitan. Kenyang dengan yang halal adalah punca segala kejahatan maka betapa pula kenyang dengan makanan yang haram. Oleh itu mencari makanan yang halal adalah wajib atas setiap orang Islam dan berbuat ibadat atau mencari ilmu dengan memakan makanan yang haram adalah seperti membuat sesuatu binaan di atas longgokkan sampah.

Apabila engkau merasa cukup dalam setahun dengan hanya memakai sehelai baju yang kasar dan merasa cukup dalam

sehari semalam dengan dua potong roti daripada tepong yang kasar dan engkau mampu meninggalkan kelazatan gulai maka pasti makanan yang halal itu cukup bagimu. Harta yang halal itu sebenarnya banyak. Dan engkau tidak dituntut memeriksa sampai kepada perkara-perkara yang kecil bahkan memadailah bagimu bahawa engkau menghindari apa-apa yang telah engkau kenal pasti bahawa harta itu adalah haram atau engkau sangka bahawa ia adalah haram dengan bukti-bukti yang nyata yang telah stabit pada harta tersebut.

Adapun harta yang sudah nyata haram maka hal ini sudah tidak perlu diterangkan lagi. Dan harta yang disangkakan haramnya dengan beberapa tanda ialah seumpama harta raja-raja (yang zalim) dan pegawai-pegawainya dan harta orang yang tidak ada pekerjaan kecuali hanya meratap orang mati atau menjual arak atau bermuamalah dengan cara riba atau berjual beli seruling dan alat-alat muzik dan seumpamanya. Maka sesiapa yang engkau telah ketahui secara pasti bahawa kebanyakan hartanya adalah daripada sumber yang haram maka apa yang engkau ambil daripada tangannya - walaupun boleh jadi ia halal - adalah haram kerana itulah yang ghalib pada sangkaan.

Di antara harta yang jelas haram ialah harta wakaf yang dimakan tidak mengikut syaratnya, seperti orang yang tidak bersungguh-sungguh mengaji maka haram ia mengambil harta (atau makanan) yang diwakafkan khusus kepada penuntut yang ada di dalam sebuah madrasah. Dan siapa yang mengerjakan maksiat maka akan ditolak segala persaksiannya (syahadatnya). Dan begitulah pula haram mengambil harta atas nama Tasauf (bagi orang yang bukan ahli Tasauf) daripada harta wakaf yang dikhususkan untuk mereka.

Dan telah kami sebutkan keterangan yang luas tentang harta syubhat, halal dan haram di dalam kitab Ihya Ulumiddin, maka hendaklah engkau merujuk ke sana kerana mengetahui cara mencari harta yang halal ini ialah wajib dan mencari harta yang halal itu adalah wajib seperti wajibnya engkau sembahyang lima waktu.

Kelima : Menjaga Kemaluan

Maka hendaklah engkau menjaga kemaluan daripada apa-apa yang diharamkan oleh Allah Taala dan hendaklah engkau menjadikan dirimu seperti golongan yang disifatkan oleh Allah Taala di dalam firmannya :

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ

Maksudnya: "Dan mereka yang selalu menjaga kemaluan mereka, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau apa-apa yang mereka miliki (daripada hamba jariah) maka mereka tidak tercela."

(Surah Al Mukminun, ayat 5 - 6)

Dan engkau tidak dapat menjaga kemaluanmu kecuali apabila engkau menjaga matamu (daripada melihat yang haram) dan menjaga hatimu supaya ia jangan berfikir yang bukan-bukan dan menjaga perut daripada makanan yang syubhat atau berlebihan (dalam memakan yang halal) kerana semuanya itu adalah penggerak bagi syahwat dan merupakan punca bermulanya syahwat.

Keenam : Menjaga Dua Tangan

Maka hendaklah engkau menjaga kedua tanganmu daripada memukul seseorang muslim dan daripada mencapai sesuatu yang diharamkan atau menyakiti sebarang makhluk Allah dan engkau jaga pula tanganmu daripada mengkhianati amanah atau simpanan orang dan daripada menulis sesuatu yang tidak boleh dituturkan, kerana tulisan adalah salah satu di antara dua lidahmu maka hendaklah engkau jagakan qalammu (tulisanmu) daripada menulis sesuatu yang diharamkan memperkatakannya.

Ketujuh : Menjaga Dua Kaki

Dan hendaklah engkau pelihara kedua kakimu daripada berjalan ke tempat yang diharamkan atau berjalan menuju kepada sultan yang zalim. Berjalan menuju kepada sultan yang zalim itu tanpa ada darurat dan paksaan adalah maksiat yang besar kerana yang demikian itu dianggap "*tawadhu*" atau merendahkan diri bagi mereka dan menghormati atas kezaliman mereka, sedangkan Allah menyuruh kita supaya berpaling daripada orang yang zalim, seperti firmanNya.

وَلَا تَرْكَنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ

Maksudnya: "Dan jangan engkau cenderung hati kepada orang yang zalim, nanti kamu akan disentuh oleh api neraka."

(Surah Hud, ayat 113)

Apakah lagi kalau perjalananmu menemui sultan yang zalim itu untuk meminta sesuatu daripadanya. Maka ini jelas dikira mengusahai yang haram. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

مَنْ تَوَاضَعَ لِغَنِيٍّ صَالِحٍ ذَهَبَ ثُلُثَا دِينِهِ

Ertinya : "Sesiapa yang merendahkan dirinya kepada orang kaya yang soleh kerana kekayaannya, maka telah hilanglah dua pertiga daripada agamanya."

(Hadis Mauquf atas Ibnu Mas'ud R.A dan dalam satu huraiaan disebutkan maksudnya dua pertiga darinada adabnya).

Cuba lihat, begitu dahsyat akibat tawadhu' atau merendahkan diri kepada orang kaya yang soleh kerana kekayaan, maka betapa pula kalau engkau tawadhu' kepada orang kaya yang zalim? Ringkas kata, segala gerak lakumu dengan anggotamu adalah merupakan nikmat daripada nikmat Allah yang diberikannya kepadamu. Maka hendaklah engkau jangan mengerakkan satu pun daripada anggotamu untuk melakukan sebarang kemaksiatan, tetapi sebaliknya hendaklah engkau pergunakan segala anggotamu untuk mengerjakan ketaatan kepada Allah.

Dan ketahuilah ! Apabila engkau cuai, maka akibatnya akan kembali kepadamu dan apabila engkau rajin maka manfaatnya juga akan kembali kepadamu. Allah Maha Kaya daripadamu dan Kaya daripada amalanmu, tetapi setiap orang akan tertakluk {pada hari kiamat nanti} dengan amalan yang dikerjakannya di dunia ini, maka jangan sekali-kali engkau berkata : *"Allah itu Tuhan yang Maha Mulia lagi Pengampun. Ia mengampuni dosa-dosa-dosa hamba yang berbuat maksiat"*, kerana ucapan seperti itu adalah ucapan yang benar, tetapi mempunyai tujuan yang

salah. Orang yang memperkatakannya digelarkan dengan *"Ahmaq"* (bodoh) seperti gelaran yang telah disebutkan oleh Rasulullah dalam sabdanya :

الْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالأَحْمَقُ مَنْ اتَّبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا، وَتَمَنَّى عَلَى اللهِ الأَمَانِيَّ (١)

Ertinya : Orang yang cerdik ialah orang yang selalu memperhitungkan dirinya dan ia suka beramal untuk bekalan sesudah mati, sedangkan orang yang Ahmaq (bodoh) ialah orang yang selalu mengikuti hawa nafsunya dan hanya banyak berangan-angan kepada Allah Taala (berangan untuk mendapatkan kebaikan di akhirat dan pengampunan tetapi ia tidak mahu beramal atau bertaubat).

Dan ketahuilah bahawasanya sesiapa yang mahu menjadi seorang yang alim tetapi ia tidak berusaha mencari ilmu dan hanya berkata : *"Allah itu Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani. Dia berkuasa mencampakkan ilmu ke dalam hati para Anbia dan Aulia tanpa susah payah mengulang kaji dan mencatit"*, maka orang yang berkata demikian sama halnya dengan seseorang yang mahu mendapatkan harta kekayaan lalu dia meninggalkan usaha. Dia tidak mahu bertanam atau berniaga bahkan dia duduk sahaja di dalam keadaan menganggur sambil berkata : *"Allah itu Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani dan bagiNya segala khazanah yang ada di langit dan yang ada di bumi dan Dia berkuasa menunjukkan aku akan*

(1) Hadis riwayat At Tirmizi fi Abwabil Qiamah. Dan di dalam lafaz At Tirmizi "العاجز" sebagai gantian lafaz "الاحمق".

sesuatu perbendaharaan daripada perbendaharaan harta sehingga aku tidak perlu berusaha seperti apa yang dikurniakan kepada sebahagian hamba-hambaNya". Maka apabila engkau dengar perkataan kedua orang ini, sudah tentu engkau akan menganggap bahawa orang yang berkata itu adalah orang yang bodoh dan sudah tentu engkau akan mengolok-oloknya, meskipun apa yang mereka sifatkan tentang kemurahan dan kekuasaan Allah Taala itu adalah sesuatu yang benar. Maka begitulah halnya orang yang arif dalam agama, mereka akan mentertawakan engkau seandainya mereka melihat engkau memohon ampun dosa daripada Allah Taala tanpa sebarang usaha untuk mencapainya {tanpa bertaubat}. Bukankah Allah telah berfirman dalam Al Quran :

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Maksudnya : "Dan bahawanya tidak ada sesuatu yang dapat diperolehi oleh seseorang itu kecuali sekadar usahanya."

(Surah An Najm, ayat 39)

Dan Allah Taala berfirman lagi :

إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya : "Hanya sanya kamu akan dibalas oleh Allah mengikut apa yang kamu lakukan."

(Surah At Tahrim, ayat 7)

Dan firmannya lagi:

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ، وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِى جَحِيمٍ

Maksudnya : "Sesungguhnya orang yang baik akan dimasukkan ke dalam syurga dan orang yang jahat akan dimasukkan ke dalam neraka."

(Surah Al Infithar, ayat 13 - 14)

Dan apabila engkau tidak meninggalkan usaha dalam mencari ilmu dan harta kerana bersandar kepada kemurahan Allah Taala, maka begitulah pula halnya, engkau tidak meninggalkan berbuat bekalan akhirat kerana bersandar kepada kemurahan Allah. Maka janganlah engkau malas berbuat ibadat kerana Tuhan dunia dan Tuhan Akhirat itu satu sahaja. Dan Tuhan itu Maha Pemurah dan Maha Mengasihani, baik di dunia ataupun di Akhirat. Kemurahannya tidak bertambah dengan ketaatanmu; Dan kemurahannya bahawa ia memudahkan bagimu jalan yang dapat menyampaikan engkau ke negeri yang kekal abadi yang penuh dengan segala kenikmatan dan kebahagiaan dengan syarat engkau mampu bersabar menahan syahwatmu untuk beberapa hari yang sangat sedikit sekali. Maka inilah kesudahan daripada kemurahannya. Maka janganlah engkau berbisik di dalam dirimu dengan lamunan dan angan-angan yang kosong dan hendaklah engkau mencontohi kesungguhan orang-orang yang mempunyai kepandaian daripada para Anbia dan Salihin maka jangan engkau mengharapkan menuai buah yang tidak engkau tanam. Mudah-mudahan Allah memberi cucuran rahmat dan keampunannya kepada orang yang rajin berpuasa, sembahyang, berjihad dan bertaqwa.

Ringkas kata: Peliharalah anggotamu yang zahir daripada maksiat-maksiat yang telah disebutkan sebelum ini. Dan ketahuilah bahawa perbuatan anggotamu yang zahir ini hanyalah timbul dari arahan yang datang dari dalam hatimu. Dan apabila engkau bermaksud memeliharakan segala anggotamu yang zahir, maka mulakanlah perbaikan itu dengan membersihkan hatimu dan inilah yang dinamakan dengan *"taqwa batin"* dan hati yang ada di dalam dadamu itulah yang dinamakan dengan *"mudh-gah"* (seketul daging) yang apabila ia baik maka akan baiklah seluruh anggotamu dan apabila ia rosak maka rosaklah seluruh anggotamu dan kebersihan hati itu hanyalah dicapai melalui Al Muraqabah. [1]

(1) Al Muraqabah iaitu menghadirkan hati bersama Allah dan merasakan pandangannya pada setiap masa

FASAL KEDUA

CARA-CARA MENINGGALKAN MAKSIAT BATIN (MAKSIAT HATI)

Ketahuilah bahawasanya sifat yang tercela yang ada di dalam hati itu banyak sekali dan menyucikan hati daripada kekotoran itu berhajat kepada usaha yang berterusan. Manakala cara mengubatinya pula sangat susah dan telah hilang pula ilmu dan amal (yang mesti diikuti untuk membersihkan hati) kerana orang telah melupakannya dan mereka terlalu sibuk dengan menghimpunkan perhiasan dunia. Dan telah kami sebutkan segala yang berkenaan dengan masalah ini di dalam kitab Ihya Ulumiddin pada juzuk yang membicarakan Al Muhlikat (ertinya : Perkara-perkara yang membawa kepada kebinasaan seseorang) dan pada juzuk yang membicarakan Al Munjiat (ertinya : perkara-perkara yang perlu diikuti untuk mendapat keselamatan). [1]

Walaupun demikian, di sini kami cuba untuk menyebutkan tiga perkara daripada sifat hati yang sangat jahat, iaitu sifat yang ghalib wujud di kalangan ulama yang ada pada zaman sekarang ini, supaya dapat engkau jauhi daripadanya kerana sifat-sifat ini membawa kepada kebinasaan diri dan merupakan punca-punca bagi beberapa sifat-sifat yang tercela. Sifat-sifat itu ialah hasad, riak dan ujub. Maka bersungguh-sungguhlah engkau dalam membersihkan hatimu daripadanya, kerana apabila engkau telah

(1) Lihat Ihya Ulummiddin bicara Al Muhlikat pada juzuk yang ketiga dan bicara Al Munjiat pada Juzuk yang keempat.

dapat membersihkan hatimu daripadanya, engkau akan dapat mengetahui cara-cara untuk menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji yang lain. Tetapi seandainya engkau tidak mampu menyucikan hatimu daripadanya, maka engkau lebih tidak mampu lagi menghadapi sifat-sifat yang lain. Dan janganlah engkau beranggapan bahawa apabila engkau sudah mempunyai niat yang baik dalam mengaji ilmu bererti engkau telah selamat daripada segala sesuatu yang merbahaya sedangkan di hatimu masih bertapak sifat hasad, riak dan ujub. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. bersabda :

ثَلاَثٌ مُهْلِكَاتٌ: شُحٌّ مُطَاعٌ، وَهَوًى مُتَّبَعٌ، وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ.

Ertinya : "Ada tiga sifat yang dapat membinasakan seseorang; sifat bakhil yang dipatuhi, hawa nafsu yang diikuti dan merasa bangga dengan diri sendiri."

Pertama : Cara meninggalkan sifat hasad.

Sifat hasad ini adalah bercabang daripada sifat bakhil kerana orang yang bakhil ialah orang yang tidak mahu memberikan sesuatu yang ada di tangannya kepada orang lain. Dan syahih (bersangatan bakhil) ialah orang yang tidak mahu melihat kurnia Allah atau perbendaharaan Allah yang sebenarnya bukan perbendaharaannya tercurah kepada siapa sahaja daripada hamba Allah. Maka *syahih* ini lebih jahat daripada *bakhil* dan orang yang *hasud* ialah orang yang merasa keberatan bahawa Allah mencurahkan nikmat dan kurnia kepada salah seorang di antara hamba-hamba Allah, sama ada nikmat itu berupa ilmu, harta, kecintaan manusia atau apa sahaja habuan yang diberikan Allah

kepada hamba-hambanya sehingga orang yang hasad ini bercita-cita kalau boleh nikmat Allah itu hilang dari orang lain walaupun ia tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada hilangnya nikmat tersebut. Maka sifat hasad ini adalah kejahatan yang luar biasa kerana itu Rasulullah S.A.W. pernah bersabda :

الْحَسَدُ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ

Ertinya : "Sifat hasad itu memakan akan pahala kebaikan seperti api memakan kayu bakar."

Dan orang yang hasad ini sebenarnya sentiasa jauh daripada kasih sayang dan sentiasa berada di dalam siksaan di dunia ini dan di akhirat nanti. Di dunia ini ia terseksa dengan tekanan perasaan kerana bila-bila masa Allah selalu mencurahkan kurnianya kepada orang ramai bahkan kepada kawan-kawan orang yang hasad itu yang ia mengenali mereka. Allah sentiasa mencurahkan nikmat ilmu, harta dan kedudukan maka sentiasa pula orang yang hasad itu dalam penyiksaan bila ia melihat kemurahan Allah terhadap orang lain. Maka begitulah keadaannya sampai ke akhir hayatnya. Manakala di akhirat pula lebih dahsyat lagi kerana seseorang hamba tidak akan mencapai hakikat iman selama ia belum lagi mencintai bagi seluruh kaum muslimin apa-apa yang ia cintai bagi dirinya sendiri bahkan sepatutnya hendaklah ia bersama dengan perasaan seluruh kaum muslimin baik dalam kesenangan ataupun dalam kesusahan kerana orang Islam itu ibarat sebuah bangunan, di mana satu bahagian mengukuhkan bahagian yang lain dan seperti sebatang tubuh apabila mana-mana anggota merasa sakit maka penderitaan itu dirasakan oleh seluruh anggota badan yang lain. Jadi jika engkau dapati hatimu bukan dalam keadaan yang seperti ini

maka {sifat hasad masih wujud di dalam hatimu dan} hendaklah engkau berusaha untuk membersihkannya kerana usahamu dalam meninggalkan penyakit hati ini adalah lebih penting daripada engkau menyibukkan diri untuk mendalami ilmu furuk (cabang ilmu fekah yang halus-halus) yang ganjil-ganjil dan memperdalami masalah-masalah yang dikhilafkan oleh para ulama.

Kedua : Cara meninggalkan sifat riak.

Adapun riak maka itulah yang dinamakan *"syirik khafi"* satu di antara dua bahagian syirik.[1] Dan yang dimaksudkan dengan riak ialah bahawa engkau mencari sebarang penghargaan di hati manusia sehingga dengan itu engkau dapat mencapai kepangkatan dan kebesaran. Manakala cinta kepada pangkat dan kedudukan pula termasuk dalam istilah ***"Hawan Muttaba'"*** ertinya : Hawa nafsu yang diperturutkan. Dengan penyakit riak ini ramai orang yang menjadi binasa. Maka tidak ada yang membinasakan manusia kecuali hanya manusia. Seandainya manusia mahu memikirkan hakikat perbuatan mereka tentu mereka tahu bahawa kebanyakan ilmu yang mereka cari - apatah lagi adat yang mereka lakukan - tidak lain adalah berpunca dari dorongan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain sedangkan tujuan seperti ini adalah menghilangkan pahala amalan seperti yang disebutkan di dalam hadis:

انَّ الشَّهِيْدَ يُؤْمَرُ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ اِلَى النَّارِ، فَيَقُوْلُ: يَارَبِّ اُسْتُشْهِدْتُ فِى سَبِيْلِكَ، فَيَقُوْلُ اللّٰهُ تَعَالَى: بَلْ اَرَدْتَ اَنْ يُقَالَ: فُلاَنٌ شُجَاعٌ، وَقَدْ قِيْلَ ذٰلِكَ، وَذٰلِكَ اَجْرُكَ

(1) Syirik itu terbahagi kepada dua : Pertama, syirik khafi, ertinya syirik yang samar, iaitu riak. Dan yang kedua syirik jali, ertinya syirik yang jelas, iaitu syirik menyembah berhala.

Ertinya : "Sesungguhnya ada orang yang mati syahid yang akan dihumbankan ke dalam api neraka pada hari kiamat nanti. Lalu ia merasa hairan dan mengadukan halnya kepada Allah sambil berkata: Wahai Tuhanku! Bukanlah aku telah mati syahid dalam membela agamamu ? Allah menjawab: {Tidak} Sebenarnya engkau sanggup mati syahid supaya engkau dikatakan seorang yang berani. Dan telah pun dikatakan orang demikian kepadamu. Maka itulah ganjaranmu.

Begitulah pula halnya dikatakan kepada orang yang alim, haji dan qari {yang mereka riak pada amalan mereka}[1]

Ketiga : Cara meninggalkan sifat ujub.

Ujub, takbur dan merasa bangga dengan diri sendiri adalah satu penyakit hati yang sangat susah diubati. Dan ujub itu ialah memandang kepada diri sendiri dengan pandangan kemuliaan dan kebesaran dan memandang terhadap orang lain dengan pandangan penghinaan.

Dan alamat yang nampak pada lidah orang yang ujub itu ialah ia selalu mengatakan aku begini-begini, aku begini seperti perkataan Iblis {kepada Allah ketika ia tidak mahu sujud kepada Nabi Adam A.S.}

أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ

Maksudnya : "Aku lebih baik daripadanya (Adam) kerana

(1) Hadis seumpama itu diriwayatkan di dalam kitab Muslim Fi Kitab Al Imarah

Engkau menjadikan aku daripada api dan Engkau menjadikannya daripada tanah."

(Surah Al A'raf, ayat 12)

Dan alamat yang nampak bagi seseorang yang ujub itu di dalam majlis orang yang ramai ialah ia selalu suka mengangkatkan dirinya dan menganggapnya lebih berkebolehan daripada orang lain dan ia suka menonjolkan diri di dalam perbincangan dan tidak senang kalau ada orang lain menolak pandangannya. Dan orang yang takbur tidak senang apabila ia diberi nasihat dan mengkasarkan bahasa kalau ia memberi nasihat kepada orang lain. Maka siapa yang menganggap dirinya lebih baik daripada orang lain maka orang itu bersifat takbur. Dan sebaiknya hendaklah ia mengetahui bahawa orang yang sebenarnya baik itu ialah orang yang baik di sisi Allah dan masalah ini tidak ada siapa yang mengetahuinya kerana ia tertakluk kepada *"Khatimah"* {akhir umur seseorang} maka i'tiqadmu di dalam dirimu bahawa engkau lebih baik daripada orang lain adalah berpunca daripada kejahilan semata-mata.

Sepatutnya janganlah engkau melihat kepada seseorang kecuali engkau melihat bahawa ia adalah lebih baik di sisi Allah daripada engkau dan ia mempunyai beberapa kelebihan atas dirimu. Maka jikalau engkau melihat orang yang lebih muda daripadamu maka hendaklah engkau berkata (di dalam hati) *"Budak ini belum pernah lagi membuat maksiat kepada Allah sedangkan aku sudah banyak berbuat maksiat maka tidak syak lagi bahawa ia lebih baik daripadaku"*. Dan apabila engkau melihat orang yang lebih tua daripadamu maka hendaklah engkau berkata : *"Orang yang ini menyembah Allah lebih dahulu daripadaku maka tidak syak lagi bahawa ia lebih baik daripadaku."* Dan apabila engkau melihat orang yang alim maka hendaklah engkau berkata : *"Orang alim ini telah dikurniakan kepadanya bermacam-macam pemberian yang tidak dikurniakan kepadaku dan ia telah sampai ke mertabat yang aku tidak sampai kepadanya dan ia mengetahui perkara yang tidak aku ketahui maka betapa aku sama dengannya."* Dan apabila engkau melihat orang yang jahil maka hendaklah engkau berkata: *"Orang yang jahil ini berbuat maksiat akan Allah dengan kejahilannya tetapi aku mengerjakan maksiat berserta dengan ilmuku maka Allah S.W.T. akan berhujah ke atas diriku dan aku belum tahu lagi bagaimana aku akan mengakhiri kehidupanku ini."* Dan apabila engkau melihat orang yang kafir maka hendaklah engkau berkata: *"Aku belum tahu lagi boleh jadi nanti ia masuk Islam lalu ia mengakhiri hidupnya dengan* ***"husnul khatimah"*** *(mati dalam keadaan yang baik atau beriman) dan dengan sebab dia masuk Islam ia telah keluar daripada dosa-dosanya seperti keluarnya sehelai rambut daripada bancuhan (adunan) roti sedangkan aku -* ***wal iya zubillah*** *(mudah-mudahan Allah memelihara kita) boleh jadi berubah menjadi sesat setelah mendapat pertunjuk maka aku menjadi kafir dan kehidupanku akan diakhiri dengan* ***"su-ul khatimah"*** *(mati dalam keadaan kafir) maka orang kafir ini pada hari kiamat nanti akan dikumpulkan bersama dengan orang-orang yang muqarrabin sedangkan aku akan diseksa di dalam api neraka."* ***Nauzubillahi min zalik.***

Dan sifat takbur tidak akan keluar daripada hatimu kecuali bila engkau mengetahui bahawa orang yang sebenarnya mulia itu ialah orang yang mulia di sisi Allah dan masalah ini tertakluk kepada *"khatimah"* (kesudahan daripada kehidupan seorang) sedangkan perkara ini masih belum dapat diyakinkan. Maka

{bila engkau berfikir demikian} nescaya hatimu sentiasa akan takut dengan "*khatimah*" sehingga engkau tidak berani membesarkan diri dan engkau terpaksa banyak membuat andaian terhadap orang lain. Walaupun sekarang ini engkau yakin dan beriman kepada Allah namun keadaan ini tidak menghalang kemungkinan berlakunya perubahan-perubahan pada pendirianmu pada suatu masa yang akan datang kerana Allah berkuasa merubah-rubah hati manusia dan ia dapat memberi hidayah kepada siapa sahaja yang Dia kehendaki dan Dia berkuasa pula menyesatkan siapa sahaja yang dikehendakiNya.

Sangat banyak hadis-hadis yang berkenaan dengan celaan terhadap sifat hasad, takbur, riak dan 'ujub tetapi rasanya cukuplah bagimu sebuah hadis yang telah menghimpunkan segala maksud yang berkenaan dengan sifat-sifat tersebut. Di mana Imam Abdullah bin Al Mubarak R.A. telah meriwayatkan di dalam kitab Al Zuhd dengan sanad beliau daripada seorang lelaki{iaitu Khalid bin Maadan} yang pernah berkata kepada Muaz:

"Wahai Muaz! Ceritakanlah kepadaku sebuah hadis yang pernah engkau dengar daripada Rasulullah S.A.W..

Berkata rawi hadis tersebut {Khalid bin Maadan} lalu Muaz menangis sehingga aku sangka ia tidak dapat berhenti tetapi akhirnya Muaz berhenti daripada tangisannya kemudian lalu Muaz berkata: Aku mendengar Rasulullah S.A.W. pernah bersabda kepadaku :

Wahai Muaz! Sebenarnya aku mahu menceritakan kepada kamu sebuah hadis jikalau engkau mampu memeliharanya pasti

ia akan memberi manfaat akan dikau di sisi Allah tetapi jika engkau mensia-siakannya dan tidak memeliharanya maka akan terputuslah hujjahmu di hadapan Tuhan pada hari kiamat nanti.

Wahai Muaz! Sesungguhnya Allah S.W.T. telah menjadikan tujuh orang malaikat sebelum ia menciptakan langit dan bumi kemudian lalu ditentukannya pada setiap langit seorang malaikat daripada mereka untuk menjaga pintu langit tersebut. Lalu naiklah malaikat Hafazhah membawa amalan seseorang hamba yang dilakukannya mulai dari pagi sampai ke petang. Amalan tersebut mempunyai nur bagaikan cahaya matahari, sehingga apabila malaikat Hafazhah yang membawa amalan hamba itu sampai ke langit yang pertama. Mereka menganggap bahawa amalan itu baik dan sangat banyak lalu berkata malaikat penjaga langit pertama itu bagi malaikat Hafazhah :

"Pukulkan dengan amalan ini akan muka orang yang mengerjakannya. Akulah malaikat penjaga ghibah {mengumpat}. Allah telah menyuruhku supaya aku tidak membiarkan amalan orang yang mengumpat orang lain itu dapat melalui aku untuk terus naik ke atas."

Kemudian datang pula malaikat Hafazhah membawa amalan seseorang hamba. Mereka menganggap bahawa amalan itu sangat baik dan sangat banyak (Malaikat itu berjaya melintasi langit yang pertama kerana orang yang mengerjakan amalan tersebut tidak terlibat dengan dosa mengumpat orang) sehingga mereka sampai ke langit yang kedua lalu berkata malaikat penjaga langit yang kedua itu:

"Berhenti kamu di sini dan pukulkan dengan amalan ini

akan muka orang yang mengerjakannya kerana ia menghendaki dengan amalannya akan mendapat keuntungan dunia. Allah telah menyuruhku supaya aku tidak membiarkan amalan orang seperti ini melintasi aku untuk terus naik ke atas. Selain daripada itu ia juga suka membesarkan diri di dalam majlis perjumpaan. Akulah malaikat penjaga kebesaran."

Kemudian naik pula malaikat Hafazhah membawa amal seseorang hamba yang penuh dengan sinaran dan cahaya daripada pahala sedekah, sembahyang, puasa. Para malaikat Hafazhah merasa hairan melihat keindahan amalan tersebut lalu mereka membawa amalan itu (melintasi langit yang pertama dan kedua) sehingga sampai ke pintu langit yang ketiga maka berkata malaikat penjaga langit ketiga itu :

"Berhenti kamu di sini dan pukulkan dengan amalan ini akan muka orang yang mengerjakannya. Akulah malaikat takbur. Allah menyuruhku supaya tidak membiarkan amalan orang yang takbur dapat melintasiku. Orang itu sangat suka membesarkan diri di dalam majlis orang ramai."

Kemudian naik pula malaikat Hafazhah membawa amal seseorang hamba. Amal itu bersinar-sinar seperti bersinarnya bintang yang berkelip-kelip. Baginya suara tasbih, sembahyang, puasa, haji dan umrah. Para malaikat Hafazhah berjaya membawa amalan itu sehingga sampai ke pintu langit yang keempat maka berkata malaikat penjaga langit keempat itu :

"Berhenti kamu di sini dan pukulkan dengan amalan ini akan muka orang yang mengerjakannya, belakang dan juga perutnya. Akulah malaikat ujub. Allah menyuruhku supaya tidak

membiarkan amalan orang yang ujub dapat melintasiku. Ia beramal adalah dengan dorongan perasaan ujub terhadap dirinya."

Kemudian naik pula malaikat Hafazhah membawa amal seseorang hamba sehingga mereka berjaya sampai ke pintu langit yang kelima seolah-olah amalan itu pengantin yang dihantar (disambut) ke rumah suaminya (maksunya amalannya itu berseri-seri) lalu berkata malaikat penjaga langit yang kelima:

"Berhenti kamu dan pukulkan dengan amal ini akan muka orang yang mengerjakannya dan campakkanlah di atas tengkoknya. Akulah malaikat hasad ia sangat hasud kepada orang yang belajar ilmu dan beramal seperti amalannya. Ia hasut akan orang lain yang melakukan sebarang kelebihan di dalam ibadat ia juga mencela mereka. Allah menyuruhku supaya aku tidak membiarkan amalan orang yang hasud ini melintasi aku."

Kemudian naik pula malaikat Hafazhah membawa amalan seseorang hamba. Baginya cahaya seperti bulan purnama daripada sembahyang, zakat, umrah, jihad dan puasa. Malaikat Hafazhah berjaya membawa amalannya sehingga sampai ke langit yang keenam lalu berkata malaikat penjaga langit tersebut:

"Berhentilah kamu dan pukulkan amalan ini akan muka orang yang mengerjakannya kerana ia tidak belas kasihan kepada hamba-hamba Allah yang terkena bala dan kesusahan bahkan ia merasa gembira dengan demikian. Akulah malaikat rahmat. Allah menyuruhku supaya tidak membiarkan amalan orang yang seperti ini dapat melintasi aku."

Kemudian naiklah pula malaikat Hafazhah membawa amalan seseorang hamba. Amalan itu ialah sembahyang, puasa, nafkah, jihad dan warak. Baginya bunyi {maksudnya bunyi zikir} seperti bunyi lebah dan baginya cahaya seperti cahaya matahari dan naiklah bersama dengan amalan itu tiga ribu orang malaikat. Mereka telah berjaya membawanya sehingga sampai ke pintu langit yang ketujuh maka berkata malaikat penjaga pintu langit tersebut:

"Berhentilah kamu dan pukulkan dengan amalan ini akan muka orang yang mengerjakannya bahkan pukulkan pula akan seluruh anggota badannya dan tutupkan ke atas hatinya. Akulah malaikat zikir {zikir di sini bermakna : mencari sebutan, iaitu seorang yang beramal dengan tujuan supaya disebut-sebut oleh orang lain}. Aku akan menghalang amalan orang yang riak dari sampai kepada Tuhanku. Ia beramal bukan kerana mencari keredhaan Allah tetapi hanya bertujuan supaya mendapat tempat yang tinggi di hati para fukaha dan supaya disebut di kalangan para ulama dan supaya masyhur namanya di merata tempat. Allah menyuruhku supaya tidak membiarkan amalan orang yang riak itu melintasi aku, kerana setiap amalan yang tidak ikhlas adalah riak dan Allah tidak akan menerima amalan orang yang riak."

Kemudian naik pula malaikat Hafazhah dengan amalan seseorang hamba. Amalan itu berupa sembahyang, zakat, puasa, haji, umrah, akhlak mulia, banyak berdiam {daripada perkara yang tidak berguna} dan banyak berzikir. Amalan hamba ini diusung oleh para malaikat penjaga tujuh petala langit sehingga mereka melintasi segala halangan dan sampai kepada Allah.

Para malaikat itu berhenti di hadapan Allah dan bersaksi dengan keikhlasan dan kebaikan amalan tersebut lalu Allah berfirman kepada para malaikatnya:

"Kamu adalah yang bertugas menjaga amalan hambaKu ini dan sebenarnya Aku lebih mengetahui dengan segala isi hatinya. Ia sebenarnya tidak menghendaki akan Aku dengan amalannya tersebut. Ia hanya menghendaki sesuatu yang lain daripadaKu oleh kerana itu maka Aku turunkan ke atasnya akan laknatKu.

" Lalu para malaikat tadi berkata :

"Ke atasnya laknatMu dan juga laknat kami." Lalu melaknat akan dia oleh tujuh petala langit dan seisinya.

Mendengar sabda Rasulullah S.A.W. ini lalu Muaz menangis seraya berkata: "Engkau adalah Rasulullah S.A.W. sedangkan aku adalah Muaz {hamba Allah yang bukan Rasul}. Maka bagaimana aku dapat selamat dan sejahtera. Lalu Rasulullah S.A.W. menjawab :

"Hendaklah engkau ikuti aku walaupun hanya dengan sedikit amalan. Wahai Muaz jaga lidahmu baik-baik daripada mencela saudaramu yang membaca Al Quran {golongan Ulama} dan pertanggungkanlah segala dosamu ke atasmu dan jangan engkau mempertanggungkan dosamu ke atas mereka dan jangan engkau menganggap dirimu bersih dan jangan pula engkau mencela orang lain dan jangan engkau memuji dirimu di hadapan mereka. Dan jangan engkau campurkan urusan dunia di dalam urusan akhirat. Dan jangan engkau menyombong diri

di dalam majlis nanti orang ramai akan takut kepadamu kerana kejahatanmu dan jangan engkau berbisik kepada seseorang sedangkan seorang lagi ada di sisimu dan jangan engkau membesarkan dirimu maka akan terputus daripadamu segala kebaikan di dunia dan di akhirat. Dan jangan engkau carikkan {pecah belah} akan manusia maka mencarik akan dikau oleh anjing-anjing api neraka pada hari kiamat nanti. Allah telah berfirman:

وَٱلنَّـٰشِطَـٰتِ نَشْطًا

Maksudnya: Demi yang mencarik akan carikkan.

(Surah Al Nazi'at, ayat 2)

Apakah engkau ketahui wahai Muaz siapakah mereka yang mencarik itu ? Muaz bertanya: *"Ya Rasulullah, sebenarnya siapa mereka?"* Lalu Nabi S.A.W. menjawab: *"Itulah anjing-anjing garang di dalam api neraka yang akan mencarikkan daging sehingga sampai ke tulang."*

Muaz bertanya: *"Ya Rasulullah siapakah orang yang mampu melaksanakan segala perkara yang engkau sebutkan tadi? Dan siapakah yang akan selamat daripada seksaan itu?"* Nabi S.A.W. menjawab: *"Itu sebenarnya mudah bagi orang yang dimudahkan oleh Allah"* Kemudian lalu Khalid bin Maadan berkata: *"Maka aku tidak pernah melihat seseorang yang banyak membaca Al Quranul Karim lebih daripada Muaz kerana beliau faham terhadap hadis yang besar ini."*[1]

(1) Hadis ini riwayat Ibnul Mubarak di dalam Kitab Al Zuhd dan riwayat Ibnul Jauzi di dalam kitab Al Maudhu'at (lihat Takhrij Al Iraqi, Ihya Ulumiddin 3/295)

Maka hendaklah engkau renungkan baik-baik perkara yang terkandung di dalam hadis ini wahai orang yang gemar kepada ilmu pengetahuan dan ketahuilah bahawasanya sebesar-besar sebab yang dapat mengukuhkan perangai yang jahat di dalam hati ialah menuntut ilmu dengan tujuan hendak menunjukkan kelebihan dan dengan tujuan supaya pandai bercakap kerana orang awam {orang yang tidak berilmu} adalah agak lebih jauh daripada perangai-perangai yang jahat dan orang yang mencari ilmu adalah menjadi sasaran penyakit-penyakit hati yang dapat membinasakan.

Maka lihatlah pada dirimu dan timbanglah baik-baik, yang mana yang lebih penting dan yang mana lebih baik. Apakah yang lebih baik itu belajar ilmu yang membawa engkau supaya berhati-hati daripada segala perkara yang dapat membinasakan engkau lalu engkau sibuk dengan memperbaikki hatimu dan membangun akhiratmu ataukah yang lebih baik itu engkau bergaul dengan orang yang bercakap kosong maka engkau mencari ilmu yang menjadikan engkau orang yang takbur, riak, hasad, ujub sehingga akhirnya engkau binasa bersama dengan orang yang binasa. Dan ketahuilah olehmu bahawa tiga perkara ini {hasad, riak, dan ujub} ialah punca kepada segala penyakit hati dan baginya tempat tumbuh yang sama, iaitulah "*hubbud dun-ya*" {cinta dunia} oleh kerana itu Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ خَطِيئَةٍ

Ertinya : Cinta dunia itu adalah punca daripada segala kejahatan.[1]

(1) Hadis Mursal riwayat Al Baihaqi dengan sanad yang hasan daripada Imam Hasan Al Bashri.
(Lihat Al-Maqashidul Hasanah lis Sakhawi, Babul haa).

Namun demikian dunia juga adalah bendang untuk akhirat. Maka siapa yang mengambil dunia sekadar yang ia perlukan, iaitu sekadar yang digunakannya untuk sampai ke negeri akhirat maka dunia yang seperti ini adalah ladang akhirat, tetapi siapa yang mengambil dunia hanya semata-mata untuk mencari kesedapan dan kebahagiaan maka dunia itu pasti akan membinasakannya.

Inilah sedikit sebanyak yang kami sebutkan dalam bicara "*taqwa yang zahir*" yang merupakan permulaan jalan dalam menuju hidayah. Apabila engkau mencubanya dan engkau dapati nafsumu dapat mengikutinya maka teruskanlah dengan membaca kitab Ihya Ulumiddin supaya engkau sampai kepada bicara *taqwa yang batin*. Kemudian setelah itu apabila hati nuranimu telah engkau penuhkan dengan taqwa maka ketika itulah akan terbuka pula bagimu segala hijab antaramu dan antara Tuhanmu dan akan terbuka pula bagimu segala cahaya Ma'rifat dan akan mengalir daripada hatimu pancaran hikmah dan akan jelaslah bagimu segala rahsia *alam mulk* (alam yang nampak di mata) dan rahsia *alam malakut* (alam yang tidak nampak) dan akan mudahlah bagimu mencapai ilmu hakikat yang menjadikan engkau memandang rendah terhadap ilmu yang baru-baru yang tidak ada disebutkan di zaman para sahabat dan para tabi'in R.A.

Dan jika engkau hanya menuntut ilmu "*Qila wa Qala*" (ertinya ilmu perdebatan) dan ilmu perbalahan dan khilafiyah, maka alangkah besarnya musibahmu dan alangkah panjangnya kesusahanmu dan alangkah besarnya kehilanganmu. Ketika itu buatlah apa sahaja yang engkau kehendaki kerana dunia yang engkau tuntut dengan menggunakan agama sudah tidak selamat

lagi bagimu manakala akhiratmu pula pasti akan hilang daripadamu. Maka sesiapa yang mencari dunia dengan menggunakan agama ia akan rugi di dunia dan akhirat dan siapa yang meninggalkan dunia dan memberi penumpuan kepada agama pasti ia akan untung kedua-duanya sekali.

Maka inilah kata-kata pertunjuk untuk engkau memulakan perjalananmu pada bermuamalat dengan Allah Taala dan menunaikan segala suruhanNya dan menjauhkan segala larangan-Nya. Sekarang aku akan sebutkan kepadamu beberapa pertunjuk pula yang dapat engkau jadikan panduan dalam hidupmu di dunia ini bersama dengan (Tuhanmu dan bersama dengan) segala hamba-hamba Allah Taala.

BAHAGIAN KETIGA

ADAB-ADAB PERGAULAN DAN PERSAHABATAN DENGAN KHALIQ (TUHAN) DAN MAKHLUK

FASAL PERTAMA
ADAB-ADAB DENGAN ALLAH TAALA

Ketahuilah bahawasanya sahabatmu yang tidak pernah bercerai daripadamu, sama ada engkau berada di kampung mahupun musafir, di waktu tidur atau jaga bahkan di waktu hidup dan matimu ialah Tuhanmu dan Penghulumu dan Penolongmu dan Penciptamu. Apabila engkau menyebutNya, dia akan ada bersama denganmu kerana firman Allah Taala {dalam hadis qudsi} :

أَنَا جَلِيْسُ مَنْ ذَكَرَنِي

Ertinya : "Aku sekedudukkan bersama siapa yang mengingatiku."

Dan Allah berfirman pula {dalam hadis qudsi} :

أَنَا عِنْدَ الْمُنْكَسِرَةِ قُلُوْبُهُمْ مِنْ اَجْلِي

Ertinya : "Aku di sisi mereka yang hancur hatinya kerana mengingatiKu."

Jikalau engkau Ma'rifat akan Tuhanmu dengan sebenar ma'rifat pasti engkau akan menjadikanNya sebagai sahabat dan engkau meninggalkan yang lain daripadanya. Dan jikalau engkau tidak mampu berbuat demikian pada sekalian waktumu maka janganlah kosong siang dan malammu daripada waktu yang telah engkau tentukan untuk bersunyi diri denganNya dan engkau berlazat-lazat dengan munajatNya. Oleh kerana itu maka sudah menjadi kewajipan supaya engkau mengetahui adab-adab persahabatanmu denganNya:

Adab-adab itu ialah:

1- Menundukkan kepala di hadapanNya.
2- Merendahkan pandangan di hadapanNya.
3- Menumpukan perhatian kepadaNya.
4- Mendiamkan segala anggota badan.
5- Bersegera mengikuti perintahNya.
6- Menjauhi laranganNya.
7- Tidak menyangkal perbuatanNya (Tidak menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap takdirNya).
8- Mengakali zikir (ingat) kepadaNya.
9- Melazimi fikir tentang qudratNya.
10- Mengambil yang hak dan meninggalkan yang batil
11- Putus harapan daripada makhluk
12- Tunduk kerana kehebatanNya
13- Pecah hati kerana malu daripadaNya.

14- Merasa tenang dalam kehidupan kerana percaya dengan jaminanNya.

15- Bertawakal (berserah diri) kepada kelebihanNya kerana percaya dengan pilihanNya.

Maka inilah sekalian adab yang patut menjadi pakaianmu di waktu siang dan waktu malam bersama dengan sahabatmu yang tidak pernah bercerai daripadamu, bersalahan dengan makhluk maka engkau berpisah dengan mereka pada sebahagian masamu.

FASAL KEDUA
ADAB-ADAB ORANG ALIM (ADAB-ADAB SEORANG GURU)

Jika engkau seorang guru maka hendaklah engkau jaga adab-adab ini:

1- Ihtimal (banyak sabar menanggung kesusahan)

2- Lambat marah.

3- Duduk dengan haibah atas kelakuan yang tetap serta menundukkan kepala.

4- Meninggalkan takbur atas sekalian hamba Allah Taala kecuali terhadap orang yang zalim kerana menegahkan daripada kezalimannya.

5- Memilih tawadu' yakni merendahkan diri pada perhimpunan orang ramai dan pada majlis orang ramai

6- Meninggalkan bergurau dan bermain-main.

7- Kasih sayang dengan murid dan lemah lembut dengan yang kurang pandai.

8- Membimbing murid yang bebal.

9- Tidak memarahi murid yang bodoh.

10- Tidak malu daripada berkata *"aku tidak tahu"* (bagi masalah yang tidak diketahuinya).

11- Memberikan perhatian kepada murid yang bertanya dan cuba memahami soalannya dengan baik.

12- Menerima hujjah atau dalil yang dihadapkan kepadanya

13- Tunduk kepada kebenaran dengan kembali kepadanya ketika ia tersalah.

14- Melarang murid daripada ilmu yang boleh memudaratkan.

15- Melarang murid daripada menghendaki yang lain dari Allah dengan ilmunya.

16- Melarang murid daripada menuntut ilmu yang fardhu kifayah sebelum selesai daripada menuntut ilmu yang fardhu Ain. Dan ilmu yang fardhu ain itu ialah yang berkenaan dengan membaikkan zahir dan batin dengan taqwa.

17- Memperbaiki diri sendiri dengan taqwa sebelum ia menyuruh orang lain, supaya muridnya dapat mencontohi amalannya dan mengambil manfaat daripada percakapannya (ilmunya).

FASAL KETIGA
ADAB-ADAB SEORANG MURID

Adapun Adab-adab seorang murid terhadap gurunya maka iaitu:

1- Apabila ia menemui gurunya maka hendaklah ia memberi salam kepadanya terlebih dahulu.

2- Jangan membanyakkan bercakap-cakap di hadapan gurunya.

3- Jangan ia bercakap-cakap sebelum gurunya bertanya kepadanya.

4- Jangan ia bertanya kepada gurunya sebelum ia meminta izin.

5- Jangan ia menyangkal (menunjukkan rasa tidak puas hati) terhadap perkataan gurunya seperti ia berkata si pulan itu menyalahi akan yang engkau kata itu.

6- Jangan ia mengisyaratkan kepada gurunya dengan menyalahi pendapatnya maka ia menyangka bahawa ia lebih mengetahui daripada gurunya.

7- Jangan ia berbisik dengan orang yang duduk di tepinya ketika gurunya memberikan pelajaran.

8- Jangan ia berpaling ke kiri dan ke kanan di hadapan gurunya tetapi hendaklah ia menundukkan kepalanya dengan penuh tenang lagi beradab seolah-olah dia sedang sembahyang.

9- Jangan ia membanyakkan soalan kepada gurunya ketika ia letih.

10- Apabila gurunya berdiri hendaklah ia berdiri untuk menghormatinya.

11- Jangan mengikuti gurunya dengan perkataan atau soalan ketika ia bangkit dari majlisnya.

12- Jangan bertanya kepada gurunya di tengah jalan sehingga ia sampai ke rumahnya atau ke tempat duduknya.

13- Jangan jahat sangka terhadap gurunya apabila ia melihat gurunya mengerjakan sesuatu pekerjaan yang pada zahirnya menyalahi ilmunya {bukan menyalahi agama} maka gurunya itu adalah lebih mengetahui dengan rahsia segala perbuatanya dalam hal ini hendaklah ia mengingati akan perkataan Nabi Musa A.S. bagi Nabi Khidhir A.S. seperti yang disebutkan dalam Al Quran :

قَالَ أَخَرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا إِمْرًا

Maksudnya: "Berkata {Nabi Musa kepada Nabi Khidhir} : Apakah engkau rosakkan kapal ini untuk engkau menenggelamkan semua penumpangnya. Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar."[1]

(Surah Al Khafi, ayat 71)

Maka hendaklah ia mengingati bahawa sebenarnya dia yang

(1) Dan lihat kisah Nabi Musa A.S dengan Nabi Khidhir A.S. dalam surah Al Kahfi, ayat 60 - 82

tersalah pada keingkarannya itu. Kerana ia hanya memandang hukum yang zahir pada sisinya sahaja.

FASAL KEEMPAT
ADAB-ADAB DENGAN IBU BAPA

Adab-adab seorang anak terhadap ibu bapa ialah:

1- Hendaklah ia mendengar dan mengikut segala perkataan ibu bapa.

2- Hendaklah ia berdiri ketika ibubapanya berdiri kerana menghormatinya.

3- Hendaklah ia menjunjung segala perintah keduanya.

4- Jangan ia berjalan di hadapan keduanya.

5- Janganlah ia mengangkat suara lebih tinggi daripada suara keduanya.

6- Hendaklah ia memperkenankan panggilan keduanya.

7- Hendaklah ia sentiasa menuntut keredhaan keduanya.

8- Hendaklah ia bersikap tawadhuk kepada keduanya.

9- Jangan ia menyebut-nyebut jasanya kepada keduanya dan jangan pula ia menyebut sebarang perkhidmatannya bagi keduanya

10- Janganlah ia melihat kepada keduanya dengan pandangan penghinaan.

11- Janganlah ia memasamkan mukanya di hadapan keduanya.

12- Janganlah ia musafir kecuali setelah mendapat izin daripada keduanya.

FASAL KELIMA
ADAB-ADAB DENGAN SELURUH MANUSIA

Dan ketahuilah olehmu bahawasanya seluruh manusia selain daripada guru, murid dan ibu bapa adalah terbahagi kepada tiga ceraian

Ceraian pertama : Orang yang tidak dikenali.

Ceraian kedua : Sahabat karib.

Ceraian ketiga : Orang yang kita kenali (kenal sahaja bukan sahabat karib).

Ceraian pertama

Adab-Adab Dengan Orang YangTidak Dikenali:

1- Jangan engkau menyertai mereka di dalam percakapan yang kosong.

2- Jangan engkau mendengar perkataan mereka yang jahat-jahat.

3- Jangan engkau menghiraukan perkataan mereka pada menjahatkanmu

4- Hendaklah engkau menghindarkan diri daripada banyak berjumpa dengan mereka atau banyak berhajat kepada mereka.

5- Hendaklah engkau memberi teguran dan nasihat terhadap pekerjaan mereka yang mungkar dengan cara yang lemah lembut kalau mereka bersedia menerima perkataanmu.

Ceraian kedua

Adab-Adab Dengan Sahabat (Kawan Karib)

Apabila engkau mahu bersahabat maka terlebih dahulu hendaklah engkau perhatikan dua perkara:

Tugas pertama : Cara memilih sahabat.

Tugas kedua : Cara menunaikan hak-hak persahabatan (adab-adab bersahabat)

Tugas Pertama: **Cara memilih sahabat.**

Di dalam memilih sahabat hendaklah engkau perhatikan syarat-syarat bersahabat maka jangan engkau bersahabat kecuali dengan orang yang layak untuk dijadikan sahabat. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. bersabda:

اَلْمَرْءُ عَلَى دِيْنِ خَلِيْلِه، فَلْيَنْظُرْ اَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

Ertinya : Seseorang itu mengikut agama (cara hidup) sahabatnya. Oleh kerana itu hendaklah seseorang kamu melihat terlebih dahulu siapakah yang patut dijadikan sahabat.

Hadis Riwayat Abu Daud dan Tirmizi dan Baihaqi)

Maka apabila engkau mahu mencari sahabat yang engkau jadikan ia sebagai pembantu di dalam menuntut ilmu dan di dalam urusan agamamu dan duniamu maka hendaklah engkau tuntut daripadanya (engkau pastikan pada dirinya) lima syarat:

1- Orang yang berakal.

Maka tidak ada kebaikan bersahabat dengan orang yang bodoh, kerana akibatnya akan membawa kepada permusuhan dan menyakitkan hati. Dan paling baik yang engkau dapatkan daripadanya ialah engkau terselamat daripada mudaratnya sedangkan ia berusaha untuk membawa manfaat kepadamu kerana musuh yang berakal itu lebih baik daripada sahabat yang bodoh. Di dalam hal ini Saidina Ali bin Abi Talib R.A. pernah berkata:

وَلاَ تَصْحَبْ اَخَا الْجَهْلِ   وَإِيَّاكَ وَإِيَّاهُ

فَكَمْ مِنْ جَاهِلٍ اَرْدَى   حَلِيْمًا حِيْنَ وَاخَاهُ

يُقَاسُ الْمَرْءُ بِالْمَرْءِ   إِذَا مَا الْمَرْءُ مَاشَاهُ

وَلِلشَّيْءِ عَلَى الشَّيْءِ   مَقَايِيْسٌ وَاَشْبَاهُ

وَلِلْقَلْبِ عَلَى الْقَلْبِ   دَلِيْلٌ حِيْنَ يَلْقَاهُ

Ertinya :

**Dan jangan engkau bersahabat dengan orang yang bodoh. Jauhi akan dia.*

**Berapa banyak orang yang jahil yang telah membinasakan orang alim ketika ia bersahabat dengannya.*

** Seseorang itu akan dinilai mengikut tingkatan sahabat yang ia berjalan dengannya.*

** Kerana bagi segala sesuatu ada ukuran dan keserupaannya.*

** Maka begitulah halnya hati yang menyerupai hati yang lain. Ia akan menunjukkan hubungan ketika adanya pertemuan (persahabatan).*

2- Orang yang baik akhlaknya

Maka janganlah engkau bersahabat dengan orang yang jahat perangainya, iaitu orang yang tidak dapat mengawal dirinya ketika marah dan ketika ia diransang oleh nafsu syahwatnya. Dan Saidina 'Alqamah telah menghimpunkan segala akhlak yang baik dalam wasiatnya kepada anaknya ketika ia hendak mati, Alqamah berkata:

Wahai anakku! Apabila engkau mahu bersahabat dengan seseorang maka buatlah persahabatan dengan orang yang;

1- *Apabila engkau berkhidmat kepadanya maka ia akan memelihara akan dikau.*

2- *Apabila engkau bersahabat dengannya maka akan bertambah nilai dirimu.*

3- *Apabila engkau ditimpa kesusahan ia akan turut sama menanggung kesusahanmu.*

4- *Apabila engkau menolong akan dia nescaya ia akan membalas kebaikanmu*

5- *Apabila ia melihat akan kebaikan daripadamu nescaya mengambil kira ia akan dia.*

6- *Apabila ia melihat pada dirimu akan kejahatan, nescaya menutup ia akan dia.*

7- *Apabila engkau berkata nescaya membenarkan ia akan perkataanmu.*

8- *Apabila engkau mengusahakan akan sesuatu perkara nescaya menolong ia akan dikau.*

9- *Apabila engkau berselisih dengannya pada sesuatu, nescaya melebih ia akan dikau.*

Dan berkata Saidina Ali bin Abi Talib R.A.:

إِنَّ أَخَاكَ الْحَقَّ مَنْ كَانَ مَعَكَ وَمَنْ يَضُرُّ نَفْسَهُ لِيَنْفَعَكَ

وَمَنْ إِذَا رَيْبُ الزَّمَانِ صَدَّعَكَ شَتَّتَ فِيكَ شَمْلَهُ لِيَجْمَعَكَ

Ertinya : Saudaramu yang sebenarnya ialah orang yang selalu menolongmu (di waktu senang dan susah) dan ia sanggup berkorban kerana memberi manfaat kepadamu, dan ia sanggup memecahkan (menyelerakkan) segala urusanya kerana menolong engkau dalam menghadapi bala dan ujian.

3- Orang yang soleh

Maka jangan engkau bersahabat dengan orang yang fasik yang selalu mengerjakan dosa yang besar, kerana orang yang takut akan Allah itu tidak mengekali dalam membuat dosa besar dan orang yang tidak takut kepada Allah tidak dapat dipercayai sepenuhnya. Bahkan pendiriannya tidak tetap, selalu berubah-ubah mengikut keadaan dan tekanan. Allah berfirman kepada Rasulullah S.A.W. :

وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ

Maksudnya : "Dan jangan engkau patuh akan orang yang telah Kami lupakan akan hatinya daripada mengingati Kami dan terus sahaja mengikut hawa nafsunya."

(Surah Al Kahfi, ayat 28)

Maka jauhi daripada bersahabat dengan orang yang fasik kerana berterusan melihat perkara-perkara yang fasik dan maksiat itu akan menghilangkan kebencianmu terhadap maksiat tersebut lalu akhirnya engkau merasa ringan memandang maksiat. Cuba kamu lihat! Orang ramai menganggap mudah dosa maksiat ghibah (mengumpat orang) kerana mereka sudah biasa melakukan maksiat tersebut, tetapi jikalau mereka melihat seorang alim memakai cincin emas atau memakai kain sutera nescaya mereka amat mengingkarinya. Pada hal dosa ghibah itu jauh lebih besar daripada dosa memakai cincin emas atau pakaian sutera.

4- Jangan bersahabat dengan orang yang tamak dunia.

Jangan engkau bersahabat dengan orang yang tamak dunia. kerana bersahabat dengannya adalah racun yang dapat membunuh kerana tabiat seseorang itu cepat sekali meniru dan mengikuti tabiat orang lain dan perangai yang baik cepat sekali berubah menjadi jahat, sekira-kira kita tidak menyedarinya. Maka suka sekedudukkan dengan orang yang tamak pada dunia akan menambah tamakmu terhadap dunia. Dan sebaliknya suka sekedudukan dengan orang yang zuhud akan menambah zuhudmu pada dunia.

5. Orang yang benar.

Maka jangan engkau bersahabat dengan orang yang pendusta. Barangkali ia akan menipu engkau, kerana ia laksana fata-

morgana yang seakan-akan mendekatkan yang jauh atau menjauhkan yang dekat.

Maka inilah lima syarat yang perlu engkau cari di dalam memilih sahabat. Barangkali susah engkau mendapatkan orang yang memiliki kesemua sifat-sifat ini walaupun pada orang yang duduk mengaji di surau-surau atau duduk beribadat di dalam masjid. Oleh itu tiada ada jalan bagimu kecuali engkau memilih satu di antara dua jalan:

Pertama : Ber'uzlah, iaitu mengasingkan diri daripada orang ramai, kerana di situlah letaknya keselamatanmu.

Kedua : Bergaul dengan orang ramai mengikut kedudukan mereka masing-masing yang berdasarkan kepada tiga pembahagian:

1- Saudaramu untuk akhiratmu, maka janganlah engkau perhatikan padanya kecuali hanya hal-hal agama.

2- Saudaramu untuk duniamu, maka janganlah engkau perhatikan padanya kecuali hanya akhlak yang baik.

3- Saudaramu untuk kejinakkan hatimu, maka jangan engkau perhatikan padanya kecuali hanya keselamatanmu dari kejahatannya, fitnahnya dan keburukkannya.

Di dalam perumpamaan lain manusia itu terbahagi kepada tiga:

1- Orang yang seumpama makanan asas yang tidak

boleh tidak daripadanya.

2- Orang yang seumpama ubat yang diperlukan pada masa-masa tertentu sahaja bukan setiap masa.

3- Orang yang seumpama penyakit yang perlu dihindari daripadanya, namun terkadang seorang hamba itu dibalakan dengannya walaupun penyakit itu tidak disenanginya dan tidak ada manfaatnya. Maka perlulah seorang itu mengambil langkah-langkah yang bijak supaya ia dapat selamat daripadanya. Namun demikian, di dalam penyakit itu ada satu rahsia besar seandainya engkau mampu menghadapinya, iaitu apabila engkau cuba memperhatikan keadaannya dan kesannya yang buruk, lalu setelah itu engkau pun menjauhkan diri daripadanya.

Pernah orang bertanya kepada Nabi Isa A.S.: *"Siapa sebenarnya yang mengajar adab-adab kepadamu?"* Lalu beliau menjawab: *"Tidak ada seorang juga pun yang mengajarkan adab kepadaku tetapi apabila aku perhatikan kejahilan (maksudnya tidak beradabnya) orang yang jahil timbullah di dalam diriku perasaan mahu menjauhkan diri daripadanya."* Sungguh benar perkataan Nabi Isa A.S. itu. Jikalau orang ramai menjauhkan diri daripada membuat apa-apa yang mereka benci orang lain membuatnya terhadap diri mereka, nescaya sempurna sekalian adab dan masyarakat tidak perlu lagi kepada orang yang mengajarkan adab kepada mereka.

Tugas kedua : **Cara menunaikan hak-hak persahabatan**

1. **Mengenali hak persahabatan.**

Apabila telah terjalin persahabatan antara kamu dengan sahabatmu maka wajiblah ke atasmu menunaikan beberapa hak persahabatan dan wajib pula dijaga adab-adab dalam menunaikan hak-hak itu. Sabda Rasulullah S.A.W.

مَثَلُ الأَخَوَيْنِ مَثَلُ الْيَدَيْنِ، تَغْسِلُ اِحْدَاهُمَا الأُخْرَى

Ertinya : "Perumpamaan dua orang yang bersaudara itu ialah perumpamaan kedua belah tangan, di mana yang satu membasuh yang lain."

(Hadis riwayat Abu Mansor Ad Dilami dalam musnad Firdaus)

Dan Nabi S.A.W. pernah masuk ke dalam hutan lalu beliau mengambil dua bilah kayu miswak yang satu bengkok dan yang satu lagi lurus. Dan adalah bersama Rasulullah S.A.W. pada ketika itu beberapa orang daripada sahabatnya. Kemudian lalu Nabi S.A.W. memberikan kepada salah seorang sahabatnya kayu miswak yang lurus dan beliau menahan kayu miswak yang bengkok untuk kegunaan dirinya sendiri. Maka sahabat itu lalu bertanya: *"Ya Rasulullah sebenarnya engkau lebih berhak untuk mengambil kayu miswak yang lurus ini daripadaku."*

Lalu Rasulullah S.A.W. menjawab:

مَا مِنْ صَاحِبٍ يَصْحَبُ صَاحِبًا وَلَوْ سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ اِلاَّ سُئِلَ عَنْ صُحْبَتِهِ، هَلْ اَقَامَ فِيْهَا حَقَّ اَللهِ تَعَالى اَوْ اَضَاعَهُ.

Ertinya :"Tidak ada seorang jua pun yang bersahabat dengan orang lain walaupun hanya satu saat sahaja, kecuali ia akan ditanyai pada hari kiamat nanti tentang hak persahabatannya, apakah ia telah tunaikan padanya hak Allah atau tidak."

Dan sabda Rasulullah S.A.W. lagi:

مَا اَصْطَحَبَ اِثْنَانِ قَطُّ اِلاَّ كَانَ اَحَبُّهُمَا اِلَى اللّٰهِ تَعَالَى اَرْفَقُهُمَا بِصَاحِبِهِ.

Ertinya : "Tidak bersahabat dua orang yang bersahabat kecuali yang lebih dicintai di sisi Allah ialah orang yang lebih lemah lembut dengan sahabatnya.

2. Adab-adab bersahabat

Seorang sahabat mestilah menjaga adab-adab terhadap sahabatnya, iaitu bahawa ia:

1- Mengutamakan sahabat dengan harta bendanya. Jikalau ia tidak kuasa berbuat demikian maka sekurangnya hendaklah ia memberikan kepada sahabatnya apa-apa yang lebih dari hajat dirinya.

2- Menolong sahabat dengan diri pada segala hajatnya dengan cara bersegera, sebelum berkehendak sahabatnya bahawa ia meminta tolong akan dia.

3- Menyembunyikan rahsia sahabatnya.

4- Menutup keaiban sahabatnya.

5- Berdiam daripada menyampaikan perkataan orang lain yang mencela sahabatnya.

6- Menyampaikan segala perkataan orang lain yang memuji akan sahabatnya.

7- Mendengarkan dengan baik akan perkataan sahabatnya ketika ia bercakap-cakap.

8- Meninggalkan berbantah dengan sahabatnya.

9- Memanggil sahabatnya dengan nama yang terlebih disukainya.

10- Memuji sahabatnya dengan apa yang diketahui daripada kebaikannya.

11- Berterima kasih kepada sahabatnya atas sebarang kebaikannya.

12- Menegahkan orang lain apabila ia mahu mengumpat sahabatnya seperti ia membela dirinya sendiri.

13- Memberi nasihat dengan cara yang lemah lembut dan bahasa yang halus apabila ia berkehendak menasihati sahabatnya.

14- Memaafkan daripada sebarang kesilapan dan kesalahan sahabatnya, maka janganlah ia mencelanya.

15- Mendoakan sahabatnya apabila ia duduk bersendirian, ketika sahabatnya itu masih hidup atau pun setelah ia mati.

16- Mengekalkan kecintaan terhadap keluarga sahabatnya selepas daripada kematian sahabatnya.

17- Jangan suka memberatkan sahabatnya dengan bebanan dan tanggungjawab, bahkan hendak ia

meringankan daripadanya supaya ia sentiasa senang hati kepadanya.

18- Menyatakan rasa kesukaan dengan segala yang menyukakan hati sahabatnya dan juga menyatakan rasa kesusahan pada segala yang menyusahkan hati sahabatnya.

19- Menyamakan antara hakikat kecintaan yang wujud di dalam hati dengan apa yang nampak diluar, maka dengan itu barulah kecintaan itu dianggap benar.

20- Memulakan memberi salam ketika ia menemui sahabatnya.

21- Meluaskan tempat duduk kepada sahabatnya ketika ia masuk ke dalam majlis dan hendaklah ia berpindah daripada tempat duduknya itu ke tempat yang lain ketika ia tidak dapat berbuat demikian.

22- Hendaklah ia bangkit menghantarkan sahabatnya itu (sehingga sampai kepintu rumahnya) ketika ia keluar dari rumahnya.

23- Hendaklah ia berdiam ketika sahabatnya bercakap-cakap sehingga ia selesai daripada percakapannya dan janganlah ia suka mencelah ketika sahabatnya sedang bercakap-cakap.

Ringkas kata, hendaklah seorang sahabat itu bermuamalah atau bergaul dengan sahabatnya seperti cara yang ia sukai orang lain bermuamalah dengannya. Maka sesiapa yang tidak mencintai untuk sahabatnya akan sesuatu yang ia cintai bagi dirinya

sendiri, maka persahabatan masih tidak ikhlas dan masih mempunyai anasir-anasir munafik dan persahabatan itu akan membawa kepada kebinasaan di dunia dan di akhirat. Maka inilah adab-adab yang mesti engkau jaga pada hak saudaramu yang engkau jadikan sahabat akan dia.

Ceraian ketiga

Adab-Adab Dengan Orang Yang Kita Kenali
(Bukan sahabat karib)

Maka hendaklah engkau berhati-hati daripada mereka kerana engkau tidak menemui kejahatan kecuali daripada orang yang sudah engkau kenali. Lain halnya dengan sahabat karib, maka ia sangat menolongmu. Lain pula halnya dengan orang yang engkau tidak kenali maka jangan engkau campuri segala urusan mereka. Hanyasanya kejahatan itu datang daripada orang yang engkau kenali yang mereka menunjukkan persahabatan di lidah mereka. Maka kurangkanlah daripada berkenalan sekuasamu, tetapi kalau engkau terpaksa juga berkenalan seperti dengan mereka yang engkau selalu terjumpa di madrasah atau di masjid jami' atau surau-surau atau dalam negeri atau dalam pekan, maka jangan engkau menghina sesiapa di kalangan mereka kerana engkau tidak tahu tentang diri mereka. Barangkali mereka jauh lebih baik daripadamu.

Namun jangan pula engkau melihat mereka dengan pandangan kebesaran ketika mereka memiliki harta kekayaan (atau kepangkatan) dunia, kerana yang demikian itu membawa kepada kebinasaanmu. Dan dunia ini sebenarnya hina di sisi Allah dan hina pula seluruh isinya. Oleh kerana itu apabila engkau melihat

kepada ahli dunia dengan pandangan kebesaran maka akan jatuhlah harga dirimu pada pandangan Allah Taala. Dan jangan engkau mengorbankan akan agamamu kerana hendak mendapatkan sedikit daripada harta mereka (ahli dunia) maka sesiapa yang berbuat demikian ia akan dipandang rendah pula oleh mereka, kemudian ia akan terhalang daripada mendapat sebarang keuntungan daripada mereka.

Dan jikalau mereka yang engkau kenali memusuhimu, maka jangan engkau lawan permusuhan mereka kerana engkau tidak mampu malawan mereka bahkan nanti engkau akan merosakkan agamamu bila engkau terlalu sibuk melawan mereka, maka akan panjanglah kepayahanmu dan sia-sialah amalmu [1]

Dan jangan engkau bersenang hati ketika mereka datang memuliakan engkau dan ketika mereka memuji engkau secara berhadapan dan ketika mereka menunjukkan rasa kecintaan kepadamu, kerana apabila engkau cuba memeriksa hakikat daripada penghargaan itu, engkau tidak akan mendapatkan hakikat itu. Mungkin satu dari seratus pun susah engkau dapatkan. Dan jangan engkau merasa hairan apabila mereka mencela engkau dan jangan engkau marah terhadap tindakkan mereka itu kerana apabila engkau menyedari hal itu pasti engkau mendapatkan dirimu membuat seperti perbuatan mereka. Engkau juga berani

(1) Biasanya orang yang wara' bila ia mahu melawan musuhnya ia akan melawan mereka dengan bahasa yang sopan dan penuh adab, sedangkan ahli dunia ini boleh bercakap apa sahaja, bahkan bercakap bohong dan memutar belitkan kenyataan. Maka susahlah orang yang wara' jikalau mahu melawan mereka. Kalau ia hendak melawan juga maka akibatnya ia akan bercakap banyak pula bahkan mungkin ia akan bercakap bohong pula. Maka ketika itu sudah hilang nilai wara' dan sopan santunnya.

mencela kawan-kawan dan sahabat-sahabatmu bahkan engkau sebenarnya telah berani memperkatakan gurumu yang mengajarmu dan ibu bapamu sendiri. Engkau berani menyebut-nyebut mereka di belakang (mengumpat mereka) dengan perkataan yang engkau tidak mampu berterus terang di hadapan mereka.

Dan putuskanlah harapanmu daripada harta, pangkat dan bantuan mereka kerana orang yang tamak akan pemberian orang lain menjadi rugi di hari kemudian dan menjadi hina di dunia ini. Dan apabila engkau terpaksa meminta kepada seseorang akan hajatmu lalu ia bermurah hati menolongmu maka hendaklah engkau bersyukur kepada Allah atas nikmatnya dan hendaklah engkau berterima kasih kepada orang yang menolongmu itu. Dan jikalau ia lemah daripada menolong engkau maka jangan engkau persalahkan dia dan jangan engkau menceritakan kelemahan itu kepada orang lain kerana yang demikian itu akan menimbulkan permusuhan. Dan hendaklah engkau jadi seperti orang mukmin yang suka menerima keuzuran daripada orang lain dan janganlah engkau jadi seperti orang munafik yang suka mencari-cari keaiban orang lain. Dan hendaklah engkau berkata di dalam hatimu: *"Barang kali dia tidak dapat menolongku kerana keuzuran yang tidak dapat dielakkannya, sedangkan keuzurannya itu tidak aku ketahui."*

Dan janganlah engkau memberi nasihat kepada mereka selagi engkau belum melihat pada mereka tanda-tanda akan menerima nasihatmu. Kalau tidak, mereka akan menolak nasihatmu dan kamu jadi bermusuh dengannya. Dan jikalau mereka salah faham di dalam suatu masalah sedangkan mereka tidak mahu belajar daripadamu maka jangan engkau ajarkan akan mereka kerana mereka akan mengambil ilmu daripadamu kemu-

dian lalu mereka akan menjadi musuhmu. Kecuali jika salah faham itu membawa mereka kepada melakukan maksiat dengan sebab jahil. Maka pada ketika itu hendaklah engkau memberi nasihat kepada mereka dengan cara yang lemah lembut bukan dengan cara yang keras atau kasar.

Dan apabila engkau melihat daripada mereka akan kemurahan (dengan harta) atau kebaikan (pada pergaulan) maka bersyukurlah kepada Allah yang telah mencampakkan kecintaan mereka terhadap dirimu. Dan apabila engkau melihat daripada mereka akan kejahatan maka serahkanlah urusan mereka kepada Allah Taala dan berlindunglah dengan Allah daripada kejahatan mereka dan jangan engkau berkata bagi mereka : *"Kenapa kamu tidak megetahui kedudukanku. Aku adalah pulan bin pulan. Aku adalah al-fadil pulan bin pulan yang banyak mempunyai kelebihan di dalam ilmu pengetahuan"* kerana perkataan seperti ini adalah perkataan orang jahil dan yang lebih jahil daripada itu lagi orang yang menganggap dirinya suci dan memuji diri sendiri. Dan ketahuilah olehmu bahawa Allah tidak menuturkan lidah mereka untuk mencelamu kecuali kerana ada dosa yang telah engkau lakukan. Maka meminta ampunlah kepada Allah daripada dosa-dosamu dan ketahuilah bahawasanya yang demikian itu adalah salah satu daripada deraan Allah terhadap dirimu.

Dan hendaklah engkau mendengar segala percakapan mereka yang benar, dan tidak mengambil peduli dengan perkataan mereka yang batil atau keji dan hendaklah engkau menyebutkan kebaikan mereka dan berdiam daripada memperkatakan kejahatan mereka.

Dan janganlah engkau bercampur dengan ulama ahli fekah pada zaman ini apatahlagi mereka yang hanya banyak sibuk dengan masalah khilafiyah dan perdebatan (ilmul Masail Al Khilafiah), maka jauhilah mereka kerana mereka sentiasa menantikan kebinasaanmu dengan sebab sifat hasad yang ada di hati mereka. Mereka berani menghukum secara pasti pada suatu yang hanya mereka sangka terhadap dirimu. Dan mereka sentiasa menyebut keaibanmu apabila engkau luput daripada pandangan mereka. Mereka suka menyebut-menyebut kesalahanmu apabila mereka berjumpa sesama sendiri lalu akhirnya mereka akan berani berhadapan dengan engkau dan terus terang menyebutkan kesalahanmu dengan dada yang penuh meluap-luap kemarahan. Ketika itu mereka tidak memaafkan lagi sebarang kesilapanmu dan tidak mengampuni apa jua ketelanjuranmu dan tidak menutup keaibanmu, bahkan mereka akan menghitung segala kesalahanmu yang halus-halus. Mereka sebenarnya sangat hasad kepadamu atas segala nikmat yang engkau dapatkan, sama ada besar atau kecil, setelah itu mereka menggalakkan orang lain pula supaya memusuhimu. Untuk itu mereka suka menabur fitnah dan berita-berita bohong. Dan seandainya mereka suka kepadamu maka itu hanya satu kepuraan-puraan sahaja. Dan jika mereka marah kepadamu, maka yang tersimpan di dalam hati mereka lebih besar daripada apa yang mereka zahirkan. Zahir mereka diperhiasi dengan pakaian yang indah. Tetapi hati mereka seperti hati serigala.

Apa yang aku sebutkan ini adalah suatu kenyataan yang dapat dilihat dengan jelas - kecuali orang yang dipelihara oleh Allah - Maka sesiapa yang bersahabat dengan mereka pasti ia akan rugi dan siapa yang bergaul dengan mereka pasti ia akan mendapat kehinaan.

Maka inilah keadaan kebanyakan orang yang telah menunjukkan persahabatan denganmu maka betapa pula engkau dapati jikalau seseorang itu berterus terang menganggap engkau sebagai musuhnya.

Berkata Qadhi Ibnu Ma'ruf R.A. :

فَاحْذَرْ عَدُوَّكَ مَرَّةً   وَاحْذَرْ صَدِيْقَكَ اَلْفَ مَرَّةٍ

فَلَرُبَّمَا انْقَلَبَ الصَّدِ يْـــقُ فَكَانَ اَعْـرَفَ بِالْمَـضَرَّةِ

Ertinya :

* *Berhati-hatilah daripada musuhmu sekali dan berhati-hatilah daripada sahabatmu seribu kali.*

* *Barangkali sahabatmu akan bertukar menjadi musuh pada suatu masa kelak maka ia lebih tahu bagaimana untuk menyakitimu.*

Dan berkata Abu Tammam dalam makna yang sama:

عَدُوُّكَ مِنْ صَدِيْقِكَ مُسْتَفَادُ - فَلاَ تَسْتَكْثِرَنَّ مِنَ الصِّحَابِ

فَــاِنَّ الدَّاءَ اَكْثَرُ مَا تَــرَاهُ - يَكُوْنُ مِنَ الطَّعَامِ وَالشَّرَابِ

Ertinya :

* *Banyak musuh yang jadi daripada sahabatmu, oleh itu janganlah engkau memperbanyakkan sahabat.*

* *Cuba engkau lihat kebanyakan penyakit adalah berpunca daripada makanan dan minuman.*

Dan jadikan dirimu seperti apa yang dikatakan oleh Hilal bin Alak dalam syairnya:

لَمَّا عَفَوْتُ وَلَمْ اَحْقِدْ عَلَى اَحَدٍ

اَرَحْتُ نَفْسِي مِنْ هَمِّ الْعَدَاوَاتِ

إِنِّي اُحَيِّي عَدُوِّي عِنْدَ رُؤْيَتِهِ

لأَدْفَعَ الشَّرَّ عَنِّي بِالتَّحِيَّاتِ

وَأُظْهِرُ الْبِشْرَ لِلإِنْسَانِ اُبْغِضُهُ

كَأَنَّهُ قَدْ مَلأَ قَلْبِي مَسَرَّاتِ

وَلَسْتُ اَسْلَمُ مِمَّنْ لَسْتُ اَعْرِفُهُ

فَكَيْفَ اَسْلَمُ مِنْ اَهْلِ الْمَوَدَّاتِ

النَّاسُ دَاءٌ دَوَاهُ الْمَحْضُ تَرْكُهُم

وَفِي الْجَفَاءِ لَهُمْ قَطْعُ الأُخُوَّاتِ

فَسَالِمِ النَّاسَ تَسْلَمْ مِنْ غَوَائِلِهِمْ

وَكُنْ حَرِيْصًا عَلَى كَسْبِ الْمَوَدَّاتِ

وَخَالِقِ النَّاسَ وَاصْبِرْ مَا بُلِيْتَ بِهِمْ

اَصَمَّ اَبْكَمَ اَعْمَى ذَا تَقِيَّاتِ

Ertinya :

** Ketika aku memaafkan orang lain dan aku tidak menaruh sebarang kedengkian terhadap mereka, aku telah selamat daripada sebarang kesusahan dan permusuhan.*

** Aku memberi penghormatan kepada musuh ketika aku berjumpa dengannya. Dengan cara ini aku dapat selamat dari kejahatan mereka.*

** Ketika aku menunjukkan kegembiraanku terhadap orang yang hendak aku marahi, maka aku berjaya memenuhi hatiku dengan kebahagian.*

** Sebenarnya aku masih belum selamat dari kejahatan orang yang aku tidak kenali maka betapa aku akan selamat dari kejahatan orang yang sudah aku cintai.*

** Manusia itu sebenarnya penyakit dan cara menyembuhkannya hanya dengan tidak mencampuri urusan mereka, tetapi memutuskan hubung-an sama sekali (adalah tidak baik kerana itu) bermakna memutuskan persaudaraan.*

** Maka janganlah engkau mengganggu mereka nescaya engkau selamat dari gangguan mereka dan hendaklah engkau mencari kecintaan yang tulin.*

** Apabila engkau mahu bersahabat dengan mereka, maka hendaklah engkau bersabar menghadapi perangai mereka, dan jadikanlah dirimu seakan-akan tuli, bisu, buta daripada kesalahan mereka dan hendaklah engkau sentiasa melazimi ketakwaan.*

Dan jadikanlah dirimu seperti perkataan ahli hikmah :

"Berjumpalah dengan sahabatmu dan musuhmu dengan muka yang manis tetapi bukan kerana hina dan takut terhadap mereka. Dan mantapkanlah dirimu tetapi bukan kerana sombong, dan

rendahkan dirimu tetapi bukan kerana hina , dan hendaklah engkau menjaga kesederhanaan di dalam segala urusanmu kerana sesuatu yang kurang atau lebih adalah tidak baik seperti yang disebutkan di dalam sebuah syair :

عَلَيْكَ بِأَوْسَاطِ الأُمُوْرِ فَإِنَّهَا   طَرِيْقٌ اِلَى نَهْجِ الصِّرَاطِ قَوِيْمٌ

وَلاَ تَكُ فِيْهَا مُفْرِطًا وَمُفَرِّطًا   فَانَّ كِلاَ حَالَ الأُمُوْرِ ذَمِيْمٌ

Ertinya :

** Hendaklah engkau menjaga pertengahan di dalam segala urusanmu, kerana pertengahan itu jalan yang paling baik di dalam menuju kebaikan.*

** Maka janganlah engkau berlebihan atau kurang kerana keduanya adalah tercela."*

Dan jangan engkau memandang hebat terhadap dirimu dan jangan banyak menoleh ke belakang ketika engkau berjalan dan jangan engkau singgah kepada mereka yang sedang berhimpun (kecuali apabila engkau mempunyai hajat). Dan apabila engkau duduk bersama orang ramai, maka janganlah engkau angkatkan kakimu dan jangan engkau menyilang jarimu dan jangan engkau suka memainkan janggutmu dan jangan engkau mencungkil gigimu atau mengorek lubang hidungmu dengan jari dan jangan terlalu banyak meludah atau mengeluarkan gelema (kahak) dan jangan terlalu banyak menghalau lalat daripada mukamu dan jangan engkau suka mengeliat atau menguap di hadapan orang ramai atau ketika engkau sedang sembahyang dan seumpamanya.

Dan hendaklah kedudukanmu di dalam keadaan yang tenang. Percakapanmu teratur dan tersusun. Dan dengarkan baik-baik perkataan orang yang bercakap denganmu tanpa terlalu menunjukkan kehairananmu yang bersangatan dan jangan engkau suka meminta ulang percakapan orang yang bercakap denganmu dan berdiamlah daripada bercerita tentang kebanggaanmu terhadap kejayaan anakmu, atau keindahan syairmu atau kehebatan karanganmu dan segala urusan peribadimu.

Dan jangan engkau suka berhias seperti berhiasnya perempuan dan jangan pula engkau berselekeh seperti lekehnya pakaian seorang hamba dan jangan pula engkau terlalu banyak memakai celak mata atau minyak rambut dan jangan engkau terlalu menekan orang lain dalam menunaikan hajatmu dan jangan engkau menggalakkan orang lain untuk melakukan sebarang kezaliman.

Dan jangan pula engkau memberi tahu anakmu dan isterimu - apatah lagi orang lain - akan berapa jumlah wangmu (duitmu) kerana jikalau mereka mengetahui bahawa wangmu hanya sedikit, mereka akan memandang rendah terhadap dirimu dan jikalau mereka mengetahui bahawa wangmu itu banyak nanti mereka tidak akan puas hati dengan pemberianmu. Dan renggangkan dirimu daripada mereka tetapi engkau bukan bengis, dan lemah lembut terhadap mereka tetapi engkau sebenarnya bukan lemah dan jangan engkau suka bermain dengan hambamu nanti akan hilang harga dirimu pada pandangan mereka.

Dan apabila engkau terpaksa bertengkar dengan orang lain maka hendaklah engkau menjaga kehormatan diri. Dan berhatihatilah supaya engkau tidak bertindak seperti orang yang bodoh atau gelojoh dan fikirkan baik hujjahmu dan jangan engkau banyak mengisyaratkan dengan tanganmu dan jangan engkau banyak menoleh kebelakang dan jangan engkau duduk di atas kedua lututmu. Dan apabila telah hilang marahmu maka bercakaplah baik-baik.

Dan apabila Sultan mendekatimu maka anggaplah dirimu seakan-akan berada di atas mata pedang yang sangat tajam. Dan jauhilah daripada bersahabat dengan orang yang hanya suka kepadamu ketika engkau senang sahaja, kerana dia adalah musuhmu yang paling berbahaya dan jangan engkau jadikan hartamu itu lebih mulia daripada maruahmu.

PENUTUP

Apa yang telah aku sebutkan ini sudah cukup bagimu wahai anak muda (orang baru belajar ilmu tasawuf). Ia sudah cukup untuk engkau jadikan sebagai panduan dalam perjalananmu menuju hidayah. Maka cubalah engkau mengamalkannya. Dan kitab ini terbahagi kepada tiga bahagian.

Bahagian pertama : *Adab-adab melaksanakan ketaatan.*
Bahagian kedua : *Cara-cara meninggalkan maksiat.*
Bahagian ketiga : *Adab-adab pergaulan dan persahabatan.*

Maka kitab ini dengan serba ringkas telah mengandungi semua adab-adab seorang hamba, baik dengan Allah ataupun dengan makhlukNya. Dan jika engkau lihat kitab ini sesuai untuk dirimu dan engkau mendapati bahawa hatimu cenderung kepadanya dan sangat berkehendak untuk mengamalkannya maka ketahuilah bahawa engkau adalah seorang hamba yang telah diberi cahaya oleh Allah di dalam hatimu dengan cahaya iman dan Allah Taala telah melapangkan dadamu dan ketahuilah bahawasanya selepas *bidayah* (permulaan) ini ada *nihayah* (kesudahan) dan di sana masih banyak lagi rahsia dan ilmu yang

halus-halus serta ilmu yang dalam-dalam dan ilmu Mukasyafah[1] seperti yang telah kami sebutkan akan dia di dalam kitab "Ihya Ulumiddin" maka hendaklah engkau menuntutnya.

Tetapi seandainya engkau mendapati dirimu merasa berat melaksanakan segala amalan yang disebutkan di dalam kitab ini dan engkau tidak mahu mencari ilmu yang dapat membersihkan jiwamu dan engkau berkata di dalam hatimu. "Apakah faedahnya aku belajar ilmu ini (ilmu Tasawuf) terutama bila aku hendak duduk bersama dengan para ulama?. Bilakah ilmu ini akan dapat menjadikan aku mendahului ilmu kawan-kawan yang sebaya denganku? Dan bagaimana ilmu ini akam mengangkat pangkatku di majlis menteri- menteri dan orang-orang kenamaan, sehingga aku mendapatkan pemberian, gaji dan kedudukan dalam mentadbirkan harta wakaf dan memperolehi pangkat sebagai qadi. Kalau begitu keadaanmu maka hendaklah engkau mengetahui bahawa syaitan telah berjaya menyesatkan engkau dan melupakan engkau akan tempat kembalimu di akhirat nanti, maka carilah olehmu syaitan yang seumpama denganmu yang dapat mengajarkan apa-apa yang engkau sangkakan bahawa ia dapat memberi manfaat akan dikau dinegeri dunia dan dapat menyampaikan akan dikau kepada apa-apa yang engkau cita-citakan. Dan ketahuilah bahawa kedudukkanmu sebenarnya tidak akan tenang dikawasanmu sendiri

(1) Ilmu mukasyafah iaitu ilmu yang diperolehi oleh seseorang hamba setelah ia menghasilkan dan mengamalkan ilmu muamalah. Ilmu muamalah ialah ilmu yang dicari dan diusahai. Ia boleh dicapai oleh siapa sahaja. Tetapi ilmu mukasafah ialah kesudahan daripada ilmu muamalah ini, iaitu setelah seseorang beramal dengan ilmunya ia akan mendapatkan nur yang dicampakkan oleh Allah Taala di dalam hatinya sehingga ia merasakan lemak manis daripada ilmu yang diamalkannya dan lemak manis daripada imannya.

apakah lagi di daerah atau negerimu. Kemudian {dengan sebab engkau mengutamakan untuk mendapat kesenangan dunia} akan terluput bagimu kerajaan yang kekal abadi di negeri akhirat di sisi Tuhan sekalian alam.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

والحمدلله أولا وآخرا وظاهرا وباطنا ولاحول ولا قوة الابالله العلى العظيم وصلى الله على سيدنا محمد وآله وصحبه وسلم.

Terjemahan ini diselesaikan pada hari Khamis 16 Rabiul Awal 1414 Hijrah bersamaan dengan 6 September 1993 M, jam 11.30 pagi di "*Zawiyah Ghazaliyah*" di Masjid Jami' Bani Umaiyyah, Damascus, Syria.

"*Zawiyah Ghazaliyah*" iaitu bilik yang telah dijadikan oleh imam Ghazali R.a. untuk menjadikan tempat beliau bersunyi diri dalam berbuat beribadat dan mengarang kitab.

❋ ❋ ❋ ❋

Dan adalah diharapkan kepada sesiapa yang menemui sebarang kesilapan atau kekurangan pada terjemahan ini agar dapat bermurah hati memberitahukannya kepada penterjemah supaya dapat diperbetulkan pada cetakan yang akan datang.

RIWAYAT HIDUP IMAM GHAZALI R.A. (450-505H - 1058-1111M)

Imam Ghazali r.a adalah di antara tokoh pemikir Islam yang ulung dan telah mendapatkan gelaran di kalangan kaum Muslimin sebagai "Hujjatul Islam". Beliau bukan hanya terkenal di kalangan kaum Muslimin bahkan juga di kalangan orang yang bukan beragama Islam. Ilmunya sangat luas, pengalamannya dan keahliannya di bidang ilmu tasawuf dan pembentukkan rohani sudah menjadi ciri-ciri keunggulan beliau. Sementara kitab "Ihya Ulumiddin" yang beliau tulis telah diakui kehebatan dan keagungannya oleh kawan dan lawan.

Nama beliau yang sebenarnya Mohammad bin Mohammad bin Ahmad Abu Hamid Ghazali Al Thosi. Beliau dilahirkan dikampung "Ghazalah" dikawasan " Thos" sebuah bandar yang ada di utara Iran. Beliau dilahirkan dari keluarga yang miskin tetapi sangat kuat beragama. Oleh kerana orang tuanya meninggal dunia ketika Imam Ghazali masih kecil, maka kesusahan dan getir pahit yang beliau alami di dalam usaha mencari ilmu di waktu kecil sangat banyak memberi makna kepada kehidupan beliau di masa tua.

Pada mulanya Imam Ghazali r.a. belajar di kampungnya

dengan seorang ulama yang bernama ***Syeikh Ahmad Ar Razakani.*** Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke *Jurjan* dan berguru kepada ***Syeikh Abu Nasir Al Ismaili.*** Setelah itu beliau menlanjutkan pelajaran ke *Naisabur* dan memberi penumpuan mengambil pelajaran daripada ***Imam Al Harmain Al Juwaini.*** Oleh kerana kesungguhan dan kepandaiannya, Imam Al Harmain telah pun mengelarkannya sebagai "***Bahrun Mughdaq***" ertinya, lautan luas yang tidak bertepi.

Apabila Imam Al Harmain meninggalkan dunia pada tahun 478H Imam Ghazali r.a. pergi ke *Muaskar* dan bertemu dengan Al Wazir (menteri) ***Nizam Al Malik*** yang sangat banyak menaruh minat terhadap ilmu dan para ulama. Setelah Al Wazir Nizam Al Malik mengetahui akan kebolehan Imam Ghazali r.a. beliau terus sahaja melantiknya sebagai mahaguru di *Madrasah Al Nizhamiyah* di Baghdad, sedangkan Imam Ghazali r.a. pada masa itu baru mencapai usia34 tahun. Satu kedudukan yang paling tinggi yang belum pernah disandang oleh seorang ulama yang masih muda seperti Imam Ghazali. Dan teruslah beliau menjadi mahaguru di madrasah ini dan dari masa ke semasa kedudukan beliau bertambah kuat dan pengaruhnya bertambah luas sehingga penghormatan yang diberikan kepada beliau melebihi daripada penghormatan yang diberikan kepada pihak atasan dan penguasa. Beliau mengajar di madrasah ini lebih kurang sepuluh tahun.

Setelah itu timbul di hati Imam Ghazali r.a. satu keinginan yang sangat mendesak untuk meninggalkan kedudukan yang tinggi itu, sehingga akhirnya beliau mengambil keputusan untuk beruzlah dan memberikan penumpuan kepada diri sendiri. Maka pada tahun 488H beliau pergi meninggalkan Baghdad dan

meninggalkan segala kekayaan, pangkat dan penghormatan. Dan untuk seterusnya beliau melazimkan diri mempelajari ilmu tasawuf dan penyucian jiwa. Beliau pada mulanya pergi ke Damascus, negeri Syam (Syria) dan beruzlah di sana lebih kurang dua tahun kemudian beliau pergi menunaikan ibadat haji ke Mekah Al Mukarramah dan ziarah Madinah Al Munawwarah dan bandar Quds (Palestine) kemudian beliau kembali ke Syria dan beliau suka beruzlah di masjid Al Jami' Al Umawi, Damascus. Dan di sanalah beliau mulai mengarang kitab beliau yang mashyur itu, iaitu Ihya Ulumiddin[(1)]

Setelah itu Imam Ghazali r.a. pulang ke kampung asalnya "***Thos***" dan tinggal di sana lebih kurang enam tahun. Kemudian pada tahun 499H beliau diminta oleh ***Fakhrul Malik*** anak Nizhamul Malik supaya beliau dapat mengajar di *Madrasah Nizhamiyah* yang ada di *Naisabur.* Oleh kerana Imam Ghazali r.a. memandang bahawa beliau bukan hanya diciptakan untuk membimbing dirinya sendiri tetapi juga untuk membimbing orang ramai, maka beliau bersedia memenuhi panggilan Fakhrul Malik untuk mengajar di Madrasah Nizhamiyah di Naisabur.

Dan pada tahun 500H telah terjadi pembunuhan terhadap Fakhrul Malik dan terjadi kekacauan dalam negeri maka Imam Ghazali r.a. memilih untuk pulang ke kampung asalnya "Thos" lalu beliau mengasaskan sebuah Madrasah dan Zawiyah (Pondok) berhampiran dengan rumah kediamannya. Maka sejak dari itu beliau hanya mengajar di situ dan menghabiskan

---

(1) Tempat yang dipilih oleh Imam Al Ghazali itu sampai sekarang ini masyhur dengan sebutan "Zawiyah Ghazaliyah" iaitu di sudut belakang sebelah kanan masjid tersebut.

umurnya dengan mengajar, mengarang dan mendidik murid-murid yang datang mengaji di madrasahnya sehingga beliau dipanggil ke hadrat Allah pada tahun 505H dan jenazahnya dimakamkan di ***Thabran, Thos.***

Imam Ibnu Al Jauzi menghikayatkan daripada Imam Ahmad (saudara Imam Ghazali r.a.) yang menceritakan peristiwa kematian Imam Ghazali r..a.. Berkata Imam Ahmad tersebut: Setelah terbit fajar hari Isnin (14 Jamadil Awal 505 H) saudaraku (Imam Ghazali) berwudhuk dan terus sembahyang subuh, selepas sembahyang subuh beliau berkata, "Bawa ke sini kain kapanku". Lalu beliau mengambil kain kapan sambil berkata, "Aku telah bersedia untuk datang memenuhi panggilanmu dengan penuh ketaatan dan kepatuhan". Setelah itu beliau menghunjurkan kakinya menghadap qiblat dan terus beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir untuk memenuhi panggilan Tuhannya dengan penuh ketenangan.

Semoga Allah mencucuri beliau dengan rahmat yang luas dan semoga Allah memberi keberkatan kepada kita dengan ilmu yang beliau tinggalkan .

والله اعلم بالصواب واليه المرجع والمآب

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Kitab "Bidayatul Hidayah" ini adalah di antara kitab karangan Imam Hujjatul Islam Al Ghazali R.A. yang banyak diberi berkat oleh Allah Taala. Ia merupakan ringkasan atau pati kepada kitab Ihya Ulumiddin. Dan kitab ini telah banyak memberi faedah dan bimbingan bagi setiap orang yang mentelaahnya dengan niat yang ikhlas untuk mengamalkan isi dan kandung-annya. Faedah dan manfaatnya sudah jelas dan tidak dapat diragukan lagi.

Sebenarnya kitab "Bidayatul Hidayah" ini telah pun diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Al Alim Al 'Allamah Syeikh Abdul Samad Al Falimbani R.A. (meninggal dunia sekitar tahun 1203 H) dan beliau namakan terjemahan tersebut dengan nama *"Hidayatus Salikin fi Suluki Maslakil Muttaqin"* iaitu kitab yang tersangat masyhur di Asia Tenggara ini dan sangat banyak berkatnya. Ia mempunyai gaya bahasa yang tinggi dan huraian yang lengkap serta tambahan yang sangat besar faedahnya. Dan tujuan kita menterjemahkan semula kitab ini hanyalah untuk menampilkan satu terjemahan baru yang lebih ringkas dan sesuai bagi meraikan kemampuan generasi yang ada sekarang ini.

DITERBITKAN OLEH:
PUSTAKA DARUSSALAM SDN. BHD.
KOMPLEKS PERUDA, JALAN SULTAN BADLISHAH
ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN
TELEFON : 04-7335724

Harga : RM 10.00